

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 19

Khamis

19 Mac 2009

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009

Jawatankuasa:-

Jadual

Maksud B.41	(Halaman 28)
Maksud B.42	(Halaman 81)
Maksud B.44	(Halaman 110)
Maksud B.48	(Halaman 129)
Maksud B.49	(Halaman 131)
Maksud B.60	(Halaman 133)
Maksud B.62	(Halaman 143)
Maksud B.26	(Halaman 156)
Maksud B.31	(Halaman 156)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 27)

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2008

Jawatankuasa:-

Maksud P.41	(Halaman 28)
Maksud P.43	(Halaman 98)
Maksud P.44	(Halaman 110)
Maksud P.46	(Halaman 128)
Maksud P.48	(Halaman 129)
Maksud P.26	(Halaman 156)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri **Datuk Seri Utama** Pandikar Amin Haji Mulia, S.U.M.W., P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Syed Hamid Albar, S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. ” Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. ” Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
16. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO
17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB

18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ **Sri** Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato’ **Sri** Liow Tiong Lai, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
25. ” Menteri Penerangan, Dato’ Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) –UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Amirsham A. Aziz – *Senator*
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRs
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
8. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

10. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
12. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
21. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
24. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
25. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Wan Ahmad Farid bin Dato’ Wan Salleh – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
29. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
31. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO

33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
35. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
36. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato’ Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
8. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Yang Berhormat Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
19. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
20. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
21. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
22. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
23. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
24. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
25. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB

26. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
27. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
28. “ **Dato’** Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
29. “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
30. “ Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
31. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
32. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
33. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
34. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
36. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
37. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
38. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
39. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
40. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
41. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
42. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
44. “ Yang Berhormat Dato’ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
45. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
46. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
47. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
48. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
49. “ Dato’ Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
50. “ Dato’ Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
51. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
52. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
53. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
54. “ Dato’ Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
56. “ Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO

57. “ Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
58. “ Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
59. “ Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
60. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
61. “ Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
63. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
64. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
65. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
66. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
67. “ Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
68. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
69. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
70. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
71. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
72. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
73. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
74. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Datuk Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
9. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ **Dato’ Johari bin Abdul**, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)

15. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
16. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
17. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
18. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
19. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
20. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
21. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
22. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
23. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
24. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
25. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
26. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato’ Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)

19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ **Dato’** Haji Mahfuz bin Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
10. “ **Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut (Kuala Terengganu)**
11. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Haji Roslan Shahrarum (Bukit Gantang)
19. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
20. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
21. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
22. “ Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
23. “ Dato’ Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
2. " Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
3. " Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Ganesan a/l Nanthan

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi

Sukmawati binti Abdul Rahman

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Nurul Fariahah binti Mohd. Isa

Nordiyana binti Kamal Ariff

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 19 Mac 2009

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah pembelaan kerajaan terhadap golongan pesara di sektor swasta. Adakah skim pencen swasta akan dilaksanakan segera.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin terhadap semua pekerja termasuk pekerja-pekerja swasta. Untuk menjamin dan membela kehidupan pekerja swasta yang bersara kerajaan telah mewujudkan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan melalui skim ini pekerja swasta yang bersara akan mendapat sejumlah wang hasil caruman bagi menampung kehidupan selepas bersara. Penemuan awal telah menunjukkan kebanyakan pencarum-pencarum KWSP telah menggunakan simpanan mereka dalam satu tempoh masa yang singkat. Dengan itu matlamat untuk simpanan hari tua tidak tercapai dan pada masa sekarang terdapat perubahan sosial di mana anak-anak tidak lagi dapat membantu menanggung ibu bapa mereka.

Dengan mengambil kira keadaan ini kementerian telah mencadangkan supaya satu Skim Pencen Kebangsaan untuk sektor swasta diwujudkan. Dalam hal ini pandangan daripada semua pihak amat dialu-alukan. Sebagai permulaan kementerian telah mengambil inisiatif untuk mengadakan beberapa perbincangan dengan agensi-agensinya kerajaan yang terlibat seperti Kementerian Kewangan, Unit Perancangan Ekonomi dan KWSP. Kita berharap dalam beberapa bulan iaitu kalau boleh dalam empat bulan yang akan datang kita akan menghasilkan satu laporan yang akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk tindakan yang selanjutnya. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah sememangnya nasib pekerja di sektor swasta ini selepas berpencen mereka memang semakin terpinggir berhadapan dengan tekanan ekonomi, kos perubatan yang tinggi terutamanya golongan *middle class* ini. Lainlah kalau macam Menteri

Besar Selangor, jumlah pendapatannya RM30,000 sebulan. Setahun RM5.1 juta sama macam Pengerusi Puncak Niaga yang mereka bising sebelum ini.

Jadi, apa yang ingin saya bangkitkan di sini, jika sekiranya skim pencen yang akan dilaksanakan menggunakan simpanan KWSP, tidakkah ada cadangan supaya diberi opsyen iaitu hendak menggunakan KWSP untuk pencen ataupun mereka boleh dikeluarkan untuk tujuan melabur dalam dana-dana seperti ASNB dan sebagainya. Maksud saya ialah diberi opsyen, bukan diwajibkan terus iaitu duit simpanan KWSP mereka ini digunakan untuk bayar pencen setiap bulan. Mohon penjelasan.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, semasa saya mencadangkan konsep ini satu saranan dibuat ialah supaya skim ini dilaksanakan melalui KWSP. Akan tetapi ada orang yang salah faham apa yang ditunjukkan dan telah memberi gambaran seolah-olahnya kerajaan menukarkan simpanan dalam KWSP untuk digunakan sebagai satu skim insurans di mana sepenuhnya jumlah yang telah dicarum tidak akan dapat balik untuk pekerja yang telah mencarumkannya. Itu bukan hasrat kerajaan. Hasrat kerajaan ialah untuk mewujudkan satu sistem di mana semua pekerja yang telah bersara di dalam satu sistem yang baru di mana, pertamanya, untuk mereka yang akan mula bekerja pada masa sekarang iaitu pekerja-pekerja baru. Mereka akan masuk kepada satu sistem di mana sistem ini akan diwujudkan supaya ini akan memberi satu sokongan kepada mereka selepas mereka bersara untuk mendapat bayaran tiap-tiap bulan dengan mengambil kira gaji penghabisan mereka. Itu ialah cadangan yang dibuat sepanjang hayat hidup mereka supaya ini akan menyelesaikan beberapa isu kebajikan yang kita hadapi pada masa sekarang.

Menjawab soalan yang telah ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentang kegunaan duit yang ada dalam KWSP ini, yang mereka sudah mencarum, itu adalah duit mereka. Sepenuhnya duit itu adalah duit mereka dan di dalam sistem yang ada pada masa sekarang selepas mereka bersara mereka ambil balik segala yang telah dicarum. Akan tetapi bolehkah ini digunakan untuk bayaran Skim NUT atau di dalam Amanah Saham itu adalah satu perkara yang patut diarahkan kepada KWSP kerana KWSP telah memulakan beberapa program bantuan yang sekarang telah digunakan oleh pencarum KWSP.

■1010

Adakah KWSP akan terima cadangan baru ini, itu terpulang kepada mereka, tetapi cadangan kita ialah supaya wujudkan satu sistem untuk semua rakyat yang akan kerja dari masa sekarang supaya selepas bersara mereka akan mendapat pencen sepanjang hayat mereka. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Tuan Yang di-Pertua, bila kita mengatakan pesara, semestinya ada umur untuk pesara. Untuk swasta, tidak ada. Walaupun dari segi *Employment Act* ada *regulation* memberi *power* kepada Menteri untuk menentukan umur bersara hingga sekarang ia tidak ditentukan lagi. Yang

mustahak adalah kita perlu satu *certainty* dalam perkara ini supaya golongan pesara ini dapat ditentukan.

Sekarang kita ada situasi di mana mereka dipaksa bersara pada umur 58 tahun. Banyak kes sedemikian telah dibawa ke Mahkamah Perusahaan. Saya pohon agar satu definisi ditentukan. Saya harap definisi ini diberi sedikit kelonggaran memandangkan *life expectancy* di Malaysia ini sangat tinggi sekarang, dekat 70 lebih. Macam Hakim-hakim Mahkamah Tinggi di mana mereka bersara 67, harap ini diguna pakai di sini. Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, bila Menteri menjawab mengenai KWSP, ini aneh kerana KWSP bukan di bawah kementerian ini walaupun...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Barat, soalan tambahan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan buat kenyataan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini mustahak kerana bila Yang Berhormat Menteri menjawab, dia sebenarnya kabur, dia tidak berapa tahu mengenai KWSP.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya, Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Soalan saya, bukankah polisi yang baik jika KWSP ini di bawah kementerian. Kenapa pula bila kita bahas ini dan tanya soalan kalau Menteri menjawab mengenai KWSP tetapi KWSP bukan di bawah kementerian. Ini sangat aneh dan saya harap Menteri ini ada betul-betul *bold enough* untuk mohon agar KWSP dibawa ke bawah kementerian supaya koordinasi di antara KWSP, SOCSO dan lain-lain pencen dapat disatukan.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Saya memang jelas di dalam jawapan saya. Soalan yang kabur. Saya berharap Yang Berhormat boleh memahami apa yang saya telah terangkan kerana isu yang pertama adalah umur bersara. Kita sudah bincangkan tentang perkara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa di dalam sektor swasta, keperluan-keperluan satu-satu pekerjaan itu berbeza dari satu ke satu. Oleh itu di dalam Akta Kerja, kita telah memberi kebebasan untuk majikan itu menentukan apa umur yang sewajarnya untuk pekerja yang bekerja di dalam bidang itu bersara. So kebebasan itu diberi dan dilaksanakan melalui *Contract of Employment* yang mereka ada di mana sudah ditetapkan apa umur yang patut diikuti untuk bersara.

Kebebasan ini diberi dengan mengambil kepentingan industri dan keperluan majikan. Senang untuk kerajaan menentukan bahawa pihak swasta ikut 58 tahun seperti pihak awam dan semua orang bersara, tetapi pihak swasta ada orang yang bekerja sampai 65 tahun yang masih dibenarkan kerana kita tidak menentukan satu umur yang tetap kerana kelonggaran dan kebebasan ini diberi kepada majikan di dalam pihak swasta untuk menentukan manakah umur yang patut dan boleh digunakan.

Untuk menjawab soalan yang kedua, kita mahu mencadangkan satu skim. Cadangan skim ini wujud pada Kementerian Sumber Manusia. Cuma kita telah minta supaya pihak yang

melaksanakan skim ini ialah KWSP. Itu tidak bermaksud KWSP sebenarnya mesti di bawah Kementerian Sumber Manusia supaya perkara ini boleh dilaksanakan. So cadangan ini memang sebagai kementerian yang menjaga sumber manusia, tenaga kerja di dalam negara kita ini, kita mencadangkan satu skim demi kepentingan itu dan di dalam hal ini dengan niat yang baik mencadangkan supaya agensi yang paling sesuai untuk melaksanakannya diberi tanggungjawab. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Marvelous Minister.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, masih ada lagi rakyat negara ini membawa balik gaji kurang daripada RM100 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Kerana Menteri kita Menteri kabur.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, jangan ambil kesempatan pada awal pagi ini, Yang Berhormat Padang Serai.

2. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta Menteri Luar Negeri menyatakan darihal "ASEAN Security Community" menyentuh status kewujudan, organisasi, fungsi, pencapaian dan halangan setakat ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan juga terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Machang di atas soalan yang dikemukakan. ASEAN Political Security Community (APSC) adalah salah satu daripada tiga tonggak di bawah wawasan ASEAN ke arah mewujudkan satu komuniti ASEAN menjelang tahun 2015. dengan berkuat kuasanya Piagam ASEAN pada Disember 2008, satu Majlis Komuniti Politik Keselamatan telah dibentuk sebagai struktur organisasi yang khusus untuk memperkasa dan merealisasikan tonggak komuniti politik keselamatan ASEAN ini.

Dari sudut organisasi, seperti yang diperuntukkan di dalam Perkara 9, Piagam ASEAN, majlis ini mempunyai ASEAN Sectoral Ministerial Bodies yang diwakili oleh Menteri Luar dan pegawai-pegawai kanan yang berkaitan bagi setiap negara anggota. Di antara fungsi Majlis Komuniti Politik Keselamatan ini adalah:

- (i) majlis ini juga bertanggungjawab sepenuhnya mengemukakan laporan atau syor kepada Sidang Kemuncak ASEAN atau ASEAN Summit mengenai bidang-bidang berkaitan yang perlu diketengahkan dan diberikan perhatian serius; dan
- (ii) memastikan dan memantau pelaksanaan setiap keputusan dan persetujuan Sidang Kemuncak ASEAN yang menyentuh berkaitan bidang politik dan keselamatan.

Memandangkan majlis ini baru sahaja dibentuk iaitu selepas berkuat kuasanya Piagam ASEAN, adalah terlalu awal untuk menilai dan mengenal pasti halangan yang dihadapi. Adalah menjadi harapan ASEAN agar majlis ini dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat pembentukan komuniti ASEAN 2015 dan selanjutnya mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini. Terima kasih.

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada Sidang Kemuncak ASEAN di Bali 2003, idea asal komuniti keselamatan ASEAN ini tercetus dan antara pelan tindakan yang digariskan enam tahun dahulu ialah:

- (i) mengukuhkan institusi demokrasi;
- (ii) memastikan aliran maklumat di kalangan anggota ASEAN;
- (iii) meningkatkan amalan *good governance*;
- (iv) menghalang dan menghapuskan rasuah; dan
- (v) mempromosikan *human rights and obligations*.

Itu merupakan kayu ukur dan sasaran yang sangat jelas. Enam tahun berlalu, saya ingin bertanya kepada kementerian, setakat mana pencapaian berasaskan kepada lima objektif yang telah dikenal pasti tersebut. Pencapaian terhadap lima objektif yang telah digariskan enam tahun dahulu merujuk tentang komuniti keselamatan ASEAN. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Machang di atas soalan tersebut. Seperti mana yang kita tahu dan seperti mana Yang Berhormat telah jelaskan tadi bahawa di dalam persetujuan Concord Bali berkaitan dengan isu ini telah pun dimasukkan selanjutnya di dalam FPAC yang telah pun disahkan di dalam Persidangan ASEAN baru-baru ini di Hua Hin. Apa yang saya ingin nyatakan di sini bahawa beberapa perkara yang telah pun digariskan iaitu enam perkara yang telah pun digariskan di dalam persetujuan-persetujuan tersebut, saya ingin menyatakan di sini bahawa memang terdapat kemajuan-kemajuan yang telah dicapai di dalam soal ini. Kita harus mengakui bahawa ASEAN ini adalah bukan satu pertubuhan yang telah berjaya di dalam banyak pertubuhan-pertubuhan di dunia hari ini.

■1020

Walaupun kewujudannya hanya 42 tahun tetapi kita bukan sahaja dapat mewujudkan satu *regional corporation* yang berjaya tetapi juga telah mewujudkan kestabilan di rantau ini. Berkaitan dengan perkara-perkara lain, memang ia bukan sesuatu yang statik. Ia adalah merupakan sesuatu yang berubah mengikut masa. Kita melibat bahawa memang terdapat banyak kemajuan yang telah dicapai oleh ASEAN selanjutnya.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di bawah AAC, kita sebenarnya mempunyai beberapa instrumen politik seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi seperti ZOPFAN, TSC dan juga SEANWFZ *Treaty* yang memainkan peranan supaya kita dapat mengekalkan keselamatan dalam semua negara-negara anggota ASEAN. Akan tetapi kita masih

lagi terikat di bawah PBB dan juga dengan izin *the principal of international law* yang mana kita juga tentunya negara Amerika yang memainkan peranan penting.

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika kementerian dan juga ASEAN merasakan kita perlu *independent* dan kita bebas daripada telunjuk luar. Apakah peranan kementerian dalam menegakkan isu ini? Apakah peranan kementerian dalam isu Myanmar iaitu pemerintahan junta yang masih tidak mengiktiraf demokrasi serta pelarian Rohingya yang dinafikan hak mereka di bumi sendiri? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah menyentuh berkaitan dengan dua isu di situ. Isu yang pertama ialah berkaitan sama ada ASEAN adalah merupakan satu pertubuhan yang bebas? Sebenarnya kita adalah satu pertubuhan serantau yang menggabungkan negara-negara Asia Tenggara yang mempunyai wawasan untuk melihat ASEAN menjadi sebuah negara yang maju dan juga bebas daripada apa jua gangguan untuk meneruskan matlamat mereka.

Akan tetapi seperti mana yang kita tahu bahawa kita tidak terpisah daripada masyarakat antarabangsa. Sebagai ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sudah tentulah banyak perkara kita juga harus bersama dengan masyarakat antarabangsa. Berkaitan dengan isu Myanmar yang telah dinyatakan tadi, seperti mana yang saya jelaskan berkali-kali di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya terdapat kemajuan yang telah pun dicapai oleh Myanmar dalam usaha untuk mendemokrasikan negara tersebut dan telah pun ada usaha-usaha untuk mewujudkan perdamaian nasional. Sebenarnya Myanmar telah pun menjanjikan bahawa mereka akan mengadakan pilihan raya pada 2010 iaitu satu pilihan raya yang pada mereka adalah bebas dan kita ingin melihat perkembangan ini.

Berkaitan dengan isu Rohingya yang telah dinyatakan tadi. Sukacita saya ingin nyatakan bahawa isu Rohingya telah pun menjadi topik di dalam perbincangan ASEAN di dalam sidang yang telah diadakan di Hua Hin baru-baru ini. Terima kasih.

3. Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan pencapaian negara kita dalam mematuhi piawaian dan kualiti antarabangsa bagi produk-produk pertanian dan perikanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, bagi mematuhi piawaian dan kualiti antarabangsa produk-produk tanaman, perikanan dan ternakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah membangunkan dua skim persijilan untuk tanaman iaitu Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALAM) dan Skim Organik Malaysia (SOM). Untuk sektor perikanan iaitu Persijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM), Sijil Amalan Akuakultur Baik (SAAB) dan untuk sektor ternakan iaitu Sijil Amalan Ladang Ternakan (SALT), bagi menjamin produk makanan yang berkualiti dan selamat di makan.

Negara-negara pengimport mengadakan syarat-syarat tertentu kepada pengeksport hasil-hasil pertanian, perikanan dan penternakan. Antara syarat-syarat pengeksportan yang perlu dipatuhi adalah:-

- (i) mempunyai sijil *phyto sanitasi* dan sijil kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan;
- (ii) menggunakan kotak pembungkusan yang ditetapkan oleh negara pengimport seperti lubang pengudaraan ditutup dengan *wire match* berdiameter 1.66 milimeter dan tebal 0.16 milimeter;
- (iii) rawatan air panas di premis yang diluluskan oleh pihak berkuasa negara pengimport;
- (iv) ladang, pusat pembungkusan dan syarikat fumigasi dan *facility* yang terlibat diperiksa dan diluluskan oleh negara pengimport;
- (v) mematuhi syarat verifikasi *vessel*, ladang ternakan, pengurusan makmal dan *country of origin*;
- (vi) mematuhi pemeriksaan parameter keselamatan makanan dan penyakit ikan supaya produk adalah bebas dari bahan *addictive*, virus, parasit, toksin dan sebagainya; dan
- (vii) mempunyai rekod bagi pendaftaran ladang, pengurusan dan pemantauan kesihatan ikan, pengenalpastian zon bebas penyakit, rekod penyaringan penyakit, kematian ikan, rekod keluar masuk ikan, pelupusan dan rawatan.

Kerajaan Malaysia sentiasa menggalakkan pengusaha supaya mematuhi kualiti dan piawaian antarabangsa supaya produk-produk yang dihasilkan dapat diterima oleh negara-negara pengimport. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniahlah kerana kementerian mengambil kira piawaian antarabangsa ini terhadap petani-petani dan pengusaha-pengusaha perikanan di negara ini. Namun begitu, saya ingin menarik perhatian kementerian kepada pengimport pula. Kita mempunyai masalah di negara ini kerana banyak produk pertanian dan perikanan ini menjadi satu lambakan yang besar di negara ini. Jadi seperti di Eropah contohnya, kalau ada satu-satu produk pertanian dan perikanan yang memasuki kawasan Eropah, dia mempunyai satu standard yang dipanggil *Euro Gap* ataupun *good agriculture practise*.

Jadi saya hendak bertanyakan kepada kementerian, untuk mengatasi masalah lambakan, masalah harga yang dinaikkan oleh pengimport kononnya produk-produk di luar negara ini menepati piawaian antarabangsa supaya harga ini berpatutan. Apakah kerajaan

mempunyai inisiatif untuk mengenakan juga piawaian antarabangsa ini kepada pengimport yang datang ke negara Malaysia? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul apa Yang Berhormat katakan. Kita selalu mendengar komen daripada orang mengatakan bahawa negara kita ini mudah sangat diadakan lambakan ke negara kita. Jadi oleh yang demikian Yang Berhormat, sekarang ini di setiap barang-barang yang masuk ke Malaysia di setiap pintu masuk barang-barangan daripada luar, kita mengenakan satu akta yang dinamakan Akta 3P.

Akta 3P ini adalah akta dari segi pemeriksaan pembungkusan, penggredan dan pelabelan. Segala produk yang masuk dan akan diimplementasikan pada bulan Julai tahun ini. Semua ini kita mesti memastikan bahawa segala produk yang masuk mesti mematuhi segala ketetapan yang dikatakan tadi di bawah 3P. Kita Yang Berhormat menggunakan piawaian antarabangsa iaitu *Codex* bagi khasnya buah-buahan dan sebagainya. Selain daripada itu, kita juga telah mewujudkan MAQIS iaitu *Malaysian Agriculture Quarantin Inspection Service* di kesemua pintu masuk di negara kita iaitu sebanyak 52 buah pintu masuk. Di mana segala barang-barang ini akan diperiksa dengan ketat serta mematuhi kepada segala piawaian-piawaian negara dan juga piawaian antarabangsa, untuk memastikan bahawa tidak ada terjadinya lambakan-lambakan khasnya produk yang inferior ke negara kita. Terima kasih.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan tentang *intellectual property* terhadap bahan-bahan pertanian, tanaman yang dihasilkan daripada negara kita. Sejauh manakah ia telah benar-benar dapat kita manfaatkan *intellectual property* ini supaya tidak bahan yang dihasilkan daripada negara kita yang sekarang ini memasuki pasaran antarabangsa. Seperti maklumat yang ada pada saya adalah yang paling popular sekarang ini adalah Tongkat Ali contohnya, benar-benar dapat ia kita yang bermanfaat, kita yang mempunyai manfaat daripada bahan-bahan tersebut supaya tidak mudah terjual kepada orang lain.

■1030

Maklumat saya juga sekurang-kurangnya pihak kementerian melalui agensi FAMA telah menggariskan tiga jenama ataupun lambang sebagai tanda pengesahan kualiti dan keselamatan makanan hasil pertanian Malaysia supaya mampu bersaing di peringkat Malaysia dan juga antarabangsa. Tiga jenama tersebut adalah;

- (i) Malaysia's Best;
- (ii) Olimas; dan
- (iii) AgroMas.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan terhadap tiga perkara tersebut, terima kasih.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih Yang Berhormat. Memang telah diluluskan di dalam Dewan yang

mulia ini, satu, untuk kita mengadakan *protection* kepada *intellectual property* kita khasnya dari segi pertanian. Sebenarnya ini mesti juga diketahui oleh umum supaya cepat mendaftarkan apa yang mereka telah dapat secara *intellectual property* masing-masing dan memang Yang Berhormat, satu daripada yang begitu popular iaitu tongkat ali.

Mana-mana negara sekarang ini semua ada tongkat ali. Jadi kita pun hendak memastikan bahawa tongkat ali itu adalah *intellectual property* di negara kita. Jadi oleh yang demikian eloklah juga melalui soal jawab macam ini kita menegaskan, ya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tongkat Ali itu untuk apa?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Akar kayu, akar kayu yang macam-macam khasiatlah, balasan dia kacip fatimah dan sebagainya. *[Ketawa]*

Sebab sekarang ini memang mana-mana negara di dunia juga sudah ada kopi tongkat ali, teh kacip fatimah. Memang dia selalu macam itulah. Jadi sebenarnya kita memang mengetahui bahawa akar-akar sebegini adalah memang telah dibuat banyak penyelidikan di negara kita. Sebab itu kita memang merasa cemburu dan kita minta pengusaha itu juga mendaftarkan sebagai *intellectual property* mereka supaya perkara ini jangan terlepas dan kalau sesiapa yang menghendaki mereka terpaksa membayar *right* ini kepada kita yang sepatutnya mempunyai.

Terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang kita hendak mewujudkan satu standard yang tinggi seperti saya katakan tadi mengguna Akta 3P. Sebenarnya itu dikawal-selia di bawah FAMA dan oleh yang demikian selain daripada pembungkusan, pelabelan dan penggredan, memang kita juga telah mewujudkan seperti Yang Berhormat katakan tadi *branding* supaya kita tahu dengan *branding* itu ini adalah barangan daripada Malaysia dan ianya menggunakan standard yang tertinggi seperti yang saya katakan tadi kita mengguna HACCP dan *Euro GAP* sama juga dengan *Global GAP*.

Pada masa yang sama, kita mewujudkan Akta 3P ini supaya kalau ada masalah atau komplain daripada mana-mana pengguna di dalam atau di luar negara, kita boleh *trace* supaya kita boleh mengadakan pembaikan supaya perkara itu dapat ditangani dengan cepat. Jadi Yang Berhormat memang kita menuju ke landasan itu tetapi satu sahaja masalah kita kadang-kadang hendak *sustain*kan amaun atau pengeluaran itu adalah menjadi satu cabaran kepada kami di dalam kementerian ini, terima kasih.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, boleh pohon soalan tambahan ketiga?

4. **Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengekang merebaknya penyakit AIDS dan HIV daripada 80 ribu tahun lalu menjadi hampir tiga kali ganda iaitu 300 ribu pada tahun 2015 seperti mana laporan Majlis AIDS Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Telok Kemang, ingin saya membuat sedikit pembetulan pada soalan tersebut mengenai laporan daripada Majlis AIDS Negara yang mengatakan akan terdapat 300,000 kes-kes HIV menjelang 2015 tidak agak tepat.

Kita di kementerian mengakui kes-kes HIV secara *accumulative* dengan izin, sudah pun mencapai angka 80,000 setahun mengambil purata tiga kes baru setiap hari dan satu kematian ekoran daripada AIDS setiap hari. Walau bagaimanapun, pada tahun 2003, kes-kes ini banyak menurun daripada 27% setiap 100,000 penduduk pada tahun 2003, angka ini berterusan menurun kepada 13% tiap-tiap 100,000 penduduk menjelang 2008.

Oleh yang demikian usaha-usaha bagi memastikan penyakit ini tidak menjadi ancaman kepada negara dan sebahagian daripada teras Millennium Development Goal atau MGD, kerajaan mulai tahun 2006 hingga 2010 telah pun melaksanakan pelan strategi kebangsaan mengenai AIDS di mana pelbagai program telah diadakan mengenai pencegahan, kawalan, rawatan, penjagaan dan sokongan mereka yang terlibat dengan HIV dan AIDS, terima kasih.

Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada sedikit penafian mengenai dengan angka yang diberi oleh Majlis AIDS Malaysia tetapi saya dapat angka ini daripada laporan yang dikeluarkan oleh MAM. Kalau benar angka ini Tuan Yang di-Pertua, ini menggerunkan dan kerana ini hasil daripada industri gelap yang besar iaitu pelacuran dan dadah.

Maka perlu ada satu tindakan yang melibatkan peruntukan yang besar mengenai dengan kempen untuk membanteras merebaknya penyakit ini. Jadi saya ingin tahu selain daripada apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana apa yang dilakukan tidak mencerminkan usaha kita untuk membanteras penyakit ini menyeluruh kerana kurangnya kempen melalui media massa. Jadi saya hendakkan peruntukan yang besar supaya kita adakan kempen yang lebih di media massa mengenai dokumentari ataupun iklan-iklan dan juga pendidikan di sekolah-sekolah dan di IPT-IPT, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Telok Kemang. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Telok Kemang kerana program-program ini telah pun berjalan dengan lancar. Ada beberapa jawatankuasa umpamanya Jawatankuasa Kabinet Mengenai AIDS, Jawatankuasa Membanteras Dadah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Peruntukan yang diperuntukkan bagi menjalankan program khususnya dalam mengurangkan kemudaratan, *harm reduction program*, dengan izin, daripada 2006 hingga 2010 setengah bilion kita peruntukkan. Sekarang kita sudah merawat

mereka yang terlibat dengan dadah, mengambil suntikan ini, kita buat program *Needle Exchange Program* yang dijalankan oleh persatuan-persatuan bukan kerajaan secara berkesan.

Kita juga menjalankan program mengurangkan kemudaratan melalui penggunaan gantian *methadone* yang sekarang ini sudah pun melibatkan dekat 7,000 *addict* atau pesakit dan tahun hadapan kita punya sasaran adalah 10,000 dan dijangkakan pada tahun 2010 tahun depan ia akan melibatkan 20,000 orang.

Elok saya nyatakan Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini kes-kes HIV sekarang ini meningkat di kalangan wanita ekoran daripada apa Yang Berhormat Telok Kemang nyatakan berlakunya hubungan kelamin secara bebas dan perkara ini kita *address*, dengan izin, secara terperinci dan begitu fokus. Sebab itu kita tidak uar-uarkan program-program ini, terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Bagi doktor.

■1040

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebahagian besar pembawa atau penghidap HIV/AIDS ini merupakan golongan yang sengaja mencari sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Telok Kemang tadi. Kita menjalankan polisi merahsiakan penghidap dan pembawa HIV ini dengan alasan untuk menjaga maruah mereka. Ini menimbulkan kegelisahan kepada masyarakat sebab mereka tidak tahu siapa yang menghidap, siapa yang membawa sehingga anak-anak kita yang ingin berkahwin pun terpaksa menjalani ujian HIV. Adakah kerajaan bercadang supaya dasar merahsiakan itu kita buka semula supaya semua orang tahu bahawa yang menghidap itu merupakan yang mencari HIV/AIDS kecuali kepada mereka yang terkena seperti menerusi kelahiran dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Menyimpan rahsia adalah sebahagian daripada *human rights* dan menjadi...

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: ..dengarlah dahulu. Menjadi etika pengamal perubatan untuk menyimpan rahsia pesakit tetapi *notification* memberitahu yang seseorang itu menghidap penyakit HIV adalah mengikut akta pembawaan penyakit dan jika seseorang itu tahu yang dia mempunyai penyakit tersebut tetapi mereka tidak memberitahu itu adalah salah dari sudut undang-undang.

Jadi dilema di mana kita perlu simpan rahsia pesakit bagi pengamal perubatan pada waktu yang sama khalayak perlu tahu. Jadi maklumat-maklumat ini semua yang ada penyakit HIV memang diberi *notify* kepada kementerian dan kita boleh bagi kaunseling kepada mereka umpamanya bila kita buat *screening* untuk bakal-bakal yang ingin berumah tangga tetapi kita tidak boleh menghalang mereka daripada berkahwin. Itu pilihan mereka. Kalau mereka rasa hendak kahwin walaupun ada penyakit tersebut itu pilihan mereka.

Jadi asas-asas kepada sistem hak asasi seseorang perlu dipelihara dan kita perlu maklum bahawa penyakit HIV adalah penyakit biasa yang tidak boleh berjangkit bila kita sentuh orang itu dan ia bukanlah rasa jijik jika seseorang itu menghidap penyakit HIV. Terima kasih.

5. Dato Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap pengusaha feri yang masih mengekalkan harga tambang feri meskipun harga minyak telah turun dan apakah tindakan yang diambil terhadap pengusaha yang mengabaikan mutu perkhidmatan, kebersihan dan keselesaan penumpang.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kenaikan tambang feri bagi laluan Langkawi-Kuala Kedah dan Kuala Perlis telah diluluskan pada 1 Disember tahun 2007 berdasarkan kepada beberapa pertimbangan. Pertimbangan utama yang diambil kira ialah kenaikan harga bahan bakar, kos operasi, kos buruh serta kos pembaikan dan juga alat ganti. Ini bermakna keputusan untuk menaikkan tambang feri bukan hanya dibuat berdasarkan faktor kenaikan harga minyak semata-mata tetapi turut mengambil kira faktor-faktor lain seperti yang disebut di atas.

Walaupun harga minyak telah turun kos-kos lain yang terpaksa ditanggung oleh pengusaha feri kekal tinggi. Pertimbangan-pertimbangan yang telah diambil kira kenaikan tersebut akan membolehkan pengusaha feri menggunakan pulangan yang didapati untuk menaikkan taraf mutu perkhidmatan feri yang digunakan untuk keselamatan dan keselesaan pengguna.

Jabatan Laut Malaysia, Semenanjung Malaysia sentiasa memantau dan memastikan setiap pengusaha menjaga keselamatan, mutu perkhidmatan, kebersihan dan keselesaan penumpang. Amaran akan diberikan kepada pengusaha-pengusaha feri yang mengabaikan aspek-aspek tersebut di atas. Jabatan Laut sentiasa membuat pemeriksaan bagi feri-feri ini dan tindakan undang-undang akan dikenakan kepada pengusaha-pengusaha yang mengabaikan aspek keselamatan feri tersebut. Terima kasih.

Dato Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semasa mengemukakan memorandum kenaikan harga tambang satu-satunya alasan yang diberikan ialah kenaikan harga minyak dunia dan harga minyak di Malaysia. Maka sebab itulah dinaikkan dari harga RM15 ke RM18 ke RM23 untuk laluan Kuala Kedah dan RM18 dan RM20 di laluan Kuala Perlis. Dari segi keselesaan, terima kasih Yang Berhormat kerana selalu datang ke Langkawi tapi Yang Berhormat menaiki kapal terbang. Jadi tidak tahu apa yang berlaku di Kuala Perlis, Kuala Kedah dan juga Langkawi. Terdapat feri-feri yang mana kerusinya koyak dan tidak selesa. Ada kalanya krew tidak membantu penumpang dengan barang-barang atau beg yang banyak dibeli di Langkawi dan juga orang-orang tua yang menaiki feri.

Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada beberapa pengurusan baru yang membawa feri yang *air-conditioned* yang agak selesa sedikit tetapi kebanyakan tak selesa.

Antara baris depan dengan baris belakang terlalu sempit. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, seorang yang tinggi susah hendak *on board*.

Dahulu dalam ucapan penggulungan perbahasan saya ada minta Yang Berhormat Menteri datang, Yang Berhormat Timbalan Menteri datang, setiausaha datang dan semualah datang lihat apa yang berlaku di Kuala Kedah dan Kuala Perlis di mana terdapat kalau air surut tiga meter turun maka jetinya tidak selesa dan bilik air pun tidak selesa di Kuala Kedah baru-baru ini air pun tak ada. Air pun tidak ada dan jeti pun teruklah. Jadi minta pemantauan yang berkesan dapat dilakukan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin menjelaskan bahawa kenaikan seperti yang saya sebut tadi bukanlah berdasarkan kepada harga minyak yang telah melambung tinggi di pasaran dunia mahupun di negara kita. Pada tahun 2007 harga minyak hanya RM2.00 seliter tetapi pada tahun 2008 telah dinaikkan lagi dan pengusaha-pengusaha feri ini sebenarnya tidak minta kenaikan tambang feri dan mereka juga memohon supaya diberikan subsidi tetapi kerajaan tidak memberikan pertimbangan kepada mereka.

Tentang permintaan Yang Berhormat untuk Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk datang sebenarnya saya telah pun datang dan saya telah pun menaiki tiga feri yang diusahakan oleh ketujuh-tujuh konsortium ini. Nampaknya feri ini waktu saya naik itu selesa. Bersih, kusyen tidak koyak. Tak tahulah.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tahun bila naik itu?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tahun lepas saya naik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yalah, Menteri pergi mesti macam itu.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Itu saya tidak tahulah tapi yang nyata dan saya ada gambar yang nyata bahawa feri itu bersih dan kusyen tidak koyak seperti yang didakwa. Jadi saya rasa saya telah pun menunaikan kewajipan saya atas permintaan daripada...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Saya tidak bersetuju dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya juga tidak...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Memang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini hal rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, ikutlah peraturan mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Langkawi ini mengalami sendiri...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya mahu jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...kesusahan rakyat di...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang menjawab. Sama ada jawapan itu diterima atau tidak, sabar sahajalah. Yang dia nyatakan yang dia nampak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, ini masalah rakyat. Macam kata baris yang rapat itu betul.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan hilang sabar. Betul atau tidak persoalannya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul. Ini soal betul. Koyak kemudian naik harga...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...RM3 hingga RM4 ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya pun mendengar juga sebentar tadi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...beban kepada rakyat Tuan Yang di-Pertua. Dahulu dia naik kata harga minyak naik. Harga minyak turun dia tidak turunkan. Layanan buruk saya sendiri nampak orang tua bawa barang sedikit pun pembantunya tidak tolong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Yang Berhormat Sri Gading terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi itu betul.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan soal hendak jawab Tuan Yang di-Pertua. Soal masalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sri Gading, duduk Yang Berhormat Sri Gading. Yang Berhormat Pokok Sena. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri waktu beliau menaiki tidak ada dia nampak yang koyak. Jadi daripada jawapan itu sudah jelas....

■1050

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: 30 tahun dahulu ke?

Tuan Yang di-Pertua: Daripada jawapan itu sudah jelas mungkin feri-feri lain yang dia duduki tidak ada yang koyak. Dia tidak nampak, betullah itu. Sila, sila Menteri teruskan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini jawapan yang bukan saya reka-reka. Saya turun sendiri, saya bersama-sama dengan pegawai Pengarah Jabatan Laut turun sendiri pergi periksa dan saya tunggu penumpang. Saya minta komen dari penumpang adakah tuan-tuan naik feri ini selesa? Dia kata Alhamdulillah. Ini saya tunggu

penumpang datang dari Langkawi dan penumpang yang pergi ke Kuala Kedah ke Langkawi. Saya juga bersama-sama dengan mereka. Mereka datang macam mana? Saya jumpa orang tua 65 tahun dia kata macam mana dia kata tidak ada apa. Ini harga murah. Kalau saya naik kapal terbang lagi mahal. *[Ketawa]* Ini bukan direka-reka Tuan Yang di-Pertua. Saya turun, saya boleh bagi bukti atau gambar...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidakkann boleh banding feri dengan kapal terbang?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kecuali video saya tidak buat. Kos tambang ini adalah sebenarnya adalah masih murah jika dibandingkan dengan Pulau Pangkor atau di tempat-tempat yang lain. Jadi, saya rasa saya akan mengambil kira di atas pandangan Yang Berhormat Langkawi kerana itu memanglah untuk kepentingan rakyat. Kita akan mengkaji dari semasa ke semasa. Sebagaimana jawapan saya bahawa jabatan laut sentiasa akan meninjau tentang keadaan feri dan kalau mereka tidak mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada mereka akan mengambil tindakan dan kita juga akan mengadakan *spot check* pada bila-bila waktu, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena dari Kedah ke?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Padang Serai pun Kedah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, Yang Berhormat Pokok Sena dahulu.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar jawapan Timbalan Menteri tadi ini, saya nampak bukan feri kena servis, Timbalan Menteri ini kena servis. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Apa kena mengena feri dengan Menteri, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, ini menghina sebenarnya.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mana boleh cakap begitu?

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kerana dia tadi bawa....

Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: tarik balik, tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Langkawi cakap betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang menghina rasanya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini tidak boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini pun kena 12 bulan juga.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak wajar. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena tidak elok begitu. Minta maaf kepada Menteri. Tidak ada niat jahat, minta maaf kepada Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya tidak ada niat jahat, saya tarik balik. Maksud saya tadi itu, maknanya saya kata bawah perlu dia pergi untuk membuat tinjauan yang lebih *detail*. Itu maksud kena servis. Ini pergi tengok sekali, tidakkanlah Yang Berhormat pergi ke setiap kerusi hendak tengok terkoyak ataupun tidak terkoyak. Tentulah Yang Berhormat tengok kerusi tempat Yang Berhormat duduk. Mungkin kerusi tempat Yang Berhormat duduk itu tidak terkoyak. Tidakkan tanya satu dua orang dia kata bagus, lalu buat satu kesimpulan kata bagus.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sebab saya tidak boleh bersetuju jawapan yang dibuat oleh Timbalan Menteri bahawa asas kenaikan dahulunya disebabkan kenaikan harga minyak bukan disebabkan kerana kenaikan masalah operasi, pekerja, kenaikan *spare part* dan sebagainya. Jadi sekurang-kurangnya sekarang ini kos operasi itu sudah pun berkurangan dengan pengurangan harga minyak. Jadi sepatutnya bahawa harga tambang mesti dikurangkan dan yang seterusnya ialah saya melihat bahawa dari segi feri itu harus ada satu syarat-syarat jarak antara kerusi dengan kerusi. Jadi seolah-olahnya ada kebebasan dia hendak bubuh jarak berapa pun ikut suka syarikat-syarikat yang mengendalikan feri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi sebab itu saya minta bawah kementerian seharusnya meletakkan syarat bahawa perlunya ada satu jarak yang munasabah dengan fizikal manusia yang ada pada hari ini, bukan hanya kepada Ahli Parlimen Langkawi tetapi juga kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain supaya jangan sampai keadaan yang sempit kemudian kerusi tidak boleh langsung untuk di ke belakang dalam tempoh satu jam suku maknanya kita duduk dalam keadaan yang tidak begitu selesa dan begitu juga krew feri. Seolah-olah macam mereka ini tidak ada latihan, tidak diberikan latihan apa yang harus mereka lakukan servis apa yang harus mereka diberikan kepada penumpang. Jadi saya minta pihak kerajaan memberikan perhatian.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Kalau beliau jadi Timbalan Menteri pun kena servis oleh feri juga. *[Ketawa]* Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa sebenarnya....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat. Sila teruskan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya datang tidak ada lawatan rasmi, saya buat *spot check*. Saya pergi ke Kedah bukan ada lawatan rasmi, tetapi saya pergi di saat-saat akhir saya bagi tahu kepada Pengarah Jabatan Laut saya akan datang. Tidak ada lawatan rasmi untuk hendak meninjau tentang keadaan feri. Jadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, memberikan servis kepada saya, saya akur juga. Kalau saya hendak

pergi ke Langkawi tidak ada perkhidmatan lain saya kena ikut feri juga. Kemudian tentang syarat penumpang, memang setiap feri yang dibenarkan mempunyai syarat tertentu. Ada 40 penumpang, 60 penumpang dan jarak daripada satu kerusi ke barisan kerusi itu memang ada jarak dan bukanlah pengusaha feri itu dengan sendirinya sahaja menentukan mereka kalau feri itu hanya 50 dia bawa kerusi 100, tidak betul Yang Berhormat. Jadi itulah jawapan saya, mudah-mudahan feri ini akan lebih baik servis pada masa akan datang.

6. Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta Menteri Pengajian tinggi menyatakan tidak ada berkemungkinankah penubuhan sebuah cawangan Universiti Pertanian Malaysia di kawasan Bagan Serai yang mempunyai pelbagai potensi penyelidikan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan universiti awam atau cawangannya. IPTA sedia ada mampu menampung keperluan akses pengajian tinggi dan keutamaan diberi kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan seperti yang digariskan di bawah pelan strategik Pengajian Tinggi Negara. Sehingga akhir tahun 2008, terdapat 20 buah Institut Pengajian Tinggi Awam 463 buah Institut Pengajian Tinggi Swasta 27 buah politeknik, 37 buah Kolej Komuniti dan 41 buah universiti dan kolej universiti swasta. Usaha-usaha sedang giat dilaksanakan bagi memantapkan kampus utama Universiti Putra Malaysia atau UPM Serdang Selangor dan cawangan sedia ada ini Bintulu Sarawak dengan menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Tumpuan juga diberikan kepada pusat-pusat kecemerlangan di universiti dengan menggunakan sumber dan kepakaran yang ada agar dapat menghasilkan R&D bermutu tinggi dan dikomersialkan, sekian.

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Terima kasih Timbalan Menteri dengan jawapan tersebut. Sebagaimana yang minta maklum kementerian memang dianugerahkan Allah SWT dengan bumi dan tanah yang subur. Dengan kesuburan tersebut, 60% daripada tanah pertaniannya telah diusahakan dan diterokai oleh pengusaha-pengusaha ladang iaitu ladang-ladang orang putih sejak belum merdeka lagi seperti Ladang Gula, Ladang Chersonese, Ladang Kelompang, Ladang Tali Air dan banyak lagi. Kini ladang-ladang tersebut adalah di bawah pengurusan *Sime Darby*. Dahulunya ladang-ladang ini ditanam dengan getah atau kelapa. Akan tetapi kini ianya telah digantikan dengan kelapa sawit. Selain itu juga ianya juga dikenali sebagai Jelapang Padi Kerian dengan keluasan menghampiri 21,000 hektar iaitu di bidang pertanian. Itulah kalau kita perhatikan bidang pertanian yang ada. Dengan apa yang saya kaitkan dengan Universiti Pertanian.

Kerian juga dikenali sebagai kawasan yang ada ternakan ikan arowana yang terbaik di Asia Tenggara iaitu di Bukit Merah. Kalau di Bukit Merah dengan ikan air tawarnya di Kuala Kurau pula dengan ikan sangkarnya. Sebenarnya banyak aktiviti yang dijalankan dengan

aquaculture. Tidak ketinggalanlah juga dengan *sanctuary* burung yang satu-satunya di Kuala Gula yang terbaik dan tidak ketinggalan juga dengan hutan bakaunya yang diurus dengan baik di pesisiran pantai. Dari segi pendidikan pula, daerah Kerian memang terkenal dan masyhur dengan pendidikan agamanya seperti *Al-Ehya Ash- Shariff* di Semanggol...

Beberapa Ahli Barisan Nasional: Soalan, soalan...

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Memanglah, bagilah saya *chance* dahulu soalan apa yang saya hendak kemukakan. Kalau kita perhatikan akhlak di Masjid Tinggi, Al-Falah di Parit Tok Ngah, Al-Tahzib di Parit Abbas dan lain-lain lagi. Apa tidaknya, kalau kita perhatikan...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

■1100

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Nantilah dahulu kita bagi soalan kita bagilah rentetannya dahulu. Bagilah peluang sekali sekala.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat biarkan dia Yang Berhormat. Jarang-jarang saya dengar hujah daripada Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Ihya' Al-Sharif kalau kita perhatikan Ihya' Al-Sharif di Gunung Semanggol telah pun melahirkan beberapa tokoh pejuang kemerdekaan seperti Allahyarham Ustaz Abu Bakar Bakir, Dr. Burhanudin Helmi dan lain tokoh agama di masa kini. Ianya gah pada tahun 40-an hingga ke tahun 60-an namun kini hanya tinggal nama sahaja. Memang ianya dikenali di seluruh rantau Asia Tenggara seperti Brunei Darussalam, Singapura, Indonesia dan Thailand. Selepas itu, ha! Ini hendak minta soalan ini. Selepas itu era itu pula timbulnya Madrasatul Islamiah Walarabiah yang dipanggil sebagai Madiwa. Ia memang dikenali iaitu pada tahun 30-an di mana institut ini telah pun mendapat integrasi daripada Universiti Al-Azhar ke tahun tiga. Tengok tahun tiga.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua memang baik hatilah kali ini.

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Baik lain bagilah peluang banjar, Allah. Oleh yang demikian ustaz ini amat dikenali di Indonesia, Selatan Thailand, Brunei dengan ratusan pelajar yang...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua ini syarahan ke ini?

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Tidak, bukan syarahan bagilah peluang dahulu. Iaitu untuk pelajaran mereka ke bidang agama di Universiti Al-Azhar.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Buatlah ucapan dasar.

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Malangnya pusat tersebut terhenti dengan satu arahan daripada pada tahun 2008 dari kementerian iaitu menamatkan MoU

tersebut sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Baling pada sesi persidangan tahun lepas. Soalan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Ha ini soalan, soalan sekarang. *Don't worry...*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Timbalan Menteri pening hendak dengar, hendak jawab.

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Soalan yang saya ada adalah mengapakah tidak dibangunkan sebarang iaitu sebuah institusi pendidikan tinggi di sini dengan menggunakan semua kemudahan yang telah saya nyatakan tadi baik dari segi pertanian ataupun keagamaan. Sebabnya nama sudah pun ada, sudah pun terpahat macam Batu Pahat. Mohon penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Kena belajar buat soalan itu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini dia kumpul satu sesi punya ha, tahun lepas. *[Ketawa]*

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti yang tadi saya kata pada ketika ini kerajaan tiada cadangan untuk menubuhkan IPTA baru termasuk cawangan. Ini kerana didapati bilangan IPTA dan juga IPTS yang ada sekarang cukup untuk menampung keperluan negara. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat sesuatu perkara yang penting strategik dan mempunyai nilai akademik tinggi untuk dibuat kajian di mana-mana kawasan pun. Maka pengurusan universiti seperti Universiti Putra Malaysia boleh menubuhkan pasukan penyelidikan untuk menjalankan kajian penyelidikan tanpa perlu menubuhkan sebuah kampus cawangan. Malah universiti yang lain termasuk agensi-agensi kerajaan yang lain boleh juga menjalankan kajian penyelidikan yang diperlukan. Sekian.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hampir bersetuju supaya sebuah universiti pertanian dibangunkan kembali di negara kita. Ini kerana apabila ditukarkan daripada Universiti Pertanian kepada Universiti Putra seolah-olah kita menghilangkan fokus kerajaan kepada bidang pertanian. Selain daripada itu kita lihat banyak fakulti-fakulti yang telah dibubarkan yang berkaitan dengan hortikultur. Masih ada yang utama-utama tetapi yang lain yang berkaitan dengan pertanian banyak yang telah dimansuhkan selepas ditukar nama.

Akan tetapi apa boleh buat masa itu pemimpin sudah menukar nama. Sepatutnya ini sudah menjadi sejarah tradisi kita daripada Kolej Pertanian lagi yang menyebabkan kita hilang fokus. Sekarang bila kita sudah tidak cukup makan, negara gawat baru kita hendak tumpu kepada bidang ini. Inilah kita tidak mahu macam ini. Jadi wajar sekarang ini kerajaan kena tubuh satu lagi IPTA. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bagan Serai yang memfokuskan bukan sahaja tetapi kena pilih kalau boleh di Perlislah lagi cantik dan bukan di

Bagan Serai, memfokuskan kepada bidang pertanian sahaja termasuk penyelidikan. Di negara lain Indonesia tidak buang Institut Pertanian Bogornya ada, di Taiwan Universiti Pertaniannya ada, semua ada. Akan tetapi kenapa di negara kita ditukar nama sehinggakan tanah-tanah diambil alih menjadi Cyberjaya dan sebagainya yang sudah hilang fokus kepada kajian ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua untuk maklumat Ahli Yang Berhormat walaupun nama universiti telah ditukar kepada Universiti Putra Malaysia tetapi *niche area* masih dalam bidang pertanian. Untuk menubuhkan sesebuah universiti saya di sini hendak bagi sedikit maklumat tentang kriteria atau dasar yang diguna pakai sekarang untuk sesebuah IPTA menubuhkan sebuah universiti atau cawangan. Itu termasuk:

- (i) keperluan strategik negara;
- (ii) ambil kira kepentingan terhadap pembangunan sosio ekonomi negara;
- (iii) kemampuan sumber manusia dan kewangan; dan
- (iv) keperluan pasaran kerja.

Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan mengenai penanaman semula hutan di kawasan pembalakan di Sarawak. Setakat ini berapa banyakkah kawasan yang telah ditanam semula dengan pokok hutan asli dan berapa banyakkah kawasan yang telah dijadikan lading komersial. Adakah wujudnya peraturan untuk penanaman semula hutan di kawasan yang dibalakkan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang, Sarawak menampung 75% kawasan hutan negara iaitu seluas 9.24 juta hektar dan terdapat 2.8 juta hektar kawasan hutan di Sarawak yang sudah diusahakan hasil. Dari jumlah ini sejumlah 1,000,000 hektar disasarkan untuk ladang hutan dan tanaman semula dengan tujuan untuk menampung bekalan kayu-kayuan masa hadapan dan mengurangkan tekanan terhadap hutan asli yang ada di Sarawak. Setakat Disember 2007 seluas 208,439 juta hektar sudah ditanam semula. Dari jumlah ini seluas 37,360 hektar ditanam dengan spesies pokok hutan asli seperti meranti, engkabang, pulai, kelampayan dan 171,079 hektar dengan spesies eksotik seperti akasia, ukalipers, gamelia dan lain-lain. Menjawab soalan yang nombor dua memang terdapat peraturan yang telah digubal pada tahun 1997 yang menggariskan keperluan pelesenan dan prosedur bagi permohonan lesen berkaitan dengan ladang hutan dan penanaman semula hutan. Peraturan tersebut dikenali sebagai *The Forest Planted (Planted Forest Rules 1997)*. Terima kasih.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Terima kasih atas jawapan tadi Yang Berhormat Menteri. Tidak dinafikan dasar kerajaan mengenai pembalakan dan juga untuk perladangan dan penanaman semula di Sarawak ada kebaikannya untuk negara. Yang ingin saya tanya di sini yang kita semua tahu tanah adalah satu benda ataupun entiti yang terhad dan walaupun negeri

Sarawak besar tetapi penduduk khasnya yang di kawasan pedalaman memerlukan tanah untuk menampung hidup kehidupan mereka. Kebanyakan kawasan penanaman semula dan juga perladangan ialah di kawasan seperti ini. Di kawasan Belaga misalnya di Sarawak hampir semua kawasan sudah dikonsesikan kepada pihak yang tertentu. Apakah tindakan kerajaan misalnya untuk menyahut permintaan rakyat?

Misalnya sekarang di penempatan semula Sungai Asap untuk tanah pertanian tambahan. Hampir semua tanah di kelilingi di sini sudah dikonsesikan sedangkan mereka ini ada mendapat tiga ekar untuk satu keluarga selepas dipindahkan oleh kerajaan kerana Bakun dahulu. Juga permintaan kaum Penan yang akan terlibat dengan *Murung Hydroelectric dam*. Adakah kerajaan bercadang untuk mengambil balik kawasan yang telah diberikan kepada syarikat balak di sana yang beroperasi di sana. Memandangkan kawasan kaum ini akan ataupun telah tenggelam nanti.

Datuk Maznah Mazlan: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua saya mendengar dengan penuh khusyuklah masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi tentang masalah tanah untuk orang-orang tempatan untuk tujuan pertanian dan menyara hidup.

■1140

Saya percaya kerajaan Sarawak mempunyai pelbagai program untuk tujuan tersebut, termasuklah di bawah pertanian dan lain-lainnya. Akan tetapi hutan juga merupakan satu sumber asli dan apabila projek ini dirancang dan dimajukan ia juga mendatangkan manfaat kepada rakyat Sarawak.

Kebimbangan ataupun keresahan Yang Berhormat mengenai dengan masalah tanah untuk rakyat jelata di sana, akan saya salurkan kepada pihak yang berkenaan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya bukan dari Sarawak, tetapi ini berhubung dengan hutan juga. Di Sarawak hutan banyak ditebang, tetapi di Kedah sudah tidak ada hutan lagi hendak tebang ini. Perdana Menteri yang dahulu, Tun Dr. Mahathir pernah berjanji untuk membayar pampasan alam sekitar sekiranya hutan tidak ditebang.

Memang kita di Kedah tidak ada hutan untuk ditebang, kita *reserved* hutan yang ada di kawasan muda. Di mana membekalkan air kepada Pulau Pinang, Perlis dan juga negeri Kedah sendiri untuk pertanian dan juga minuman rakyat. Jadi pampasan sebanyak RM100 juta setahun yang telah dijanjikan ini, dalam soalan saya yang tanya sebelum ini dijawab akan diberi dalam bentuk geran pembangunan.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, bilakah ia akan disalurkan dan kepada siapakah ia akan disalurkan geran pembangunan ini? Sekian minta jawapan daripada kementerian, terima kasih.

Datuk Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, sila rujuk kepada soalan pokok yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada soalan tambahan.

Datuk Maznah Mazlan: Saya memilih untuk tidak menjawab soalan tersebut, sila kemukakan soalan baru, terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua yang kena mengena dengan hutan ini, terima kasih..

8. Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes penipuan melalui telefon bimbit/talian tetap telah dilaporkan pada tahun 2006, 2007 dan 2008. Berapakah kes penipuan ini telah diselesaikan dalam tempoh tersebut. Adakah kerajaan telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan isu ini. Jika ya, jelaskan langkah-langkah yang telah diambil. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bakri yang telah pun mengemukakan pertanyaan pada pagi ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2006 sebanyak 318 kes penipuan melibatkan sistem pesanan ringkas (SMS) *scam* dilaporkan kepada pihak polis, jumlah kerugian yang dialami dianggarkan sebanyak RM548,725. Bagi tahun 2007 pula, sebanyak 965 kes dilaporkan dengan jumlah kerugian dianggarkan sebanyak RM2,155,000.

Manakala bagi tahun 2008 sebanyak 728 kes berhubung penipuan melalui SMS dilaporkan kepada pihak polis, jumlah kerugian adalah dianggarkan sebanyak RM1,842,442. Semenjak tahun 2006 hingga tahun 2008 pihak polis telah pun berjaya menumpaskan sindiket yang bergiat aktif dalam *scam* penipuan SMS Akademi Fantasi, SMS Maxis, Celcom, Digi, Petronas, Shell, Astro, ODCKD, KDL4, Power Root dan Gangstarz.

Seramai 55 orang iaitu melibatkan 43 orang lelaki dan 12 orang perempuan telah pun ditangkap atas kesalahan ini. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengekang penularan *scam* penipuan SMS, pihak polis telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengadakan kerjasama dengan pihak syarikat telekomunikasi seperti Telekom, Maxis, Digi dan Celcom.

Pelanggan-pelanggan mereka diingatkan atau dinasihatkan supaya tidak terpedaya dengan SMS-SMS perakuan yang hanya diada-adakan oleh sindiket tertentu. Peringatan ini dihantar kepada pelanggan-pelanggan mereka melalui SMS ke telefon bimbit mereka. Selain itu, melalui kerjasama yang dijalankan dengan pihak bank, notis-notis amaran *scam* penipuan SMS telah pun ditampal di mesin-mesin ATM, supaya boleh dilihat oleh pelanggan-pelanggan bank yang menggunakan mesin ATM.

Ini boleh mengingatkan pelanggan agar tidak terpedaya dengan penipuan *scam* SMS ini. Hebahan turut dibuat melalui media cetak dan elektronik supaya masyarakat mempunyai pengetahuan tentang *scam* penipuan SMS dan diharap mereka tidak mudah terpedaya ataupun mengalami kerugian. Kerjasama turut dijalankan di antara Polis Diraja Malaysia dan pihak Polis Diraja Indonesia, memandangkan berdasarkan kepada hasil siasatan yang dijalankan.

Kebanyakan SMS yang diterima oleh mangsa-mangsa dihantar dari negara berkenaan. Sekian terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri menjawab soalan saya. Sebelum saya meneruskan soalan tambahan saya, saya ingin menceritakan sedikit tentang mangsa-mangsa yang saya temui sebelum ini. Salah satu dari mereka mengadu kepada saya, mereka kehilangan sejumlah RM15,000 kerana penipu telefon, selepas beliau sedar ini adalah satu penipuan.

Beliau membuat laporan polis, polis memberitahu beliau kes ini adalah biasa sahaja berlaku dan mereka tidak mampu mengambil tindakan terhadap penipu-penipu ini. Ini kerana nombor telefon yang mereka gunakan, biasanya dari luar negara ataupun nombor palsu. Soalan tambahan saya ialah berapa kes yang sudah diterima dan disiasat oleh Interpol Malaysia? Senaraikan negara-negara yang terlibat kes-kes yang sudah diselesaikan, pecahan angka-angka ini mengikut tahun, umur, jantina secara teliti.

Kalau Menteri ada kesusahan melukiskan carta ini, saya akan berikan satu kertas kosong dan Menteri boleh isikan saja. *[Ketawa]* Saya harap Menteri boleh menyediakan angka-angka ini secara jujur dan tanggungjawab, sekian terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Isikan tempat kosong. *[Ketawa]*

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Bakri dalam jawapan asal saya ini, saya sudah beritahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa dalam tiga tahun kebelakangan ini, terdapat 55 orang telah pun ditangkap, disoal siasat mengenai *scam* penipuan SMS ini. tadi Yang Berhormat minta juga pecahan di antara 55 orang ini, 43 orang lelaki dan 12 orang perempuan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada lazimnya modus operandi sindiket ini adalah diadakan seperti berikut. Pertama, sindiket berpangkalan di negara jiran, kebanyakan dari Indonesialah malangnya. Mereka ini mempunyai *runner* di negara kita, dan *runner* ini telah pun mencari siap-siap, orang-orang yang tidak sedar dan mempunyai akaun iaitu pemegang-pemegang akaun bank.

Mereka itu memberitahu pemegang akaun bank bahawa satu transaksi akan berlaku seumpama ini dan setiap transaksi mereka akan dapat *fees* sebanyak RM100. Semua orang ramai yang merupakan pemegang akaun di Malaysia ini, kadang-kadang dia terpedaya juga hendak untung RM100 setiap kali. Selepas itu, nombor-nombor telefon mangsa diberikan kepada sindiket di negara berkenaan di negara jiran. Mereka akan membuat panggilan terus kepada mangsa-mangsa supaya memberitahu mangsa-mangsa bahawa mereka ini telah pun mendapat hadiah. Kemungkinan satu pertandingan Celcom kah apa kah dan oleh sebab masalah kita, rakyat kita, ada peratusan kecil ini begitu tamak sekali, bila dengar RM15 ribu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Mereka pun rasa seronoklah sebab boleh dapat RM15 ribu, tidak pasal-pasal boleh untung RM15 ribu. Mereka pun diberikan satu nombor telefon di Malaysia ini, "*kalau tak percaya, encik boleh telefon ke syarikat kita*". Bila mangsa telefon pergi, *confirm* dapat. So oleh yang demikian, kawan kita ini mangsa pun depositkan sebanyak RM15 ribu dalam akaun itu.

■ 1120

Selepas deposit duit itu ke dalam akaun berkenaan, *runner* sini akan mengeluarkan dan bayar RM100 kepada pemegang akaun. Bila pihak polis bertindak, maka dia dapati pemegang akaun itu sendiri tidak sedar bahawa dia telah tertipu untuk menggunakan akaunnya, memfasilitet skim ini. Ini masalah. Walaupun begitu ramai telah disoal siasat, ditangkap dan terdapat dua, tiga orang telah pun diambil tindakan di bawah LLPK, Langkah-langkah Pencegahan Khas, ada juga didakwa di mahkamah, ditangkap dan dihukum.

Akan tetapi kebanyakan ini adalah pemegang akaun, Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini juga mangsa. Itu masalah. Akan tetapi kita haraplah melalui langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak polis dengan telco-telco, rakyat kita lebih sedar sebab jangan terlalu tamak hendak cepat kaya. Itu masalah kita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, dalam satu masyarakat yang maju dan kaya raya di mana rakyat duduk senang hati, cukup makan dan selesa, barulah ada masalah seperti itu. Ini maksud Kerajaan Barisan Nasional pun *steadylah*. [Dewan riu] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak adalah borang untuk isi tempat kosong. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kegiatan ini berleluasa di dalam negara kita. Sindiket tidak semestinya di luar negara tetapi juga dalam negeri kita. Jadi soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk menyediakan satu talian khas yang boleh kita *forward* ataupun kita ajukan. Sebagai contoh, nombor telefon yang saya terima, saya pun kerap juga terima tetapi saya tidak terpedayalah. Saya terima SMS ataupun panggilan tersebut kemudian saya boleh *forward* terus kepada Jabatan Polis untuk mereka mengambil tindakan sebelum transaksi itu berlaku.

Adakah kementerian bercadang ke arah itu supaya akan datang, mereka yang tidak bertanggungjawab ini sekurang-kurangnya tidak berani untuk menipu daya rakyat dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam siasatan yang dijalankan oleh pihak polis, pihak polis pun menghadapi banyak masalah. Salah satu masalah memang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu bila pihak polis dengan serta-merta membuat siasatan tentang nombor telefon yang diberikan oleh mangsa-mangsa, 99% didapati bahawa nombor telefon yang diberikan mempunyai nama tuan punya tetapi segala maklumat selepas itu seperti alamat semua adalah palsu. Kalau Yang Berhormat tanya sebab apa boleh jadi seperti itu. Tidak akan telco-telco kita sebelum mereka ini mengeluarkan dan menjualkan kad-kad

telefon ini, harus mendaftarkan nama-nama, kad pengenalan kah atau mereka orang asing. Ini saya tidak tahu jawab.

Namun dari maklum balas yang saya dapat pihak polis, 99% nombor-nombor yang didapati itu yang diberikan oleh mangsa mempunyai maklumat yang palsu. So, bila kita menemui masalah seperti itu, kita tidak dapat siasat lebih lanjut lagi. Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

9. Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah-langkah daripada kementerian untuk memastikan Wilayah Persekutuan Labuan cukup dengan bekalan makanan sendiri atau *self-sufficient in food supply*, oleh kerana Wilayah Persekutuan Labuan kini bergantung sepenuhnya kepada import bekalan makanan daripada tanah besar Sabah, dan sebagai contohnya Labuan kini masih mengimport produk pertanian dengan anggaran kasar RM600,000 sebulan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar kerajaan untuk memastikan negara mempunyai bekalan makanan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan rakyat khususnya bagi tanaman yang dapat kita tanam dalam negara kita. Ini sudah pasti tidak meliputi tanaman dengan izin, *temperate* seperti gandum. Permintaan di Malaysia pun tinggi umpamanya untuk roti canai tetapi mustahil untuk tanam gandum dalam negara kita pada masa ini. Kalau boleh kita juga hendak eksport keluaran pertanian kita. Walau bagaimanapun, kita tidak ada dasar untuk memastikan bekalan makanan mencukupi bagi negeri ataupun wilayah termasuklah Wilayah Persekutuan kerana sistem pengangkutan adalah baik dalam negara kita. Kalau sesebuah negeri dan wilayah itu kurang makanan, maka ia boleh dibekalkan daripada negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Labuan, memang Labuan merupakan sebuah pulau yang tidak mengeluarkan sepenuhnya keperluan makanan. Beras umpamanya. Keperluan beras di Labuan ialah kira-kira 6.4 juta metrik tan setahun dan saya difahamkan padi ini sudah 20 tahun tidak ditanam di Labuan. Ada tanah padi tetapi tidak ditanam dengan padi. Bagi ayam umpamanya, keperluannya ialah 1.4 juta ekor ayam setahun dan yang dikeluarkan oleh Labuan cuma 40%. Bagi sayur, keperluannya 240 metrik tan sebulan tetapi yang dikeluarkan cuma 120 metrik tan ataupun 50% sahaja keperluan. Jadi secara umumnya, memang Labuan bergantung kepada tanah besar khususnya Sabah dan juga sebahagian diimport.

Tindakan yang diambil untuk menambah pengeluaran makanan di Wilayah Persekutuan Labuan termasuklah yang pertama untuk menambah pengeluaran sayur. Pada hari ini kira-kira 200 orang yang mengeluarkan sayur dan kita hendak tambah bilangan tersebut. Yang mengeluarkan ayam komersial seramai 25 orang sahaja. Dua orang secara besar-besaran dan yang lain kecil-kecilan. Jadi ini antara tindakan yang kita ambil iaitu hendak tambah pengeluaran sayur dan ayam. Satu lagi tindakan yang akan diambil ialah untuk melaksanakan Program Bumi Hijau yang bermula tahun lepas, 2008 dengan lebih berkesan lagi. Pada masa ini, saya

difahamkan kira-kira 3,000 orang rakyat Labuan di bawah Yang Berhormat yang terlibat dalam Program Bumi Hijau dan insya-Allah, tahun 2009 kita akan memperhebatkan lagi Program Bumi Hijau bagi memastikan bahawa bekalan makanan di Labuan bertambah untuk memenuhi keperluan rakyat di Labuan. Terima kasih.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan Labuan mempunyai tanah yang terbatas, walau bagaimanapun, terdapat satu tanah kosong yang diperuntukkan untuk Tentera Laut Diraja Malaysia seluas lebih kurang 400 ekar. Memandangkan tentera laut telah pun berpindah ke Kota Kinabalu, pertanyaan saya adalah bolehkan kementerian berunding dengan Kementerian Pertahanan supaya tanah ini dapat digunakan untuk jangka pendek sebagai tanah pertanian bersepadu dan diagihkan kepada petani-petani di Labuan selagi tanah tersebut belum digunakan untuk pembangunan. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Insya-Allah kita akan berunding dengan pihak TLDM bagi membolehkan petani-petani yang berminat untuk mengusahakan kawasan tersebut. Namun, ini tertakluk kepada persetujuan TLDM. Pada masa yang sama, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa di Labuan ada juga tanah terbiar. Umpamanya dulu ada tanah sawah 20 ekar yang dulu ditanam padi tetapi tidak lagi ditanam padi. Maka *priority* atau keutamaan kita pada masa ini ialah untuk memajukan tanah-tanah terbiar yang memang ada di Labuan sebelum dan kalau TLDM sanggup untuk menyewakan tanah tersebut, alhamdulillah kita akan berbincang dengan pihak TLDM.

10. Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memajukan industri mineral negara. Berapakah pelaburan langsung atau FDI yang telah dibawa masuk bagi memajukan sektor ini dan berapa peratuskah sumbangan sektor ini pada GNP negara.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sangat komited untuk membangunkan industri mineral negara dan untuk meneruskan kecemerlangan dalam sektor ini dan untuk tujuan ini, satu badan tertinggi iaitu Majlis Mineral Negara diwujudkan dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dan dianggotai oleh semua Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri dan menteri-menteri berkenaan. Seterusnya baru-baru ini, kerajaan telah melancarkan Dasar Mineral Negara Kedua pada 22 Januari 2009 yang menggariskan hala tuju sektor mineral dan peranan pihak-pihak berkepentingan iaitu Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, pihak industri dan masyarakat setempat ke arah membangunkan sektor mineral secara mampan memandangkan sumber mineral adalah sumber asli yang tidak boleh diperbaharui.

Seterusnya, kementerian melalui Jabatan Geosains juga menjalankan kerja-kerja eksplorasi asas untuk mengenal pasti kewujudan deposit mineral-mineral dan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM35.5 juta diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Seterusnya, kita dapati bahawa kerajaan juga menggalakkan pelaburan dalam sektor mineral dengan pelbagai insentif yang disediakan oleh MIDA dari semasa ke semasa.

■1130

Kerajaan Pusat juga telah meminta kerajaan negeri mengguna pakai Enakmen Mineral Negeri yang seragam bagi mengganti Enakmen Melombong yang lama di negeri masing-masing. Nilai pelaburan langsung yang telah dibawa masuk pada tahun 2008 sehingga bulan Oktober bagi memajukan industri berasaskan mineral adalah sejumlah RM20.25 bilion dan sumbangan sektor perlombongan dan pengkuarian kepada GDP pada tahun 2007 ialah 0.1%. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Minta maaf Yang Berhormat pokok Sena.
11.30pg.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, tidak boleh. Ahli-ahli Yang Berhormat sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan telah selesai. Ada satu usul daripada Yang Berhormat Menteri. Sila.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.31 pg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diluluskan dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2008 (2009) dan usul-usul yang bersangkutan dengannya dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 23 Mac 2009.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2008) 2009****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 2008****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kedua]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.41 [Jadual] –

Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] -

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kepong sambung hujah.

11.32 pg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya sambung pada Butiran 12(11). P.41 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Saya nampak Ahli seperti Yang Berhormat Putatan tidak begitu memberi perhatian yang cukup kepada projek-projek terutamanya yang gagal.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kepong.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Khususnya di negeri Sabah. Saya tahu banyak projek di Sabah itu gagal kerana wakil-wakil tidak mengambil berat. Memang tidak mengambil berat. Kita boleh ...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya pandang kepada Tuan Pengerusi lah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Di sini saya hendak mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada RM10 juta yang diminta diluluskan hari ini, berapa projek telah disiapkan di Sabah? Berapa yang masih terbengkalai? Ini memang penting sekali. Seterusnya mengenai Sistem Pengkomputeran Sekolah – 12(13) RM150 juta diperuntukkan

untuk membiayai Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris. Fasa enam dah sekarang kerana ia sudah dilaksanakan enam tahun PPSMI ini.

Pertamanya mengenai sistem komputer. Setahu saya ada sistem yang tidak begitu sempurna. Sekarang dengan belanja yang begitu banyak, saya berharap sistem ini akan disempurnakan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak tambahan pula dengan adanya PPSMI ini. Adakah dengan adanya sistem komputer, PPSMI ini akan berjaya. Adakah ini bermakna pihak kerajaan akan terus melaksanakan dasar PPSMI ini kerana pelaburannya begitu banyak.

Di sini, kita minta RM150 juta untuk komputer bagi PPSMI. Bagi saya yang terpenting sekali ialah guru, tidak kiralah apa sistem yang digunakan tetapi guru yang penting. Kalau kita ada sistem komputer yang begitu sempurna pun, itu sia-sia sahaja. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila kembali ke pejabat, kita fikir macam mana kita boleh melatih guru-guru di 27 Institut Perguruan dan juga graduan-graduan universiti sehingga mereka mencapai satu tahap yang lebih tinggi. Ini kerana ada sesetengah itu tahapnya rendah. Yang Berhormat Putatan. Ini masalah di Sabah, melanggar peraturan. Bukan sahaja di Sabah, di sini juga. Tidak ambil berat, memang itu masalahnya.

Kita sudah melaksanakan PPSMI selama enam tahun. Bagi saya, saya setuju bahawa ada golongan yang setuju, ada golongan yang tidak bersetuju yang bersuara dengan lantang termasuk Persatuan Bahasa Melayu dan sebagainya, Yang Berhormat Profesor Zainul bersuara dengan lantang menentang PPSMI. Tidak kira la sama ada PPSMI atau PPSMB, tidak kira. Akan tetapi, walau bagaimanapun, saya berharap laporan yang lengkap, yang komprehensif dapat dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini kerana kita sudah ambil enam tahun untuk mengajar dengan pelaburan yang begitu tinggi, beratus juta ringgit. Kita patutlah adakan satu laporan yang lengkap di Dewan yang mulia ini.

Seterusnya, hari ini kita diminta untuk diluluskan kerana telah dibelanjakan lebih RM20 bilion bagi Kementerian Pelajaran kerana di Malaysia kita memang berbelanja dengan banyak untuk pendidikan. Di sini, saya hendak menekankan bahawa kita ini sudah mengadakan Akta Pendidikan 1996 dan dengan itu pada 1 Januari 2003, kita melaksanakan pendidikan wajib. Di sini Tuan Pengerusi, menurut seksyen 29A(2), setiap ibu bapa yang merupakan warga negara Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa, anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib.

Di sini, menurut laporan daripada Kementerian Pelajaran iaitu tahun 2007, ada 6% lagi kanak-kanak tidak masuk sekolah. Ini untuk sekolah rendah. Bagi menengah rendah ada 15% tidak masuk sekolah. Di sini, kita melaksanakan enam tahun juga dan bagaimana penguatkuasaan Akta Pendidikan Seksyen 29A(2). Saya minta jugalah satu laporan yang

lengkap dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai pendidikan wajib di negara terutamanya di luar bandar. Ini penting sekali. Kita tidak mahulah sambil kita hendak meningkatkan pengajian tinggi, kita pun hendak meningkatkan penyertaan pendidikan wajib di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pulau.

■1140

Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkit satu perkara spesifik di kawasan saya, iaitu Maksud P.41, 12.1 – Butiran (Projek) - Rendah Akademik, pembangunan rendah. SJK(C) Kulai 2 adalah sebuah SJK(C) yang telah pun diluluskan oleh kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri telah pergi merasmikan upacara pecah tanah dan pada masa itu telah diumumkan, bahawa sekolah ini akan mengandungi 30 bilik darjah dan seterusnya projek ini telah diberi *award* kepada kontraktor dan telah pun dimulakan pembinaannya.

Akan tetapi, apabila saya melawat projek ini bersama wakil-wakil tempatan, didapati projek sekolah ini skopnya telah dikurangkan hanya kepada 24 bilik darjah dan ini adalah satu pengumuman rasmi oleh Menteri semasa pecah tanah, dan saya telah menulis kepada Yang Berhormat Menteri dan saya difahamkan Yang Berhormat Menteri telah setuju untuk membetulkan perkara ini, akan tetapi perkara ini telah pun diuruskan beberapa bulan. Sehingga hari ini, apabila saya bangkitkan perkara ini semula pada juru perunding, didapati masih belum selesai.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri, bilakah perkara ini boleh selesai, kerana ini adalah satu perasmian rasmi oleh Menteri dan tidak bolehlah kita beri satu gambaran, bahawa apa yang diumumkan oleh Menteri itu tidak dilaksanakan oleh kementerian terutamanya para pegawai perlulah peka dan menunaikan janji Menteri. Itu sahaja.

Beberapa Ahli: [Bangun]

11.42 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh Butiran 020000 – Pendidikan Rendah dan Menengah. Kerap kali pernah dicadangkan bahawa untuk memupuk satu budaya integriti, bahawa untuk sekolah-sekolah, *anticorruption* patut menjadi satu bahagian *syllabus* persekolahan dan saya mahu tahu apa perkembangan dalam cadangan ini dan ini sangat *significant* hari ini oleh kerana bukan sahaja kanser korupsi bermaharajalela, lebih merosot, tetapi hari ini setiap rakyat pun ada bertanya mengenai perkembangan dua hari ini khasnya keputusan yang diambil oleh Lembaga Tatatertib UMNO terhadap Ketua Menteri.

Soalan yang ditanyakan adalah sama ada dalam e-mel *MalaysiaKini* ialah, “*Why is Ali Rustam still Malacca CM? A corrupt practice is an act of corruption, period. Yet, those Ali Rustam*

is allowed to remain an UMNO member and Chief Minister Malacca?" Dan isu-isu ini tentulah ada ditanya oleh semua pelajar.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Pengerusi, butiran apa ini Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, butiran apa dia bercakap ini Tuan Pengerusi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa ini?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Butiran apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dihubungkan. Kita mahu *anticorruption* menjadi *syllabus* pendidikan supaya anak-anak kita pun boleh membezakan antara betul, benar dan silap. Korup atau tidak korup.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Eh, ini tak ada hubung kait dengan butiran ini!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tidak, saya hendak tanya butiran apa dia bercakap ini. Butiran apa, Butiran apa dia bercakap ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat menjadi pembela korupsi! Apa ini? Malulah!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, kita dalam Jawatankuasa Yang Berhormat. Yang Berhormat kena spesifik, spesifik. Jangan cakap pasal dasar Yang Berhormat ya. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, ini satu contoh. Dia takut contoh, dia takut bayang contoh dan ini ialah mengenai pendidikan. Rujuk kepada Pendidikan Rendah dan Menengah, emolumen-emolumen. RM1 bilion emolumen-emolumen untuk pendidikan rendah dan pendidikan menengah supaya kita mahu insan-insan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, emolumen itu gaji Yang Berhormat. Gaji dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, apa guna kita bayar gaji kepada mereka RM1 bilion-RM2 bilion? Adakah kita bayar gaji supaya ajarkan satu generasi yang semua korup dan macam dalam UMNO saya kata *a wash corrupted*.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Gaji kepada cikgu!

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Gaji Menteri Besar Selangor, RM43,000! Kenapa lembu pun pakai duit kerajaan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, supaya cikgu-cikgu ajarkan kepada murid-murid agar tidak boleh tahu apa betul, apa yang silap. *What is right and wrong!*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Gaji RM43,000, negeri Selangor kenapa guna duit kerajaan beli lembu, apa pasal? Duit tak cukupkah? RM43,000 tidak cukup beli lembukah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa takut? Kenapa takut dengan isu ini? Ini sangat relevan oleh kerana pendirian yang ada dibuat oleh Menteri Pendidikan Pelajaran sendiri, *no need to resign as CM*. Beliau ambil satu pendirian. Sungguhpun ini ialah satu pendirian politik, tetapi dia Menteri Pelajaran. Dia patutlah menjadi suatu contoh kepada generasi yang baru dalam sekolah-sekolah menengah atau rendah bagaimana benci rasuah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okey, bagi penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti saya bagi. Bagaimana seorang boleh dilarang untuk bertanding dalam UMNO, tetapi boleh terus sebagai Ketua Menteri? Ini bukan kita sahaja tanya, murid-murid di sekolah-sekolah pun akan tanya dan kita mahu satu tahap di mana mereka tahu apa yang betul dan apa yang silap. Ahli-ahli Parlimen UMNO kata betul, tetapi kita mahu pelajar-pelajar tahu ini adalah silap. Kita mahu mereka tahu orang dilarang oleh *money politic* dan UMNO tidak boleh terus memegang jawatan sebagai Ketua Menteri semacam Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat dari Gua Musang, gantung jawatan parti Ku Li.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah jauh keluar daripada butiran Yang Berhormat. Jangan gunakan ruang untuk bercakap perkara yang lain, Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Membela korupsi, membela korupsi!

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Jangan cakap orang korupsi, cakap diri sendiri dulu! Jangan janji sahaja tapi tipu orang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Korupsi, korupsi.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Siapa korupsi, siapa korupsi? Tuan Pengerusi, saya bangun atas peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, peraturan mesyuarat. Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Peraturan mesyuarat. Saya bangun dengan Peraturan Mesyuarat 42. Tuan Pengerusi tadi telah membuat tafsiran jangan keluar daripada tajuk, jangan bercakap tentang perkara yang kita bincangkan pada hari ini iaitu tentang Jawatankuasa dalam Maksud P.41.

Tuan Pengerusi tadi telah pun menasihatkan Yang Berhormat dari Ipoh Timur, iaitu bila-bila ahli-ahli ditegur oleh Pengerusi dengan peraturan mesyuarat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Speaker baru ya.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Akan tetapi nampaknya Yang Berhormat dari Ipoh Timur ini tidak langsung mengambil endah apabila Yang Berhormat Tuan Pengerusi membuat teguran. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, terima kasih kerana memaklumkan saya terhadap kuasa yang ada pada saya. Saya telah pun tegur Yang Berhormat Ipoh Timur untuk balik kepada perkara yang dihuraikan dalam butiran, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, apa *Point of Order* 42 itu? Peraturan Mesyuarat 42 ialah, "*Chair to be heard in silence*". Apa ini? Langsung tidak kena- mengena dengan apa yang dibangkitkan. Tidak tahu peraturan mesyuarat, balik *kindergarten*, belajar dahulu sebelum berdiri bangkitkan peraturan mesyuarat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini tentang pendidikan bukan tentang emolumen.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Pengerusi, tadi saya dah bercakap...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Ini menghina ini.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Teguran telah Tuan Pengerusi buat tetapi nampaknya Yang Berhormat Ipoh Timur tidak endah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak tahu peraturan mesyuarat belajar dululah. Balik *kindergarten* lah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Ipoh Timur pun tak tahu peraturan mesyuarat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Balik Chinalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak tahu peraturan mesyuarat!

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Pengerusi sudah bagi teguran sudah salah tajuk, kenapa cakap juga? Sudah keluar tajuk kenapa cakap?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana boleh berdiri macam ini! Ini langgar peraturan. Siapa yang melanggar peraturan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Semua pun melanggar peraturan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Satu undang-undang untuk UMNO, tetapi orang lain perbezaan. Diskriminasilah ini, biasakan! Ini saya mahu sebut sahaja sebagai contoh. Ini mustahak. Kenapa takut?

Kita mahu menjadikan sebahagian *syllabus* kita ialah *anticorruption*, supaya generasi yang muda ada kebencian, *abhorrent* terhadap *corruption* supaya mereka pun tahu apa yang berlaku dalam UMNO sekarang tidak betul, oleh kerana UMNO *a wash with corruption* dan mahu tangkap bukan 15 orang. Kita bersimpatilah, kita bersimpati dengan Tengku Ahmad Rithaudeen

dan dia kata, “*Damn if we do and damned if we don’t*”, tetapi dia di *damn* oleh kerana 15 orang sahaja. Patutlah beratus-ratus pemimpin UMNO, patutlah dikenakan tindakan korupsi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ini di luar butiranlah Yang Berhormat. Jauh sangatlah. Di forum yang lain boleh bercakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey. Itulah yang saya mahu sebutkan dan saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila jawab boleh beritahu dan beri jawapan bagaimana kita akan menjadikan *anticorruption* sebagai sebahagian *syllabus* dan bagaimana Menteri Pelajaran, Timbalan Menteri Pelajaran boleh menjadi contoh. Apa pendirian MCA dalam perkara ini? Adakah MCA bersetuju Ali Rustam patut *resign* sebagai *Malacca CM*. Adakah MCA bersetuju? Sekian, terima kasih.

■1150

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Setuju, setuju... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk Maksud P.41. Saya sentiasa menghormati Dewan dan bercakap tentang maksud perbincangan pada hari ini. Bukan macam Ipoh Timur, bercakap di luar daripada tajuk semata-mata untuk mencari publisiti murah.

Seorang Ahli: Ya, betul... [Tepuk]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini Speaker yang *training* kah?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Pertamanya, saya ingin mengucapkan kata-kata tahniah kepada...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ipoh Timur masuk *kindergarten*, Ipoh Timur masuk *kindergarten* jugalah.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Kementerian Pelajaran yang diberikan satu peruntukan tambahan yang paling tertinggi sekali iaitu RM1.1 bilion. Keduanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan kelulusan kepada tiga sekolah SRJK(C) di Jasin yang cukup manfaat sekali. Saya berharap semoga peruntukan sebegini dapat diteruskan kepada sekolah-sekolah yang lain.

Seterusnya saya bercakap tentang Butiran 03501 - Ubah Suai Taraf Sekolah Rendah. Di Jasin kita mempunyai sebanyak 28 buah sekolah rendah yang memerlukan pembaikan untuk mengubah suai serta naik taraf sekolah seluruh dalam kawasan Parlimen.

Seterusnya saya bercakap tentang Butiran 03502 - Ubah Suai dan Naik Taraf Sekolah Menengah. Ini adalah perkara yang sama. Dalam lawatan saya ke sekolah-sekolah, kita dapati banyak daripada sekolah ini memerlukan pembaikan serta pengubahsuaian dan juga naik taraf. Saya berharap semoga pihak kementerian akan memberikan perhatian kerana di sinilah

sebenarnya kita akan mengeluarkan pemimpin masa depan. Nampaknya Yang Berhormat Ipoh Timur keluar sudah

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tidak apalah, keluar lah. Tidak apalah.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Siapa rasuah, hah!?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tolong jaga adab Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya tidak bercakap tentang DAP Melaka sudah baik.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya tidak bercakap tentang DAP Melaka sudah baik. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, seterusnya saya memohon di Sekolah Menengah Dang Anum yang mempunyai 1,600 orang murid tidak mempunyai dewan kerana sekolah ini telah pun memulakan tingkatan enam dan tahap pembelajarannya seharusnya kita berikan perhatian. Kita telah pun wujudkan Tingkatan 6 dan kita tidak mempunyai pusat sumber dan perpustakaan .

Seterusnya sebuah lagi sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Tun Perak, Jasin. Walaupun sekolah ini tidak ditakrifkan sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama tetapi sekolah ini adalah sekolah khas yang beraliran agama. Sekolah ini mempunyai prestasi yang cukup membanggakan sekali dan dalam lawatan saya ke sekolah tersebut, kita dapati kementerian pada ketika ini sedang membina bangunan asrama yang sedang dilaksanakan. Akan tetapi tidak mempunyai makmal sains dan juga blok akademik yang satu ketika dahulu telah pun diluluskan tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan. Saya berharap semoga pihak kementerian akan dapat memberikan pertimbangan seterusnya. Saya rasa setakat ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, baca butiran Yang Berhormat ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudah ambil.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bacalah butiran-butiran. Butiran mana?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Batu Pahat. Kalau mahu bercakap, bangun dan minta dari Tuan Pengerusi. Dia boleh bagi. Kita tahu bahawa Yang Berhormat Batu Pahat tengah kempen untuk UMNO.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebut butiran. Okey, sebut butiran. Butiran mana, Butiran 20 kah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya sudah ambil, nanti dahulu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kalau Butiran 20, nombor calon saya...
[Ketawa]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi. Dewan ini ada satu Tuan Pengerusi atau dua Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ada satu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih. Duduk! Duduk...! *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, Butiran Kementerian Pelajaran, Maksud B.41. Oleh sebab Yang Berhormat Batu Pahat dan rakan-rakan terlalu ingin mahu tahu, RM1.239 bilion diperuntukkan tetapi saya mahu tahu dengan kementerian bagaimanakah caranya RM1.239 bilion ini akan diberi kerja, akan diagihkan, akan dibelanjakan kerana di Sarawak yang saya dilarang untuk masuk. Sarawak di mana saya percaya banyak lanun.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Isu ini di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Lanun-lanun ini di bawah Butiran 41.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, ya. Ini baru mukadimah. Saya kena beri kupasan sedikit dan..

Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Minta laluan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Siapa mahu laluan? Nanti kejap ya. Saya bagi. Ini adik saya, saya bagi. Jadi, ini Ahli Parlimen... *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi. Saya ada satu bukti, dokumen. Saya percaya MACC ataupun SPRM dengan izin, SPRM pasti mereka berminat tetapi apabila kita kemukakan bukti ini, saya ingat ini akan masuk dalam satu peti sejuk dan tidak akan dibuka untuk beberapa tahun. Apa yang saya begitu minat dalam Dewan ini adalah pengagihan bilion ini. Menurut Butiran P.41, seperti kata Yang Berhormat Ipoh Timur tadi, rasuah, UMNO lah bapa kepada segala rasuah... *[Dewan Riu]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi apa yang..., Tuan Pengerusi mahu saya tarik apa yang saya cakap. Okey, saya tarik apa yang saya cakap.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. Saya beritahu kenapa sebab... Bila cakap...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Padang Serai!... *[Menuding jari kepada YB Padang Serai]* Jangan kurang ajar tahu!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat... *[Tepuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau mahu cakap..

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sabar Yang Berhormat!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau mahu cakap..., saya minta Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Ini yang mana itu, Sekijang. [*Dewan Riu*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat duduk dahulu. Saya hendak cakap. Yang Berhormat Batu Pahat duduk dahulu.

Yang Berhormat, bila cakap UMNO, ramai orang UMNO dalam Dewan ini. Jadi peraturan mesyuarat mengatakan kita tidak boleh membuat hujah yang boleh menyakiti Ahli-ahli dalam Dewan. Maksudnya telah melanggar peraturan mesyuarat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat, tetapi saya ambil notis bahawa Yang Berhormat telah tarik balik perkataan tadi dan saya minta Yang Berhormat tidak mengulangi lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya setuju Tuan Pengerusi. Untuk menjaga kemuliaan Dewan ini, saya minta Tuan Pengerusi minta Sekijang tarik balik apa yang dia kata. Saya bukan budak-budak untuk Sekijang lompat-lompat cakap dalam Dewan ini.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Apa lompat-lompat?... [*Menuding jari kepada YB Padang Serai*] Siapa yang memulakan dahulu! Jangan kurang ajar dalam Dewan ini tahu!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sekijang jangan macam kijang tahu!.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta Tuan Pengerusi untuk meredakan, minta dia tarik balik apa yang dia cakap. Saya minta Sekijang tarik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Sebab itu Yang Berhormat, jangan buat *statement* yang boleh mengundang provokasi kepada Ahli yang lain.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa yang saya buat, saya ada bukti ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Tidak boleh lah sebut UMNO. Ramai Ahli Parlimen UMNO dalam Dewan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya ada bukti bahawa konsortium syarikat usaha sama daripada Sarawak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Satu lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat berucap di luar butiran. Itu kita kena *specific*. RM1.4. bilion, berapa bilion itu

adalah peruntukan besar. Yang Berhormat kena sebut usaha, ubahsuai, naik taraf, sokongan, pendidikan umpamanya begitu. Kemudian Yang Berhormat boleh berucap tentang topik yang itu.

Saya sudah tegur Ipoh Timur tadi. Yang Berhormat tidak payah ikut apa yang dibuat oleh Ipoh Timur. Saya katakan sebut butiran, bukannya sebut B.41. Yang Berhormat kena sebut butiran kecil di dalam peruntukan butiran-butiran yang disenaraikan di dalam Kementerian Pendidikan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Kenalah pergi sekolah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh berucap di luar daripada butiran.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dia tidak faham, tidak faham...

[Dewan Riu]

Seorang Ahli: Pergi sekolah dahulu lah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih. Saya akan ikut seperti Yang Pengerusi cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau Yang Berhormat tidak ikut dengan arahan. Kalau Yang Berhormat masih lagi berucap di luar butiran, perkara-perkara yang tidak disebut dalam butiran, saya kena berhentikan Yang Berhormat daripada berucap.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya setuju. Tuan Yang di-Pertua, 035100 ubah suai.

■1200

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kena cakap ubahsuai Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ubahsuai dan di sini saya ada satu di mana cadangan pembinaan menaiktarafkan dan pembaikpulihan sekolah-sekolah dan asrama di seluruh negeri Sarawak ini ada sangkut paut dengan butiran yang saya hendak bawa. Di mana satu syarikat kepunyaan keluarga kepada Ketua menteri memohon dan diberi puluhan sekolah-sekolah punya projek secara runding terus sahaja. Adakah di Sarawak itu ataupun di seluruh Semenanjung ini tidak ada kontraktor-kontraktor lain selain daripada keluarga Ketua Menteri Sarawak ini. Selain daripada mereka yang sangkut paut

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Padang Serai, cuba di luar dewanlah kalau berani.

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, ini Dewan yang mulia saya mengikut butiran, saya mengikut peraturan. Kalau mereka mahu bercakap selepas saya cakap, sebelah mana, dari mana itu? Saya pun tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Tanjong Manis Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kejam lagi saya bagi. Saya bagi sekejap lagi.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Masa sudah lebih ini. Membuang masa, sudah cukuplah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bangun dan kenalkan diri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat teruskan Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Memang sudah lebih masa. Sepuluh minit...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak sampai lagi Yang Berhormat, tidak sampai lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi Tuan Pengerusi, RM1.2 bilion diperuntukkan dan butiran kecilnya untuk ubah suai. Kenapa hanya satu keluarga punya syarikat. Syarikat yang ada kepentingan dengan Ketua Menteri Sarawak sahaja diberikan. Saya tahu, tapi dia mahu sekali lagi melarang saya dari masuk Sarawak tidak dapatlah kerana sekali ini sahaja sudah cukup. Ini kerana negara hari ini, Ahli Parlimen Sarawak yang bangun itu balik tengok kawasan bertapa mereka ini sekolah-sekolah yang belum lagi ubah suai merana ...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Masih dalam....

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta dia duduk dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat. Duduklah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mereka-mereka yang duduk dalam Dewan ini dan mereka yang dari kawasan mereka tidak melakukan kerajaan mereka. Mereka sanggup melihat satu syarikat diberikan 30 lebih syarikat dan mereka mendiamkan diri. Bila saya bongkar kebenaran ini, mereka ini berdiri dan mahu mempertahankan kejahatan penyelewengan yang dilakukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh. Yang Berhormat tidak boleh tuduh Ahli Yang Berhormat macam itu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sama juga Yang Berhormat Batu Pahat dalam

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sebab mereka cuba menafikan saya daripada bercakap kebenaran ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta laluan Yang Berhormat Padang Serai, minta laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Siapa itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat. Hendak bagi jalan atau tidak bagi jalan?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya bagi Yang Berhormat Putatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih saya ucapkan kepada *geng star, the starring*. Dia masuk Sarawak tidak boleh kerana dia selalu mengganggu orang ramai, ketenteraman di Sarawak. Sebab itu dia keluar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat soallah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Soalan ini Tuan Pengerusi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, saya tarik balik. Saya tidak bagi dia peluang.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini masa saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung Yang Berhormat, gulung. Habis masa.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan, belum habis lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya juga setuju dengan Yang Berhormat Putatan dan terima kasih. Sebab itu masuk dalam saya punya hujah dan Yang Berhormat Putatan terima kasih kerana bangkitkan saya tidak dibenarkan masuk ke Sarawak....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Belum habis, belum habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat gulung, habis masa.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Kerana perasuah-perasuah...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat habis masa.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Bersekongkol untuk menafikan saya masuk ke dalam Sarawak. Ini betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya juga sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu bahawa MSCC perlu ambil tindakan supaya gejala macam ini boleh diketepikan satu hari nanti. Saya tahu hari ini mereka

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya tahu bahawa hari ini Ahli-ahli Parlimen juga tidak berani untuk mengetepikan mereka-mereka yang membuat kejahatan, penyelewengan, mereka yang melakukan rasuah dan ini semua masih berleluasa kerana beberapa Ahli-ahli Parlimen yang sanggup bersekongkol.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Seorang Ahli Parlimen dinafikan untuk masuk ke Sarawak ini sudah jadi... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat selalu cakap dalam Dewan hormat kepada Tuan Pengerusi. Saya kata masa sudah habis Yang Berhormat ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey. Tuan Pengerusi, seorang dinafikan untuk masuk ke Sarawak kemudian dua orang dinafikan masuk ke Sarawak. Saya tidak pernah bangkitkan bahawa Ahli Parlimen Sarawak perlu dinafikan dari masuk ke Semenanjung Malaysia, saya tidak pernah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sebab saya rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi Tuan Pengerusi... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: Minta laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup. Sudah habis masa Yang Berhormat, habis masa.

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: Minta laluan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta mereka supaya lebih jujur dalam perjuangan politik.... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Daripada menyokong gejala-gejala rasuah ...*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, cukup Yang Berhormat ...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Tindakan oleh.... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dia mabuk itu, dia mabuk, dia mabuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah cakap macam itu Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Siapa kata mabuk itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah cakap macam itu Yang Berhormat.

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: *[Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Siapa kata mabuk?... *[Bercakap dalam bahasa Tamil] [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Padang Serai jangan marah tidak pasal. *Check* dulu fakta-fakta daripada segi undang-undang untuk masuk ke dalam negeri. Tiap-tiap negeri ada undang-undang dia... [*Tepuk*] Nombor satu, masa Sarawak masuk ke dalam Malaysia, undang-undang ini di buat oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman. Bukan daripada orang Sarawak, itu nombor satu.

Nombor dua, tahun 1975 bila Sabah hendak melonggarkan Akta Imigresen, kita...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, ini luar butiran.

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: Tidak. Ini menjawab kepada kemarahan Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau mahu menjawab ini bukan...

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: Jadi kita menjawab...

Tuan Masir anak Kujat [Sri Aman]: Mukadimah dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: Tidak. Pasal Yang Berhormat Padang Serai marah jadi kita hendak jawab. Jangan kata kita lanun. Yang Berhormat Padang Serai tidak baik... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: Kalau kita lanun, kita bagi Datuk Seri Anwar Ibrahim masuk ke Sarawak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: Kita boleh *ban* seluruh Pakatan Rakyat... [*Tepuk*][*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak bercakap butiran. Berucap di bawah butiran.

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: [*Ketawa*] Saya jawab pasal dia hentam kita teruk-teruk. Tidak baik. Kita sudah berbaik. Tidak pernah Tuan Pengerusi kita dari Sarawak bantai Pakatan, tidak pernah lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat. Habis berucap Yang Berhormat? Terima kasih. Yang Berhormat Pokok Sena.

12.07 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya harap dia orang boleh bertenang sebentar... [*Ketawa*] Jangan tension. Saya bukan batu api cuma saya mengingatkan Yang Berhormat Batu Pahat jangan jadi batu api.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Butiran Yang Berhormat, masuk butiran Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat bila dipahat

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: Kita tidak batu api Yang Berhormat Pokok Sena. Itu fakta, 1975 ...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Eh! Ini apa pula ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: Tidak apa. Kita hendak cakap sikit Tuan Pengerusi, pasal ini benda ini sudah lama sangat. 1975 bapa saya Tun Abdul Rahman Yaakob minta dilonggarkan Imigresen tapi Allahyarham Tun Razak kata jangan untuk *protect* Malaysia... [Tepuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya tidak komen apa-apa Yang Berhormat Tanjong Manis. Saya boleh terima ...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudah puas hati kah Yang Berhormat Tanjong Manis?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena tidak payah mukadimahlah Yang Berhormat.

Puan Norah binti Tun Abdul Rahman [Tanjong Manis]: Saya puas hati kalau Yang Berhormat Padang Serai...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya ingin menyentuh Tuan Pengerusi, P.41 00102 sampai 04600. Saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kerajaan, kepada Kementerian Pelajaran sebab disebut ini terlalu umum. Peruntukan-peruntukan yang diberi untuk projek-projek yang disebut bangunan tambahan, kemajuan projek sekolah rendah kemudian pembiayaan bangunan-bangunan maktab perguruan, rumah guru dan sebagainya. Ini terlalu umum. Jadi saya hendak minta pertama sekali di negeri mana dan di sekolah mana, nama-nama sekolah, berapa kos setiap sekolah itu diperuntukkan untuk apa-apa projek yang berkaitan dengan butiran yang saya sebutkan tadi.

Saya juga ingin mengetahui apakah ia dibuat dalam bentuk open tender yang khususnya yang berkaitan *construction* umpamanya dan juga pembekalan. Adakah ianya dibuat dalam bentuk open tender ataupun tender runding. Saya juga ingin mengetahui bahawa syarikat-syarikat yang memperoleh projek-projek yang telah pun disebut dalam butiran-butiran yang saya sebutkan tadi. Ini kerana saya melihat bahawa kerajaan tidak begitu serius dalam usaha untuk memastikan soal ketelusan dalam pemberian projek-projek ini.

■1210

Walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyebut baru-baru ini bahawa beliau begitu komited terhadap prinsip keterbukaan dan ketelusan. Akan tetapi dalam masa yang sama, dalam bulan Mac ini sahaja saya telah difahamkan bahawa Kementerian Kewangan telah pun membuat pengarahannya untuk memberikan satu projek pembinaan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di Gebeng Fasa II dengan harga hampir RM50 juta

hanya diberi secara tender runding umpamanya. Walaupun ini kementerian, tetapi saya hendak kaitkan bahawa kebimbangan saya bahawa Kementerian Pelajaran pun akan mengikut jejak langkah yang sama sedangkan satu perkara yang harus dilihat bahawa sekarang ini di mana-mana negara bahawa mereka lebih memperlihatkan ketelusan untuk memberikan keyakinan, kepuasan kepada masyarakat dan rakyat.

Jadi, adakah pihak Kementerian Pelajaran bersedia untuk selepas daripada ini apa-apa sahaja pelaksanaan projek-projek ini dibuat secara yang terbuka iaitu di *publish* kan dalam *website* dan sebagainya untuk memperjelaskan mana-mana syarikat yang memohon, mana-mana syarikat yang telah diluluskan, berapa kosnya dan sebagainya. Ini sangat menjadi keperluan pada waktu yang begini, apatah lagi di saat sekarang ini kita bercakap soal rasuah dalam parti.

Saya bersimpati dengan rakan-rakan dalam UMNO apabila media memberi liputan yang begitu meluas tentang isu berkaitan dengan politik wang. Memang saya bersimpati terhadap apa yang berlaku tetapi hakikatnya sekarang ini saya lihat bahawa satu perkara yang agak sulit dan agak sukar untuk menangani persoalan-persoalan yang berkaitan dengan amalan-amalan rasuah ini. Saya sendiri bersimpati bahawa adalah tidak wajar...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah sentuh bab itu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, ya. Ini berkaitan dengan soal ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, tidak. Jauh, jauh.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ini kerana saya bimbang bahawa ada syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kepentingan politik itu diberikan keutamaan. Apatah lagi kalau ia dibuat dalam bentuk tender runding umpamanya. Saya melihat bahawa perkara ini perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan sama ada pihak Kementerian Pelajaran ataupun kepada pihak-pihak yang lain. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa diberikan kepada sebuah syarikat dalam Agensi Penguatkuasaan Maritim itu kepada SPPH Sdn. Bhd. yang juga sebelum itu sudah mendapat projek IKBN di Pekan, Pahang umpamanya. Di Pekan, Pahang dia juga dapat projek, kemudian dia dapat lagi untuk SPPM di peringkat Fasa II di Gebeng sekarang.

Jadi, ini juga yang saya bimbang bahawa keadaan ini ada kaitan pula. Maknanya ini mungkin akan menimbulkan fitnah. Saya boleh menganggap bahawa mungkin ada yang akan menyebabkan menimbulkan fitnah terhadap isu-isu yang sedang berlaku sekarang seperti yang dilaporkan oleh akhbar, media *internet*, *bloggers* dan sebagainya berkaitan dengan soal isu politik wang dalam UMNO itu sendiri. Oleh sebab itu, saya kata bahawa hari ini saya sendiri pun menerima SMS daripada pelbagai kumpulan dalam UMNO. Saya pun tidak tahu. Dia kata, "*Apa, ingat orang itu sahaja bersihkan?*". Jadi, saya pun simpati.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Pengerusi, ini sudah mula lari dari tajuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ya. Lari tajuk.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya hendak mengatakan simpati saya kepada rakan-rakan supaya ...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Maknanya amalan-amalan seperti mana yang saya terima ini sepatutnya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bagi laluanlah, penjelasan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sekejap Sekejap. Sekejap lagi saya bagi. Sepatutnya rakan-rakan daripada UMNO itu tidak payahlah hantar SMS kepada saya untuk hendak mendedahkan kawan-kawan yang lain.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Sudah masuk UMNO kot!

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kalau sudah kawan-kawan kena, kenalah. Janganlah beritahu orang ini buat juga perangai yang sama dan sebagainya. Jadi bagi saya, saya sangat simpati seolah-olah saya kata, benarlah kata pepatah Melayu, "Bangkai gajah tidak boleh ditutup dengan nyiru". Tutup tang telinga, belalai dia busuk. Tutup di belalai punggung berulat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bagilah laluan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Punggung gajah itu berulat! Jadi maknanya saya sangat-sangat bersimpati. Yang kedua... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Laluan, laluan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sekejap, sekejap. Bagi saya habiskan satu-satu perkara lepas itu saya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sikit saja, pasal rasuah tadi. Di Pulau Pinang itu, Exco Pemuda Keadilan buat aduan tentang Majlis Perbandaran. Itu satu contoh rasuah. Baru setahun jagung memerintah sudah buat rasuah juga. So, apa masalahnya?

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Itu menunjukkan keterbukaan kita. Kita, SPRM di bawah penguatkuasaan Kerajaan Pusat. Mereka boleh siasat, tidak ada masalah. Siasat. Akan tetapi persoalannya hingga sekarang ini...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini kita kata bawah apa masalahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, butiran, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Isunya sekarang ialah kenapa SPRM pindahkan kes yang sepatutnya disiasat oleh mereka kepada Jawatankuasa Disiplin UMNO?..
[Tepuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kena tegur Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat balik kepada butiran.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Soal yang lain itu boleh dicakapkan dalam forum yang lain Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Dia tanya, hendak buat macam mana. Batu Pahat ini itulah saya kata, kadang-kadang dia jadi batu api. Saya tidaklah hendak pergi kepada persoalan-persoalan sedemikian rupa... [*Ketawa*]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Penjelasan sikit. Ini berkaitan dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Bab rasuah itu tidak termasuk dalam ini, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ini berkaitan dengan tender-tender yang dikhuatiri oleh Yang Berhormat Pokok Sena akan diberikan kepada syarikat-syarikat tertentu tidak mengikut kaedah yang terbuka. Apa masalah Yang Berhormat Pokok Sena risau sebab Malaysia ini sudah lama mengamalkan tender secara runding terus ini. Zaman Dr. Mahathir dulu, inilah kaedah utama dan tidak pernah ditentang oleh rakan-rakan kita di sebelah sana.

Beberapa Ahli: Anwar Menteri Kewangan dulu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Zaman Anwar bagaimana?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Zaman Anwar Menteri Kewangan dulu!

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sekarang ini, mereka ini...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Permatang Pauh!

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sekarang ini hanya hendak melanjutkan legasi ataupun kaedah itu walaupun ada usaha untuk mengalih kepada satu sistem yang lebih telus dan terbuka tetapi ia akan balik kepada *default mode* dia. Jadi...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Zaman Permatang Pauh dulu bagaimana?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ya. Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Jadi, apa masalah Yang Berhormat Pokok Sena risau sangat ini. Kalau dikatakan syarikat itu baik, boleh mengendalikannya kenapa tidak boleh bagi terus sahaja. Lagipun kawan-kawan, apa masalah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, gulung, Yang Berhormat. Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah habis. Sepuluh minit sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sekejap, sekejap. Itu saya masukkan sebahagian daripada penghujahan saya tadi. Berkaitan dengan PPSMI yang disebut berkaitan dengan projek pengkomputeran ini. Saya ingin juga mendapat penjelasan dalam tempoh enam tahun ini berapa perbelanjaan yang sudah dibelanjakan oleh pihak kerajaan daripada awal tahun

permulaan pelaksanaan ini? Juga mana-mana syarikat yang telah memperoleh pembekalan, bukannya, *supply* komputer, LCD dan sebagainya.

Akhir sekali, saya hendak sentuh ialah apakah tidak ada satu peruntukan tambahan untuk mempertingkatkan subjek Bahasa Inggeris? Itu yang menjadi persoalan yang pernah saya sebutkan sebelum ini bahawa pelaksanaan PPSMI ini asasnya ialah kerana lemahnya mahasiswa kita dalam penguasaan bahasa Inggeris, tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris. Itu disebut oleh bekas Perdana Menteri satu ketika dahulu. Bila pergi temu duga di sektor swasta kita kekurangan dari sudut kelemahan bertutur dalam bahasa Inggeris. Jadi, bagaimana kita hendak mempertingkatkan subjek Bahasa Inggeris itu sendiri? Ini supaya ia tidak hanya menumpukan kepada soal tulisan dan baca tetapi kepada pertuturan dan juga kepada percakapan. Sekian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah 14 orang berucap untuk semalam. Saya cuma berhasrat untuk memanggil seorang sahaja dan kemudian selepas itu saya minta Menteri untuk menjawab. Saya jemput Yang Berhormat Hulu Terengganu.

12.18 tgh.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya yang terakhir. Pertamanya saya ingin berbahas berkenaan dengan maksud P.41 ini. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Pelajaran kerana pada masa ini di Hulu Terengganu ada tiga buah sekolah menengah sedang dibina iaitu Sekolah Menengah Sains, Sekolah Menengah Kebangsaan Tapu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Berang.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya berkenaan dengan kedudukan Kolej Matrikulasi di mana semasa arwah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Razali telah pun berusaha dan berbincang dengan kami di Hulu Terengganu untuk mendirikan sebuah Kolej Matrikulasi. Pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran telah turun dan kami telah tunjukkan tapak pembinaan kolej tersebut. Akan tetapi pada hari ini saya tidak tahu di mana silapnya, cerita pembinaan Kolej Matrikulasi ini telah menjadi sepi sehingga orang di Hulu Terengganu telah tertanya-tanya ke mana perginya Kolej Matrikulasi tersebut.

Kedua, saya ingin bertanya berkenaan dengan status Sekolah Menengah Teknik Hulu Terengganu yang telah pun diuar-uarkan untuk diadakan bersama dengan Sekolah Menengah Sains. Dalam soal ini, saya harap bahawa sekolah ini akan didirikan secepat mungkin di Hulu Terengganu kerana ianya telah pun disebut sejak tiga orang Pengarah Pelajaran Negeri Terengganu.

■1220

Saya juga ingin sebut berkenaan dengan Butiran 01800 – Bahagian Teknologi Pendidikan bahawa untuk pengetahuan kita semua, salah satu daripada mekanisme untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran ialah penubuhan Pusat Kegiatan Guru atau PKG.

Pada masa ini sebahagian besar daripada PKG ini hanya menumpang di sekolah-sekolah dan ada atau tidak rancangan supaya bangunan PKG itu sendiri ditubuhkan terutamanya di Hulu Terengganu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan pengkomputeran, saya dapati semenjak PPSMI ini telah dilaksanakan, banyak kursus telah diadakan dan sejauh mana kursus tersebut telah memberi kesan kepada pengajaran PPSMI. Umpamanya Kursus Bimbingan Perguruan Profesional Dalam ICT (Prestariang) yang diadakan pada tahun 2006 hingga 2007 yang memakan belanja yang begitu besar. Lebih daripada RM110 juta yang diberikan kepada syarikat ini di mana guru-guru kita telah diminta supaya mengikuti kursus tersebut selama dua minggu meninggalkan bilik darjah yang menjadi satu isu yang besar di kalangan guru-guru dan pengetua-pengetua. Jadi saya ingin bertanya sejauh manakah kesan kursus-kursus ini yang telah pun diadakan dan berapa banyak lagi kursus-kursus yang akan didirikan supaya ianya memberi kesan dalam proses pengajaran PPSMI.

Saya juga ingin bangkitkan tentang pembekalan bahan-bahan *hardware* dan *software* kepada sekolah-sekolah di mana saya dapati bahawa *hardware* yang dihantar ataupun CD-CD yang dihantar ke sekolah-sekolah itu lambat diterima oleh pihak sekolah, tidak seiring dengan perkembangan pembelajaran mengikut sukatan pelajaran sehingga sebahagian daripada bahan-bahan tersebut hanya tersimpan di bilik-bilik guru sahaja.

Saya juga ingin bertanya berkenaan dengan kaedah pembaikan komputer yang dihantarkan ke sekolah-sekolah. Saya difahamkan dahulu pembaikan ini boleh diserahkan kepada kedai-kedai kecil untuk membaiki komputer tetapi kemudiannya telah diambil alih oleh syarikat-syarikat besar di mana di Terengganu umpamanya diberikan kepada dua syarikat sahaja sehingga syarikat kecil ini tidak mendapat kesempatan untuk mencari makan.

Jadi saya harap bahawa sistem pembaikan secara hampir berpusat ini menimbulkan masalah kepada pihak sekolah kerana syarikat-syarikat ini, umpamanya mereka hanya menggunakan pekerja-pekerja seolah-olah sementara menunggu untuk mendapat kerja-kerja lain.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan tentang kemudahan-kemudahan di sekolah yang telah lama dibangkitkan dan dihantar kepada kementerian, umpamanya permohonan untuk mendapatkan dewan oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Ajil yang telah pun didirikan sekolah tersebut selama lebih kurang dekat 20 tahun tetapi sampai sekarang masih lagi menjadi pertanyaan kepada pihak sekolah.

Yang keduanya berkenaan dengan padang permainan iaitu tanah-tanah telah pun diambil, telah diserahkan kepada pihak sekolah tetapi padang permainan ini, umpamanya di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Lemong dan Sekolah Kebangsaan Matang masih lagi menjadi permintaan dan rungutan kepada pihak sekolah. Saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

12.24 tgh.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 15 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan untuk berbahas dalam Butiran P.41 dan juga B.41. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menerima peruntukan Belanja Pembangunan P.41 melalui pembentangan Bajet 2008 yang berjumlah RM3.51 bilion memandangkan kesan peningkatan kos projek serta bilangan projek yang diluluskan sebahagian besarnya pada peringkat pembinaan dan siap, keperluan aliran tunai bagi membiayai projek-projek tersebut meningkat secara mendadak.

Sebab itulah kita terpaksa memohon perbekalan tambahan untuk kementerian ini. Melihatkan kepada keperluan aliran tunai yang meningkat, KPM telah memohon peruntukan sebanyak RM2.6 bilion seawal 14 Jun 2008. Hasil daripada permohonan tersebut, KPM telah diluluskan Peruntukan Tambahan P.41 berjumlah RM1 bilion melalui wang pendahuluan simpanan luar jangka pada 16 September 2008. Pada 5 November 2008, KPM sekali lagi memohon peruntukan tambahan berdasarkan tuntutan keperluan mendesak pihak JKR bagi suku keempat serta tuntutan bayaran interim kontraktor di bawah projek-projek kementerian.

Hasil permohonan tersebut pada 17 Disember 2008, KPM telah diberi kebenaran untuk membuat perbelanjaan sebanyak RM250 juta melalui Surat Kebenaran Berbelanja Lebih (SKBL). Sehingga tarikh Akaun Kena Bayar (AKB) 2008 pada 15 Januari 2009, KPM secara keseluruhannya telah berbelanja RM4.681 bilion iaitu RM1.17 bilion melebihi peruntukan asal iaitu RM3.51 bilion.

Antara program yang berbelanja lebih ialah pendidikan rendah, pendidikan menengah, sekolah berasrama penuh, rumah guru, asrama harian dan pembangunan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Parit Buntar.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya baru mukadimah untuk beri satu gambaran sebelum saya masuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih. Tadi disebut bahawa peningkatan ini adalah disebabkan oleh kos yang meningkat. Itu tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut kan? Cuma saya hendak tanya satu lagi sebab, mungkin kos meningkat itu bukan sekadar kos meningkat itu kerana harga barang naik tetapi mungkin juga ada tak projek-projek yang diminta untuk ditambah, dibayar kemajuannya ini adalah hasil kerana projek itu tidak siap pada tarikh yang telah ditetapkan, maka kos telah meningkat.

Saya rasa itu pun perlu diminta penjelasan supaya kita bukan hanya sebut kos meningkat kerana harga barang meningkat tetapi juga mungkin meningkat kerana projek lambat siap dan ini menyebabkan kos meningkat. Kalau lambat, mengapa? Adakah mungkin kerana itu

di pihak kontraktor atau di pihak kementerian? Itu saya minta penjelasan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau Yang Berhormat masih ingat pada tahun lalu kira-kira bulan Mei, harga besi keluli pada masa itu adalah RM4,400 setan berbanding dengan harga sekarang cuma RM1,900 setan. Ini sebagai satu gambaran kepada Yang Berhormat. Pada ketika itu semua bahan binaan memang meningkat secara mendadak. Itu merupakan satu peratusan yang sangat besar. Kalau kita membuat perbandingan antara projek-projek yang Yang Berhormat sebutkan, mungkin ada sebilangan kecil disebabkan kelewatan kerana mungkin ada semasa pelaksanaan projek itu menghadapi sedikit masalah tetapi kita memang mempunyai satu mekanisme untuk kita mengawal.

Dari segi pemantauan projek sejak tahun lalu, kita memantau dengan dekat dan setiap minggu kita akan dapat laporan mengenai status pelaksanaan kerja. Itu saya rasa dari segi perbandingan, ingin mengatakan peningkatan kos bukan sahaja dari segi besi keluli tetapi bahan binaan itu sendiri adalah sesuatu yang di luar jangkaan. Sebab itulah ada kontraktor yang tidak boleh melaksanakan projek kerana kadangkala kenaikan itu sampai mereka terpaksa hendak serah balik kepada kementerian.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Boleh saya hendak tambah sedikit daripada soalan saya tadi, mohon supaya diberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini. Kalau disebut sebilangan kecil tadi kerana kelewatan, boleh tak di Dewan yang mulia ini kementerian menerangkan berapakah projek-projek yang kelewatan yang dikatakan sebilangan kecil itu dan siapakah kontraktornya dan mengapa ia berlaku? Adakah akibat kecuaiannya kontraktor yang menyebabkan kos meningkat atau sekadar alasan yang diberi tadi iaitu kos pembinaan. Saya minta supaya disenaraikan apa yang dikatakan sebilangan kecil itu.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam soal kita membincangkan peningkatan kos ini, ada dua faktor seperti mana yang saya katakan. Yang pertama, punca kelewatan itu nombor satu, pada pertengahan tahun lalu disebabkan kenaikan harga kos yang secara mendadak. Itu yang menyebabkan mereka hendak terima, hendak mulakan kerja pun susah dan mereka kembali kepada kita untuk berbincang kerana pada hakikatnya apabila mereka berunding, ketika itu ataupun semasa kita membuka tender, ianya mungkin pada sekitar RM2,400 untuk besi keluli.

■1230

Jadi apabila mereka hendak siapkan projek, mereka akan mengalami kerugian. Oleh sebab itu kita tengok dari dua sudut. Nombor satu, apa punca yang menyebabkan kelewatan? Disebabkan kenaikan harga barang yang tidak terkawal ataupun disebabkan kecuaiannya mereka? Kalau kecuaiannya mereka, saya boleh bagi senarai. Saya rasa itu adalah jumlah yang tidak banyak

tetapi yang lebih adalah pada apa yang saya ceritakan tadi. Saya teruskan sebab saya baru hendak mula. Itu sebagai bagi gambaran...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat ada lagi hendak tanya?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semasa pihak kerajaan bersetuju menambah harga kontrak atas sebab kerana barangan naik terutamanya petroleum, harga petrol dan juga keluli dan barangan binaan, adakah dalam persetujuan itu dinyatakan juga bahawa kalau harga petrol dan juga harga barangan binaan terutamanya keluli ini menurun, adakah kontrak tersebut harganya akan juga turun semula kerana biasanya sesuatu kontrak itu tidak akan siap ataupun habis dibina sehingga dua tahun ataupun beberapa tahun yang berlanjutan.

Jadi adakah terma sedemikian dinyatakan ataupun setiap kali kita nampak pihak kerajaan hanya setuju kepada terma-terma kontrak yang berat sebelah? Kalau harga naik kita tambah harga kepada kontraktor, tetapi apabila harga turun ia tidak turun. Ini tidak kita menjaga kepentingan rakyat jelata. Saya hendak dapatkan penjelasan.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Perkara yang sama Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara yang sama. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebagai satu contoh jelas yang disebutkan oleh Yang Berhormat Beruas tadi, ialah di kawasan saya terdapat 19 projek yang telah di tender tetapi ditangguhkan pelaksanaannya. Pada pandangan saya projek-projek itu patut diteruskan dengan di tender semula kerana skop kerja pada ketika itu dianggap mahal. Bangunan empat tingkat, kosnya RM8 juta, RM7 juta, RM6 juta sedangkan apabila harga biasa dengan harga keluli yang telah turun, saya rasa tidak setinggi itu. Saya ingin mencadangkan supaya projek-projek sebegini di tender semula dengan kos yang lebih rendah. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas yang membangkitkan isu ini. Sebenarnya kalau kita melihat pelaksanaan kerja, untuk tempoh pembinaan sebenarnya dalam tempoh 24 bulan. Jadi kita kena lihat, bilakah yang pihak kontraktor ini memulakan struktur-struktur yang melibatkan penggunaan besi dan keluli. Kalau ia telah dibuat, bermakna pada harga yang tinggi ketika kemuncak, kita tidak boleh membuat sebarang penyelarasan.

Akan tetapi sebagai rujukan, dalam kontrak kita akan memberi satu rujukan pada waktu kita menandatangani kontrak, harga semasa adalah ini. Jadi kita membenarkan sedikit *fluctuation* ataupun dari segi fleksibiliti untuk mereka membuat sedikit perubahan. Kalau sesuatu yang di luar jangkaan, saya rasa itu adil bagi kedua-dua pihak. Kalau kita bertegas dengan apa yang kita buat, seperti pada tahun lalu kalau apa yang kita telah benarkan *award* kepada kontraktor, kita kata *you* teruskan walaupun rugi.

Apa yang akan terjadi ialah kebanyakan projek akan terbengkalai. Kita juga meninjau dari satu sudut. Kalau projek terbengkalai cuma dia dapat buat pada peringkat mungkin 60%

untuk mendapatkan kontrak terbaru menyambungkan kerja tersebut selepas tempoh tergendala itu mungkin akan memakan satu kos yang lebih tinggi. Jadi sebagai kesimpulan, kita telah mengambil keputusan dalam Rancangan Malaysia kesembilan semasa kajian separuh penggal, 3,524 projek itu akan kita tangguhkan. Bermakna apa yang ada dari mula kerja, kita akan mula dahulu.

Jadi kita tidak akan terikat dalam satu senario di mana ada projek kita mulakan semua dan semuanya tergendala. Itu pendekatan yang digunakan dan memang satu pandangan yang baik. Bahagian Pembangunan sekarang pun menyediakan dari segi kontrak, rujukan harga semasa. Itu sebagai satu kaedah untuk memastikan tidak ada kontrak *lopsided*. Jadi saya akan teruskan.

Mengenai aspek B.41, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai perbelanjaan mengurus, sebenarnya walaupun ramai yang terkeluar tajuk tetapi saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, itu adalah pembayaran kepada kenaikan pangkat guru-guru. Itu adalah secara keseluruhan, bukan melibatkan pembayaran gaji semata-mata. Ingin saya katakan di sini bahawa berdasarkan data yang ada pada kita, kenaikan pangkat guru cemerlang daripada guru cemerlang gred DG44, DG48, DG52, DG54 sampai JUSA 'C' sampailah Pengetua Cemerlang gred DG52 sampai JUSA 'C', keseluruhannya 5,984 orang telah dinaikkan pangkat. Ini menelan belanja yang agak besar.

Di samping itu ada juga sistem kita, kenaikan pangkat berdasarkan tahun ataupun tempoh perkhidmatan, *time based*. Bermakna dalam kategori ini, ada 9,490 orang yang diberi kenaikan pangkat. Akhir sekali ada kenaikan pangkat guru secara hakiki iaitu pelantikan menjadi guru besar ataupun guru penolong kanan di sekolah dan kenaikan pangkat itu juga agak besar iaitu 33,053 orang. Bermakna ini menelan belanja yang agak besar untuk kita menjaga kebajikan guru-guru. Ini juga berikutan dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16 Mei yang lalu di mana kita mengumumkan insentif kepada guru termasuklah mewujudkan jawatan baru dan kenaikan pangkat kepada guru. Jadi sebab itu, kita meminta lebihan belanja dalam emolumen...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Minta laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Padang Serai.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Padang Serailah.

Seorang Ahli: Wah! Saya lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Memang Yang Berhormat Timbalan Menteri baik ini. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tanya ulasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sekolah-sekolah yang ada padang bola dan padang permainan di mana padang-padang inilah yang....

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih. Tuan Pengerusi saya rasa ini belum sampai. Saya kena masuk itu. Saya cuma bagi gambaran kasar. Dia kata kenapa butiran itu kita tidak selesai dan saya baru hendak...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kena masuk tempo Yang Berhormat. Yang itu belum masuk tempo lagi.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya baru hendak mula.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: [Bangun]

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [Bangun]

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Parit Buntar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar, ya sila Yang Berhormat Parit Buntar.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Parit Buntar kah Yang Berhormat Rantau Panjang?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Parit Buntar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Parit Buntar. Tuan Pengerusi yang panggil Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya, terima kasih. Saya tidak mahu tinggal tadi sebab ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang peningkatan gaji kerana mereka naik pangkat. Saya cuma ingin bagi penjelasan. Terlalu banyak rungutan yang didengar apabila proses naik pangkat itu selain daripada apa yang sedia ada dari segi sistem ini, ada satu lagi yang *unseen* punya sistem yang tidak ada itu yang dilihat ada kecenderungan politik.

Seolah-olah kalau dilihat guru ini ada cenderung kepada Pembangkang, maka sukarlah untuk naik pangkat. Akan tetapi kalau dia cenderung kepada pemerintah kerajaan, maka mudah dan dia lebih senang. Saya cuma mohon apakah kriteria ini diambil kira? Kalau tidak saya kira, yang kita luluskan untuk gaji ini saya rasa tidak berbaloi kerana ada unsur-unsur yang tidak baik...

Seorang Ahli: Tidak dapat berkat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Dan tidak dapat berkatlah, contohnya.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, tidak ada dalam pekeliling kita ataupun borang kita menyatakan kecenderungan politik. Yang keduanya, bagi sesiapa penjawat awam termasuk guru yang mengambil peperiksaan dan penilaian PTK, kita juga tidak tanya sama ada dia berpihak kepada parti Pembangkang atau parti pemerintah.

Maknanya kita berpandukan kepada penilaian secara profesional. Buku yang sama dibaca, tidak kira penyokong kerajaan ataupun penyokong Pembangkang. Akan tetapi hakikatnya ialah apabila seseorang itu tidak dapat naik pangkat, mungkin dia buat tohmahan yang bukan-bukan. Jadi saya rasa dalam soal ini, kalau kita tengok *time based*, tidak kira kalau dia ini

mungkin keluarga dia ada seorang itu dari Ahli Parlimen daripada Pembangkang, kalau dia sudah berkhidmat sepuluh tahun daripada DG44 tetap akan naik DG48...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Boleh minta?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kenaikan gaji tetap ada.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Boleh minta?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya? Sebentar.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Boleh minta penjelasan sedikit?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tidak, sebentar saya cakap. Bermakna dalam soal ini, kenaikan *time based* memang kita terus dan pelantikan secara hakiki pun juga macam itu. Kita akan melihat penilaian daripada pihak sekolah ataupun jawatan yang lebih tinggi oleh PPD ataupun Pengarah Negeri. Jadi saya rasa dalam soal ini, beberapa aspek itu kita kena lihat PTK. Mereka mesti lulus. Kalau tidak, memang susah. Saya rasa tidak ada dalam kolum kita ditulis, cenderung kepada siapa...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sebab itu saya kata yang tidak dilihat. Yang tidak dilihat itu yang akhirnya membuat penilaian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bolehkah Yang Berhormat Menteri teruskan kepada Butiran...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Pengerusi...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sebab ini saya rasa terkeluar. Ini Bekalan, Pengurusan. Boleh tak kami..?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Putatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan tidak payah, tidak payah campur begitu Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Putatan. Ini di bawah emolumen. Ini mengenai kenaikan pangkat. Jadi biar saya terangkan jangan ada khabar angin keluar macam itu. Baik saya menggunakan forum ini menerangkan tidak ada. Ini yang pertama.

Yang kedua, kalau mereka yang berpangkat DG sememangnya kita tidak benarkan tidak kira dia hendak sokong Pembangkang atau kerajaan, dia tidak boleh pegang jawatan pun. Jadi tidak ada soal dia pegang jawatan tinggi dalam sesuatu parti pemerintah, dia akan diberi markah yang lebih, tidak ada. Memang tidak dibenarkan. Tidak ada pekeliiling ikhtisas.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

■1240

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sedikit sahaja.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat sebut, iaitu kebajikan pekerja, yang mana kita lihat kebajikan para guru dan kita mengharapkanlah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi supaya menjadi satu realiti di bawah. Maksudnya kita tidak mahu kerana akibat campur tangan politik, itu satu perkara.

Yang saya hendak sebut di sini ialah apabila berlakunya kenaikan pangkat, maka berlakulah perubahan tempat pekerjaan biasanya guru ini akan dipindahkan ke sekolah lain kerana kenaikan pangkat. Cuma isu yang kita dapati banyak daripada keluhan para guru terutama yang melibatkan guru-guru berkeluarga. Ramai isteri yang terpaksa berpisah jauh dengan suami terutama yang menghadapi masalah anak-anak kecil.

Jadi saya minta kementerian memberi pertimbangan supaya guru-guru wanita ini yang terpaksa berjauhan dengan suami ini, walaupun terlibat dengan kenaikan pangkat dan sebagainya supaya diatur agar keutuhan keluarga guru, sebab dia adalah penggerak kepada generasi akan datang diberi pertimbangan supaya tidak ada guru-guru yang terpaksa berpisah sampai lima, enam tahun dengan suami semata-mata kerana hendak menjaga kedudukannya sebagai guru, tetapi pengorbanan mereka yang amat besar terpaksa berpisah dengan keluarga dan anak-anak, minta penjelasan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sebenarnya ini satu isu yang agak relevan. Kita benarkan pertukaran guru hanya dua kali dalam setahun iaitu pada Jun dan juga Disember. Ini bermaksud bagi mereka khususnya pasangan yang terpaksa berpisah kita beri keutamaan dan kadangkala disebabkan permohonan mereka itu dikemukakan alasan yang digunakan dalam sebab pertukaran, kadangkala dia tidak disokong oleh guru besar, jadi kita pastikan kalau ada perkara ini kita akan uruskan dengan guru besar atau pengetua.

Kalau ada kemusykilan boleh terus datang ke kementerian. Kita sedia membantu. Yang kedua, apa yang hendak saya katakan di sini kadangkala mereka yang hendak mohon bertukar sebab menjaga ibu. Kita dapati ada beribu-ribu orang hendak jaga ibu, kerana setiap kali kita meninjau borang permohonan ada sepuluh orang anak, maka panel itu apabila dia melihat ada sepuluh orang anak, kenapa anak ini, yang kelapan yang ditugaskan untuk menjaga ibu, bermakna asas tidak kukuh...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Akan tetapi kalau disebabkan pasangan berpisah, itu memang kita faham, kita hendak menjaga keutuhan keluarga, itu kita beri keutamaan. Jadi saya rasa saya teruskan dahulu, belum masuk lagi perbahasan. Yang Berhormat Beruas saya sudah bagi, sekejap lagi. Bagi kepada Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi, saya cuma hendak tanya kalau berdasarkan kepada dua pembayaran ini, rendah dan menengah

satunya dia lebih banyak daripada peruntukkan asal 2008. Jumlah yang dikatakan untuk kenaikan pangkat kalau ikut kepada laporan ini masih belum dibayar, kita diminta untuk meluluskan jumlah ini kerana dia akan dibuat bayaran secara langsung, maksudnya tidak didahulukan oleh mana-mana kumpulan wang sebelum ini.

Saya hendak tanya Timbalan Menteri, bilakah kementerian bercadang hendak membayar kenaikan gaji atau *emolument* ini, yang kita minta untuk diluluskan ini ataupun ada cadangan dalam masa sebulan ini kebetulan pilihan raya kita ada tiga ini macam mana, ataupun *specifically* bila agak jangkaannya kalau tidak ada kena-mengena dengan tempoh itu, saya rasa sudah setahun lebih guru-guru ini menunggu, sepatutnya mereka dapat menikmati kenaikan yang lebih awal daripada tempoh setahun. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Tadi saya sudah kata pada 16 Mei pengumuman dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selepas itu pula perihal tentang bagaimana hendak naik pangkat itu semua kita sudah sediakan dan selepas itu baru kita tahun berapa jumlahnya.

Jadi soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sama ada kita akan bagi *goodish* semasa pilihan raya kecil, itu saya boleh bagi jaminan Yang Berhormat kebetulan ianya tidak dapat dilakukan, kerana kita menghormati Dewan Rakyat dan Dewan Negara, tetapi itu tidak bermaksud rakyat ataupun mereka yang terlibat tidak faham, kerana ini melibatkan perbelanjaan tambahan yang perlu kelulusan daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dewan Negara hanya akan bersidang pada 30 Mac sehingga 8 April.

Jadi bergantung kepada Dewan Negara bila hendak diluluskan. Saya rasa soal ini tidak bangkit isu politik. Saya terus kepada isu yang saya hendak jawab. Sedikit, *last*.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, memandangkan Timbalan Menteri telah pun membuat penjelasan kepada kita semua bahawa dalam isu pendidikan kita tidak ada diskriminasi berlandaskan fahaman parti politik. Mungkin ini telah terjadi kerana Kementerian Pelajaran tidak membenarkan kita, iaitu wakil rakyat tempatan daripada Pakatan Rakyat atau kerajaan negeri Pakatan Rakyat menghulurkan sumbangan kepada sekolah-sekolah dan telah menyebabkan satu gambaran seakan-akan di sekolah pun kita mempolitikkan. Adakah Timbalan Menteri setuju, bahawa kita tidak harus mempolitikkan pendidikan dan di kawasan-kawasan di mana wakil rakyat, Ahli Parlimen atau pun ADUN Pakatan Rakyat dan di negeri-negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat, mereka boleh dibenarkan untuk menghadiri atur cara di sekolah-sekolah. Dari pengalaman saya, apabila saya menghulurkan sumbangan kerajaan negeri kepada sekolah-sekolah ibunda saya, *my mother school headmaster* atau pengetua tidak sudi, enggan atau takut, untuk mendapat sumbangan.

Sebab itu diharap perkara sedemikian dapat diselesaikan agar sekolah ini merupakan tempat yang neutral, tidak ada politik dibawa ke sekolah-sekolah. Setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan cadangan saya?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Beruas, itu akan saya jawab dalam jawapan ini, sama-sama tunggu. Yang pertama Yang Berhormat Rasah membangkitkan isu SMJK Chan Wa di Temiang Seremban. Sebenarnya ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah Cina termasuk SMJK ini tidak menimbulkan sebarang masalah kecuali satu kes di mana Lembaga Pengelola Sekolah atau SMJK Chan Wa ini didapati sesama mereka, mereka berkelahi. Pertikaian antara ahli lembaga yang sah, jadi ada dua pihak yang kata dialah LPS yang sah.

Maka perkara ini telah dirujuk kepada JPM. JPM pula merujuk kepada PUU atau Penasihat Undang-undang, Kementerian Pelajaran dan saya sendiri mendapat input daripada PUU. Yang menjadi masalah ialah dalam pakej satu kalau kita hendak bagi duit terus kepada LPS, kita kena memastikan duit itu sampai dan mereka akan melaksanakan esok, bukannya menyelesaikan pertikaian mungkin kadangkala kena sampai ke mahkamah baru kita hendak pakai duit itu.

Itu memang dari segi tatacara penggunaan wang itu memang bukan tujuannya, itu adalah merupakan Pakej Rangsangan Ekonomi, maka kita kena belanja dengan cepat. Maka soal LPS ini bukan soal kita, jadi dakwaan Yang Berhormat kata kita seolah-olah menganaktirikan, itu tidak benar sekali dan semua sekolah kita menggunakan garis panduan yang sama, yang pertama masuk sekolah itu, LPS ada atau tidak pertikaian, kalau tidak ada pertikaian kita tangguhkan dahulu.

Selepas itu belum lagi kita kata kelulusan diberi. Apa yang dituntut saya masih ingat, surat itu saya baca dia hendak setengah juta. Kita hendak tengok dia buat apa, hendak cat bangunan ataupun kalau bumbung sudah bocor dan kita akan utamakan struktur bangunan yang tidak selamat dan juga perlu di baik pulih. Jadi saya rasa dalam soal ini kita memang jelas dan kita *transparent*, dan tidak ada pertikaian daripada 489 buah SJK(C) di Malaysia ini. Jadi saya rasa itu bukan satu isu

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak dapatkan kepastian sama ada peruntukan yang dipohon oleh SJK(C) Chan Wa ini telah dibekukan pada masa kini, dan sekiranya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada masalah dalam Lembaga Pengelola itu, maka peruntukan itu tidak disampaikan kepada LPS itu terlebih dahulu.

■1250

Apakah mekanisme yang lain untuk menyalurkan sebab pada saya yang paling penting bukan APS yang paling penting ialah kebajikan kepada sekolah, yang paling penting peruntukan itu sampai kepada sekolah untuk kebajikan pelajar-pelajar sekolah itu. Apa yang pentingnya mekanisme itu bagaimana peruntukan itu disalurkan untuk kegunaan sekolah.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, saya sudah meninjau setiap butiran yang dipohon. Saya hanya melihat yang pertama kategori bangunan tidak selamat dan

penyelenggaraan yang dipentingkan. Dari segi untuk kita membuat perubahan dari segi kosmetik itu tidak didahulukan. Itu yang pertama.

Kedua, soal dibekukan tidak wujud kerana tidak pernah diluluskan dan kita buat semakan rapi sebelum kelulusan itu diberi. Jadi saya rasa itu sudah jelas dan saya bagi contoh di kawasan Yang Berhormat SJK(C) Mawar mungkin Yang Berhormat tidak sempat pergi tengok. Ketika permohonan RM55,000 dan tiba-tiba siling itu jatuh, jadi kita minta kita buat siasatan di sana dan kita umumkan RM100,000 untuk baik pulih bangunan bumbung itu. Kita tidak tengok siapa yang menjadi wakil rakyat kawasan itu tapi berdasarkan keperluan. Itu saya hendak jelaskan.

Yang Berhormat Pasir Puteh sebut tentang perjanjian sistem pengkomputeran sekolah yang telah diberikan kepada *Times System*. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya *Times System* diberi fasa dua hingga fasa lima PPSMI iaitu bermula dari tahun 2003 hingga 2006 jumlah perbelanjaan yang terlibat ialah RM1.503 bilion dan Yang Berhormat khuatir mungkin disebabkan perbelanjaan yang banyak telah dibelanjakan maka susah sangat kita hendak tarik PPSMI.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa perhitungan kita ataupun faktor-faktor yang diambil kira sama ada kita teruskan, kita mantapkan ataupun sebaliknya untuk PPSMI bergantung kepada input-input semasa rundingan meja bulat dan juga menghormati apa yang kelak yang akan diputuskan oleh Jemaah Menteri. Saya rasa kita tidak semata-mata tengok kontrak itu disebabkan kita terikat maka kita tak boleh hendak buat apa-apa dengan PPSMI. Itu tidak benar.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon laluan, PPSMI. Saya takut tertinggal.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat sudah banyak cakap.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: PPSMI.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tak, tak. Saya rasa saya teruskan. Ini sebab pada hari ini cuma mengatakan peralatan. Saya hendak terangkan tentang peralatan. Saya ingat Yang Berhormat...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Betul, saya di atas soalan itu. Kalau boleh bagi tahu fasa-fasa sebelumnya apa pencapaian kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Sehingga masuk fasa yang ada ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri tak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekarang masuk fasa keenam dan saya akan terangkan nanti jumlah perbelanjaan untuk fasa enam. Soal meminggirkan bahasa Melayu saya sudah jawab berkali-kali. Saya rasa kita tetap memartabatkan Bahasa Melayu, bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Itu memang tidak dipertikaikan.

Yang Berhormat Jerai membangkitkan tentang pembinaan SJK(T) di Tok Pawang. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa sebenarnya untuk SJK(T) ini kita telah berbincang dengan kerajaan negeri dan kerajaan negeri telah bersetuju untuk menyediakan tapak bagi projek ini dalam mesyuarat kerajaan negeri bertarikh 24 Disember tahun lalu di atas lot 2160 Bandar Bedung seksyen 12, seluas 2.0534 hektar. Untuk makluman, skop projek mengandungi tujuh bilik darjah dan projek dilaksanakan oleh JKR dengan siling perbelanjaan RM1.615 bilion dan statusnya adalah dalam proses pra-pembinaan.

Yang Berhormat Jerai turut menyebut tentang latihan di IPG dan soal-soal disiplin ini patut dimasukkan. Itu sebahagian daripada kurikulum dan saya rasa itu memang dimasukkan dalam IPG. Ketiga, rumah guru yang tidak sesuai dan seperti mana yang saya jawab di Dewan tiga hari yang lalu memang kita menjadikan rumah guru yang terbengkalai ataupun tidak didiami oleh sesiapa jadikan sebagai pusat latihan untuk IPG. Saya rasa itu tidak ada masalah latihan dalam perkhidmatan dan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yes.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila sekolah-sekolah ini melalui proses pembangunan dan juga pengubahsuaian apa yang berlaku adalah sekolah-sekolah ini kehilangan padang permainan kanak-kanak, padang permainan sekolah ataupun padang bola yang sedia ada khususnya sekolah rendah kebangsaan di Kampung Keladi dan juga beberapa sekolah lain di kawasan Padang Serai khususnya Sekolah Henrietta dan lain-lain.

Jadi apa yang saya mahu tahu ialah apabila ini berlaku dan sekolah itu kehilangan padang itu adakah kerajaan mengambil apa-apa langkah supaya pada masa akan datang sekolah-sekolah itu akan dikembalikan padang dengan mungkin *land acquisition* atau sebagainya...

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Padang Serai merujuk balik *Hansard* tiga hari yang lalu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya telah menjawab dengan panjang lebar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara-perkara yang telah dijawab tak perlu disebut balik Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Jadi Yang Berhormat Bintulu membangkitkan bantuan yang disalurkan terus kepada sekolah mubaligh dan SJK(C). Ingin saya mengatakan bahawa bagi SJK(C) sebanyak 489 SJK(C) yang menerima bantuan di bawah pakej yang pertama dan sukacita dimaklumkan untuk SJK(C) setakat ini tidak ada masalah kerana semua wang itu kita salurkan kepada LPS. Baru-baru ini Yang Berhormat Bintulu juga membangkitkan isu kenapa kita mengkategorikan LPS mampu dan tidak mampu khas untuk sekolah mubaligh.

Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Bintulu bahawa perkara ini memang benar. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan mengenai dasar untuk kita memberi ataupun *empowering board of governors* dengan izin, seperti mana yang diumumkan di Sekolah Menengah St. Thomas di Kuching pada 12 Februari ini dan kita akur dengan keputusan kerajaan khususnya apa yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan itu memang tidak perlu kita pertikaikan.

Kedua, kita akan meminta bahagian-bahagian berkenaan untuk kita memantapkan pembelian dan saya tahu di mana memang ada LPS yang rasa dirinya dianggap sebagai tidak mampu mereka rasa kecil hati kerana mungkin maklumat itu kejituan itu kita semak semula dan apa yang kita hendak buat secara dasarnya bagi mana-mana LPS ataupun sekolah mubaligh yang LPS nya mampu melaksanakan projek kita akan benarkan mereka. Kalaulah mereka tidak mampu mereka boleh serahkan kepada kementerian dan biarlah kita bantu mereka melaksanakan. Jadi soal ini kita akan semak balik kita memastikan apa yang diputuskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu dipatuhi sepenuhnya. Itu saya bagi jaminan.

Mengenai isu *work order* yang telah dikeluarkan saya akan semak dengan JPM berkenaan dan saya minta maklumat dengan lebih tepat dan kita akan memastikan apa yang kita putuskan itu sebenarnya adalah mematuhi apa yang telah diputuskan oleh pihak teratas iaitu dari jemaah menteri ataupun Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Kemudian Yang Berhormat Putatan sebut tiga perkara. Pertama, kerja-kerja sekolah kontrak tidak bagi kepada kontraktor kelas 'F' pembinaan pagar dan parit dan kita akan mengkaji semula pemberian kontrak ini kerana kita tahu bahawa kalau dahulunya kita hendak buat ianya dibuat secara berpusat. Jadi kalau kita memikirkan kesesuaiannya apabila ianya boleh mungkin kita juga melibatkan kontraktor tempatan dan kita hendak menurunkan kuasa sekiranya perlu. Saya rasa ini mungkin satu input yang baik dan kita sama-sama akan mengkaji sama ada keberkesanannya lebih baik daripada kalau kita laksanakan secara berpusat.

Seterusnya, adakah pegawai diberi kuasa di JPM. Seperti mana yang saya katakan mesti ada penurunan kuasa baru sahaja mereka boleh memanggil ataupun membuat pelaksanaan projek. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang SMK Petagas yang dikatakan tidak ada tanah atau projek telah terbengkalai. Untuk makluman dalam belanjawan tambahan yang diminta kali ini ianya hanya untuk SMK Majidi (2) di Johor Bahru. Bermakna ianya tidak melibatkan SMK Petagas. Jadi walau bagaimanapun, kita mengambil kira pandangan Yang Berhormat dan kalaulah keadaan mengizinkan kita akan pertimbangkan untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Yang Berhormat Ampang, membangkitkan satu perkara iaitu GSTT yang mengandungi kononnya ada diskriminasi. Ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat

Ampang dan tidak lupa kepada Yang Berhormat Batang Sadong yang merupakan Pengerusi *Women Caucus* Parlimen yang sentiasa mengikuti perkembangan terkini tentang kes ini.

Untuk makluman pada 15 Februari Kementerian Pelajaran telah berbincang dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk kita memantapkan lagi garis panduan dan kita sedar bahawa apa jua peraturan atau garis panduan yang kita keluarkan tidak boleh bercanggah dengan artikel 8 iaitu kesaksamaan gender dan kita memang menerima baik dan memastikan apa jua garis panduan yang kita keluarkan itu khususnya kalau kita hendak menggaji seorang GSTT dan kita kena mengambil kira sensitiviti gender. Jadi itu sedang dalam ke arah pemantapan dan saya difahamkan bahagian berkenaan sedang giat mengambil tindakan sewajarnya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya sila.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Cuma saya musykil sedikit saya bagi nota kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tidak menjawab nota saya satu minggu lepas sampai sekarang tidak ada di sini. Sibuk kempenakah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sejak hari Isnin minggu ini Yang Berhormat Menteri terpaksa pergi ke Brunei ada tugas rasmi di sana. Walaupun surat dihantar oleh Yang Berhormat Ampang tetapi sebenarnya sebelum Yang Berhormat hantar surat pun kita sudah berbincang dalam *Post Cab*. dan kita melihat perkara ini adalah perkara yang agak serius dan kita juga menerima panggilan dan maklum balas daripada pertubuhan-pertubuhan wanita. Jadi saya rasa ini adalah soal gender dan kita akan mempertingkatkan sensitiviti gender. Jadi saya beri jaminan bahawa perkara ini akan kita tengok balik.

Yang Berhormat Ampang juga menyebut tentang kemudahan asas perkakas...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh sambung petang nanti Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Majlis bersidang semula sebagai majlis Mesyuarat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 ptg.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Jawatankuasa]

2.32 ptg.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Yang Berhormat Ampang yang bertanyakan tentang kononnya sekolah-sekolah yang menghadapi masalah perkakas sekolah yang menyedihkan sampai Ahli Parlimen hendak bagi peruntukan pun tidak diberikan masuk. Ingin saya memberi jaminan dan sekali mengulangi pendirian Kementerian. Kita tidak pernah melarang Ahli Parlimen Pakatan Rakyat masuk ke dan kita pun tidak pernah menolak sebarang rezeki kalau hendak bagi kepada sekolah. Itu memang jelas. Akan tetapi apa yang ada ialah kita minta supaya Pekeliling Ikhtisas itu dipatuhi. Kalau hendak masuk ke sekolah kena dengan cara yang betul. Itu sahaja yang kita minta.

Jadi dakwaan yang Yang Berhormat mengatakan mereka hendak berikan duit PIBG pun tidak boleh, sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua PIBG baru-baru ini kami pihak Kementerian telah berikan peruntukan tidak kira kawasan pembangkang, kawasan Barisan Nasional, kita berikan kepada semua sekolah menengah RM10 satu kepala dan untuk sekolah rendah RM8 satu kepala dan jumlah ini sebesar RM50 juta telah disalurkan kepada JPN dan kini telah dimasukkan ke akaun sekolah. Ini membuktikan bahawa kita hendak membantu PIBG kerana dalam keadaan gawat ini saya yakin dana PIBG memang diperlukan untuk membantu menjalankan aktiviti.

Yang Berhormat Lipis membangkitkan beberapa perkara. Yang pertama yang disebutkan tentang kajian diperlukan untuk penstrukturan semula PPD. Ingin saya memaklumkan bahawa sebenarnya PPD kita mempunyai grad yang berlainan iaitu tiga grad dan kita tidak pernah membuat penurunan pangkat daripada Penolong Pegawai Pelajaran Daerah diturunkan menjadi penyelia. Apa yang ada ialah Ketua Unit itu ataupun PPD itu memang merupakan pegawai yang berijazah dan mereka ini kategori DG. Maka saya rasa soal yang dibangkitkan itu tidak wujud. Walau bagaimanapun, kita akan memantapkan lagi sekiranya ada kekurangan dalam sistem kita dan itu memang kita sedang memproses dan mengemaskinikan tentang struktur organisasi kita.

Satu perkara yang telah dibangkitkan tentang dewan dan disebabkan dewan ini telah dibina dan masih lagi ditenggelami air ingin saya maklumkan bahawa ini merupakan satu perkara yang memang sedang disiasat oleh Kementerian dan mengikut prosedur yang kita biasanya akan membuat *soil investigation*, dengan izin, dan selepas itu kita akan melihat struktur tanah dan kita akan menentukan *platform level* untuk kita membina sesuatu dewan. Sekiranya kita perlu membuat sesuatu rawatan sejenis *geo texture* ataupun kaedah lain, kita akan buat dahulu sebelum kita mulakan pembinaan dewan. Saya rasa perkara ini sedang disiasat oleh pihak kita dan saya tidak tahu sama ada faktor luaran yang menyebabkan berlakunya keadaan ini. Akan tetapi lazimnya memang prosedur itu perlu dilalui iaitu platform itu kita kena reka bentuk supaya ianya tidak boleh menakung air ataupun tidak ditenggelami oleh air. Yang Berhormat juga

menyebut tentang asrama guru dan perlu kita meneliti cadangan ini. Itu nampaknya ada keperluan mendesak kita sedia mempertimbangkan.

Yang Berhormat juga menyebut tentang asrama guru dan perlu kita meneliti cadangan ini. Kalau nampaknya ada keperluan mendesak kita sedia mempertimbangkan. Yang Berhormat Kepong juga membangkitkan beberapa isu. Yang pertama tentang berapakah jawatan yang telah ditambah dan telah saya jawab tadi. Mengenai 27 IPG tentang kualiti guru. Sebenarnya kita ada standard guru Malaysia dan kita mensyaratkan semua pelatih IPG kena melalui praktikum iaitu mereka kena mengajar dalam bahasa Inggeris dan untuk makluman, dalam pelaksanaan PPSMI, malahan dalam tempoh yang terdekat ini pun kita memberi penekanan untuk mengajar, untuk kita melahirkan tenaga pengajar yang fasih dalam bahasa Inggeris. Jadi pelbagai program telah diperkenalkan secara dasarnya kita telah mewujudkan satu program di mana TESL dan pengambilannya kian meningkat dari setahun ke setahun dan ini merupakan lepasan SPM yang berkualiti yang kita terima masuk dan di samping itu juga IPG juga diberi tanggungjawab untuk melatih guru bahasa Inggeris. Ini adalah antara usaha yang diambil untuk memastikan mereka ini dapat mematuhi standard guru Malaysia.

Yang Berhormat juga minta kita bagi projek yang dilaksanakan di Sabah. Sebanyak 3,904 projek dengan siling projek RM3.43 bilion telah disalurkan dan diluluskan untuk negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan kini 1,905 projek akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM5.021 bilion. Jumlah projek yang telah siap ialah sebanyak 731 projek dan baki projek berada dalam pelbagai peringkat pembinaan. Yang Berhormat juga bertanya tentang beberapa perkara kenapa istilah maktab perguruan masih digunakan. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun Dewan yang mulia ini telah meluluskan pindaan akta, ia perlu dibawa ke Dewan Negara dan pada 3 Disember yang lalu, barulah ianya telah dipinda secara rasmi dan diluluskan di Dewan Negara dan selepas itu ada proses untukewartakan pendirian tersebut. Untuk makluman, kita baru sahaja menggunakan istilah IPG. Maka dalam tempoh peralihan ini apabila wujudnya perkataan maktab, mungkin tahun 2007, 2008 kita masih menggunakan istilah. Bermakna selepas ini maktab perguruan bererti ianya IPG, merupakan maksud yang sama. Jadi saya rasa pertikaian ini cuma dalam peringkat peralihan ini.

Tentang apa Yang Berhormat bangkitkan tentang beberapa sekolah apakah projek yang ada di luar bandar seperti di Sabah dan Sarawak ingin saya nyatakan jumlah projek yang dilaksanakan ialah sebanyak 1,499 projek daripada 2,083. Ini di bawah Butiran yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Jenis-jenis projek adalah bekalan elektrik 24 jam, bekalan air bersih dan rumah guru luar bandar dan termasuk juga pembinaan blok tambahan dan gantian sekolah. Sebanyak RM3.508 bilion diperlukan untuk melaksanakan 1499 projek yang mana telah melebihi peruntukan asal sebanyak RM1.147 bilion untuk melaksanakan 2,083 projek.

■1440

Yang Berhormat Kepong juga menyebut tentang sistem interaktif PMP. Sebenarnya apa Yang Berhormat sebut dalam butiran ini sebenarnya tidak ada kena mengena tentang peralatan ICT. Apa yang dibelanjakan jumlah yang kecil itu sebenarnya adalah untuk kita membeli *cost ware* atau *software* jadi ia tidak ada kena mengena. Walau bagaimanapun, ingin saya maklumkan sebenarnya untuk penyelenggaraan peralatan ICT pun kita memang ada kontrak secara bermasa. Jadi, kontraktor boleh dipanggil bila-bila masa dihubungi oleh pihak sekolah untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraan.

Jadi satu perkara lagi Yang Berhormat sebut tentang adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa banyak wang telah dibelanjakan dan nampaknya PPSMI itu akan diteruskan juga. Saya rasa itu andaian Yang Berhormat semata-mata dan telah saya jawab tadi dan laporan lengkap tentang PPSMI. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Bukit Mertajam dari Parti DAP, Yang Berhormat Padang Serai daripada Parti PKR telah pun di undang untuk menghadiri mesyuarat ataupun rundingan meja bulat yang diadakan di Putrajaya. Mereka juga memberi idea dan ini antara peratusan peserta-peserta yang menghadiri rundingan meja bulat mengenai PPSMI.

Saya rasa banyak perkara telah dibentangkan dan ia melibatkan lebih daripada 20 kertas kerja jadi itu satu perbincangan yang komprehensif. Kemasukan pelajar ke sekolah 6% dan kanak-kanak tidak masuk sekolah itu yang didakwa oleh Yang Berhormat. Sebenarnya untuk maklumat Yang Berhormat KPM telah melaksanakan Dasar Pendidikan Wajib di peringkat sekolah rendah mulai 2003 seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 29(A), Akta Pendidikan 1996. Berdasarkan peruntukan tersebut ibu bapa boleh dikenakan tindakan jika tidak menyekolahkan anak-anak mereka.

Namun, sehingga hari ini pihak kerajaan tidak pernah lagi menggunakan peruntukan tersebut terhadap mana-mana ibu bapa dan penjaga yang terbabit. Ingin ditegaskan bahawa peruntukan undang-undang tersebut bukanlah bertujuan untuk membebankan ibu bapa. Akan tetapi lebih kepada tujuan memberi peringatan kepada pihak berkenaan tentang tanggungjawab mereka terhadap kepentingan pendidikan kepada anak masing-masing. Mengenai punca keciciran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong. Untuk makluman Yang Berhormat keciciran yang berlaku tidak semestinya murid-murid yang terus meninggalkan pendidikan. Sebaliknya mereka meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah bukan di bawah KPM.

Justeru, *home schooling* pelajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar seperti madrasah dan juga mengikuti keluarga berhijrah ke luar negara. Oleh itu, punca keciciran ini sedang dikaji oleh Bahagian EPRD iaitu satu pasukan penyelidikan telah ditubuhkan dan kita memang memantau untuk mendapatkan satu statistik yang lebih jitu tentang keciciran murid di Malaysia. Yang Berhormat juga membangkitkan dan minta kita supaya menyenaraikan lima buah

projek sekolah berasrama penuh, minta senaraikan dan bagaimana prestasinya. Ingin saya memaklumkan Yang Berhormat juga tanya kenapa perkataan integrasi itu wujud.

Untuk makluman sebenarnya sekolah berasrama penuh dan integrasi itu bermaksud ada ditawarkan Pendidikan Islam. Jadi saya rasa dalam soal aliran Islam jadi itu adalah satu istilah baru untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kemajuan fizikal pembangunan sekolah berasrama penuh adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Sekolah	Siap (%)
1.	Sekolah Menengah Sains, Rembau	98
2.	Sekolah Menengah Sains, Bagan Datok	100
3.	Sekolah Menengah Sains, Hulu Terengganu	55.4
4.	Sekolah Menengah Sains, Setiu	53.01
5.	Sekolah Menengah Sains, Setapak	95

Itu adalah perihal tentang lima buah sekolah berasrama penuh yang diminta oleh Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat juga bertanya tentang sistem pengkomputeran sekolah Fasa 6 untuk PPSMI. Adakah dasar PPSMI diteruskan?

Fasa 6 pembekalan peralatan PPSMI telah dilaksanakan dengan kos RM329 juta. Fasa ini untuk melengkapkan pelaksanaan PPSMI selama enam tahun yang bermula tahun 2003. Jadi ini adalah serba sedikit tentang maklumat Yang Berhormat kehendaki. Jadi berikutnya Yang Berhormat Kulai bertanya tentang status SJK(C) Kulai 2. Untuk makluman sebenarnya projek pembinaan SJK(C) Kulai 2 ini telah bermula pada pertengahan Oktober, tahun lalu dan ianya menelan belanja RM21.25 juta. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai yang telah mengambil inisiatif. Bukan sahaja pada tahun lalu Yang Berhormat Menteri Pelajaran merasmikan ataupun menyempurnakan upacara pecah tanah. Akan tetapi selepas itu pemantauan tentang kerja-kerja di tapak juga dilakukan.

Yang Berhormat telah berbincang dengan perunding dan juga kontraktor. Oleh kerana isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kerana ini melibatkan kredibiliti kerajaan dan juga kementerian. Yang Berhormat sendiri juga mengambil inisiatif mencari penyelesaian iaitu kalau dahulunya 30 buah bilik darjah dan tiba-tiba apabila kosnya meningkat sehingga RM21.25 pertikaian masyarakat umum ialah kenapa bilik darjah berkurangan. Maka oleh kerana inisiatif oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat juga menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri dan pada 8 Januari saya sendiri telah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri pun telah meminitkan supaya perkara ini perlu kita tunaikan janji kepada masyarakat tempatan.

Saya difahamkan ketika itu yang menghadiri pun membawa kamera mengambil gambar tentang pelan yang dipamerkan. Maka saya rasa janji di kota itulah *tagline* untuk Barisan

Nasional saya rasa itu kena tunaikan. Saya akan memastikan perkara ini dapat dilaksanakan dan pengubahsuaian itu saya difahamkan kontraktor juga bermurah hati mengatakan mereka akan menyerap kos ini tanpa mencecah kos siling ini. Saya rasa itu satu usaha sama yang baik dan mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Kulai.

Yang Berhormat Ipoh Timur yang membangkitkan beberapa perkara nampaknya agak menyimpang daripada tajuk kita. Akan tetapi secara umumnya apa yang ditanya oleh Yang Berhormat tentang elemen anti rasuah adakah dimasukkan di dalam sistem ataupun *syllabus* kita? Saya ingin menjawab bahawa nilai-nilai ini memang dimasukkan menjadi sebahagian daripada kurikulum kita. Di mana Pendidikan Moral, Pendidikan Islam dan juga mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan itu kita memang menitik beratkan tentang nilai-nilai murni itu. Jadi, itu adalah serba sedikit tentang apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Ipoh Timur.

Yang Berhormat Jasin pula bertanya beberapa soalan mengenai tiga buah sekolah SJK(C) yang telah mendapat bantuan. Untuk maklumat Yang Berhormat SJK(C) Merlimau yang satu ketika diisytiharkan oleh JKR tidak selamat telah diberi RM150,000 untuk mereka membina semula tiga bilik darjah. Saya difahamkan inisiatif mereka, hendak buat dua tingkat bukan sahaja RM150,000 daripada kerajaan tetapi mereka sama-sama cari dana keluar RM150,000, jadikan bangunan itu lebih selamat serta lebih ruang untuk digunakan oleh pelajar. Inilah satu contoh yang baik kerana LPS bekerjasama dengan pihak kementerian. Satu perkara lagi Yang Berhormat sebut tentang 28 buah sekolah rendah yang perlu di naik taraf. Memang kita di bawah mini bajet ini kita telah menyenaraikan beberapa projek dan kita sedang memuktamadkan senarai itu. Kalau kita melihat keperluan itu mendesak maka kita tidak keberatan untuk mempertimbangkan apa Yang Berhormat pohon itu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Padang Serai bangun Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ya Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkenaan pemberian projek-projek itu, di sini saya ada satu permohonan daripada satu syarikat iaitu cadangan pembinaan penaiktarafan dan pembaikpulihan sekolah-sekolah dan asrama di negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan secara *turn key*, reka dan bina. Dan ini

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Pengerusi sebenarnya Yang Berhormat sudah bangkitkan saya akan jawab. Giliran Yang Berhormat nombor 12 saya baru sampai nombor 10.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Duduklah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini berkenaan dengan ini biar saya habislah.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tidak, tidak Yang Berhormat sudah bangkitkan tadi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu tahu adakah....

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat saya sedia menjawab saya tidak lari ya. Duduk Yang Berhormat sekejap biar saya teruskan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Biar saya habiskan ini.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat sudah bangkitkan tadi saya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya tadi belum bangkitkan lagi ini.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat sebut tentang di Sarawak macam-macam Yang Berhormat sudah buat dan saya akan beri jawapan nanti. Okey?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini saya hendak tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dengar dahulu Yang Berhormat Padang Serai..

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini ulasan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai dengar dahulu dia punya itu kalau tidak mencukupi baru Yang Berhormat bangkit.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Nanti mencelahlah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Okey, *lesson number one* terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih ya Menteri terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Pengerusi Yang Berhormat Jasin juga membangkitkan tentang masalah yang dihadapi oleh SMK Tun Perak Jasin. Sebenarnya yang dikatakan tiada makmal sains dan perlu dipertingkatkan dinaiktarafkan. Jadi sebenarnya kita telah lulus tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan kewangan.

■1450

Jadi saya ingin menyatakan di sini bahawa, skop kerja di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah ubahsuai dan naik taraf makmal sains dan sains tulen. Setakat ini kalau kita mengatakan apa Yang Berhormat pohon itu, kita sedang meneliti. Ianya kalau kita dapat lakukan, kita akan lakukan dalam tempoh terdekat ini.

Yang Berhormat membangkitkan isu tentang keperluan dewan di SMK Dang Anum yang kini mempunyai 1,600 murid, tapi disebabkan kekurangan ruang maka diperlukan pusat sumber juga, termasuklah dewan dan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, keutamaan kita untuk menyediakan prasarana bilik darjah untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Bermaksud kita utamakan pembinaan blok tambahan, bilik darjah gantian, asrama sekolah dan sebagainya. Saya rasa ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?... Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak berkesempatan Tuan Pengerusi untuk berhujah dalam Jawatankuasa sebab terlampau kelam kabut, masa tidak ada. Jadi kesempatan untuk mencelah ini saya ambillah, iaitu bolehkah kementerian melihat secara menyeluruh berhubung dengan pembangunan sekolah-sekolah rendah di Kinabatangan khususnya, sebab rata-rata sekolah-sekolah rendah di Kinabatangan tidak ada dewan, mini dewan pun tak ada.

Mereka kena gunakan bilik darjah untuk dikosongkan sekiranya ada program dan sebagainya. Jadi saya rasa adalah tidak masuk akal. Dalam dunia pada hari ini sudah berubah, kita masih dalam keadaan yang sempit begitu. Ini contoh, bukan satu sekolah, hampir semua sekolah rendah di kampung ini, tidak ada ruang seperti mini dewan dan sebagainya.

Apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian, berhubung dengan permohonan saya, Sekolah Rendah Kampung Paris yang telah terbakar, enam darjah, sehingga hari ini tidak ada reaksi sama ada dibina ataupun tidak, ini membingungkan pelajar-pelajar di sana, terima kasih.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tambah sikit Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya permohonan yang saya buat untuk Sekolah Dang Anum adalah sebuah sekolah menengah yang mempunyai seramai 1,600 orang murid. Pada tahun yang lalu telah pun memulakan pembelajaran untuk Tingkatan 6. Jadi nampaknya, dewan ini adalah satu keperluan. Bukan sahaja untuk perhimpunan untuk apa-apa juga majlis, dan saya yakin ianya boleh digunakan juga untuk tujuan pembelajaran. Jadi saya mohon kalau boleh pihak kementerian mempertimbangkan memandangkan ini adalah sekolah menengah, terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Kinabatangan. Saya respons kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya saya dah minta pegawai saya siapkan jawapan untuk SK Paris. Yang Berhormat, tidak sempat tapi jawapan tetap ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kita dah salurkan RM200 ribu kepada JPN, dan sekiranya tidak cukup, kita akan cari kaedah untuk membantu kawasan Yang Berhormat. Saya juga sedar bahawa bagi kementerian, apabila kita sebut dewan, mungkin persepsi kita berlainan. Ada yang nak Dewan besar, ada yang dewan sekadar untuk tempat perhimpunan.

Jadi kalaulah satu kawasan pendalaman yang memerlukan tempat perhimpunan untuk berteduh, saya rasa itu mungkin kita utamakan demi kebajikan anak-anak kita. Saya rasa itu mungkin satu pendekatan yang lebih menjimatkan kos, daripada kita membina dewan besar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah sikit Yang Berhormat. Saya setuju kita tidak perlu dewan yang besar-besar. Ada mini dewan untuk perjumpaan-perjumpaan itu sudah memadai, sebab dewan besar pun tidak bermakna kalau kita tidak lebih

efisien menggunakannya. Saya maklum RM200 ribu itu sebenarnya bukan untuk membina bangunan itu, itu untuk sementara waktu.

Jadi buat sementara waktu ini, pelajar-pelajar itu bersesak-sesak Tuan Pengerusi, sampai 60 hingga 70 orang satu kelas dibahagi dua. Jadi kita mahu bila bangunan baru ini akan dibina? Kenapa terlalu memakan masa yang banyak, sedangkan peruntukan yang diperlukan cuma lebih kurang RM2 juta, takkan kementerian tidak ada RM2 juta untuk sekolah yang terbakar ini. Saya tidak nampak kementerian tidak boleh belanja RM2 jutalah untuk keperluan pelajar.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dah perhatikan *Hansard* Dewan Rakyat, tak kurang daripada lima kali dibangkitkan dan kita sudah meminta bahagian berkenaan untuk memandang serius apa yang dituntut oleh Yang Berhormat. Saya juga berharap dalam mini bajet ini, sama ada tahun ini atau tahun depan, kalau boleh diawalkan pada tahun ini, dan kini dalam peringkat memuktamadkan senarai nama. Saya, bagi pihak kementerian kita sedia mempertimbangkan tuntutan, dan apa yang saya harap ianya memang sesuatu yang mendesak, terima kasih Yang Berhormat.

Saya terus pada Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai ada sebut beberapa perkara, yang pertama peruntukan RM1.239 bilion ke mana akan dibelanjakan? Saya rasa sebagai mukadimah, saya telah menjawab panjang lebar dan mungkin Yang Berhormat boleh mengambil catatan, dan merujuk kepada *Hansard* itu.

Kedua Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, berkait dengan apa yang Yang Berhormat Padang Serai sebut. Tadi saya pun ada sebut mengenai sama ada dalam rancangan untuk mengadakan *anti-corruption* sebagai sebahagian *syllabus* sekolah-sekolah kita. Pada masa yang sama, saya juga pernah bertanya apakah kedudukan pendirian MCA dalam perkara, bahawa mahu Datuk Ali Rustam *resign* sebagai Ketua Menteri, oleh sebab dia dilarang daripada ambil bahagian dalam UMNO *elections* menunjukkan bahawa kita serius mengenai *anti-corruption*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: UMNO lagi seriuslah.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bila masuk ke Dewan ini sejak hari pertama Yang Berhormat mengingatkan kita, supaya tidak mempolitikkan isu pendidikan. Sekarang sebagai Timbalan Menteri Pendidikan, saya ditanya soalan politik, saya rasa tak kena pada tempat. Kedua ingin saya katakan sebenarnya Yang Berhormat, saya sudah menjawab nilai-nilai murni seperti jujur, amanah, itu merupakan elemen penting yang dipupuk dan dimasukkan dalam *syllabus* kita, melalui mata pelajaran Sivik, Kewarganegaraan, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, itu memang sudah ada.

Pendirian, kalau ditanya sebagai Ketua Pemuda, kita tetap dengan apa juga gerakan anti rasuah. Termasuk pembangkang atau sesiapa sahaja, kita terus dengan pendirian ini. Saya rasa itulah nilai sejagat Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Sikit sahaja, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menganggap bahawa menjadikan anti rasuah sebagai sebahagian *syllabus* sebagai politik? Bukankah sama ada pendirian yang melibatkan Menteri Pendidikan atau Timbalan Menteri dalam perkara ini, sama ada Datuk Ali Rustam perlu untuk *resign* sebagai Ketua Menteri oleh sebab, dilarang untuk ambil tindakan dalam *election* ini, dianggap sebagai politik. Ini satu pendirian...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tak ada kena mengenalah! Tak ada kena mengena!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Sama ada benar, tak benar!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya ingat tak payah jawablah Yang Berhormat, ini bukan forum Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, nilai sejagat perlu kita sama-sama tegakkan ya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Ipoh Timur itu masuk kindergarten balik...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah, tak payah.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, saya terus kepada Yang Berhormat Pokok Sena, tanya beberapa...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Timbalan Menteri.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Minta maaf Padang Serai. Belum lagi, *sorry*. Tentang agihan dan juga projek...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan ketuk kuat sangat Yang Berhormat, rosak Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: ...Di Sarawak. Ingin saya mengatakan agihan peruntukan disediakan berdasarkan kepada keperluan dan keutamaan sesuatu projek, okey. Kaedah pemberian ada pelbagai kaedah, dan lazimnya ia bergantung kepada saiz projek itu. Ada runding terus, ada tender terbuka, ada yang kita buat secara sebut harga, bergantung kepada projek apa.

Yang Berhormat sebut di mana bagi suatu kes tertentu, ada syarikat yang mencadangkan ataupun mahu mengambil kontrak daripada pihak kementerian. Ingin saya memberitahu Yang Berhormat, saya pernah memberi respons kepada apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Pokok Sena.

Pada Julai tahun lalu, di mana kini Kementerian Pelajaran mendukung apa yang kementerian ataupun Perbendaharaan syaratkan iaitu, hampir 89% daripada tender itu dibuat secara tender terbuka. Jadi saya rasa, mungkin dari data ini Yang Berhormat faham bahawa kaedahnya mungkin berlainan, tetapi konsep keterbukaan itu masih ada. Termasuk juga kalau sebut harga, tidak semestinya sebut harga boleh dibuat sewenang-wenangnya. Perbandingan

dari segi *spec* dan juga kita kena tengok dari segi kompetensi kontraktor ataupun pembekal. Jadi saya rasa itu adalah tatacara kewangan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang pelik di sini adalah 27 projek, kesemuanya di Sarawak diberi kepada beberapa syarikat yang dipercayai ada kepentingan dengan Ketua Menteri Sarawak sahaja.

■ 1500

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu tuduhan. Jangan buat tuduhan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Hei, buktikan!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Khususnya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan buat tuduhan. Bukti tidak ada. Pembangkang semua buat tuduhan saja. Bukti tidak ada.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Khususnya syarikat Nime Chandra Sdn. Bhd. dan Sebiro Holdings. Ini sajakah syarikat-syarikat di Sarawak yang boleh diagihkan 27 projek, kenapa? Tidak adakah rakan-rakan syarikat-syarikat daripada kawasan lain di Sarawak. Tidak boleh diberikah? Ini 27 projek! 27 projek kepada beberapa yang ada kepentingan yang ada sangkut paut dengan Ketua Menteri Sarawak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sudah, Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak sebut nama syarikat, sebut nama syarikat. Namun jangan sebut Ketua Menteri, Yang Berhormat. Itu tuduhan liar yang tidak ada asas.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat duduk. Kalau Yang Berhormat tidak berhenti daripada apa yang saya sebut, saya minta Yang Berhormat duduk saja. Kalau Yang Berhormat hendak sebut, sentuh nama syarikat. Jangan sentuh nama Ketua Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tidak mahu Yang Berhormat sentuh kata Ketua Menteri. Bukan fasal apa Yang Berhormat ya, kerana asas tuduhan ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau boleh kemukakan buktilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan, jangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan cakap atas angin saja. Kemukakan bukti.

Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Kalau cakap di luarlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuduh-tuduh saja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Okey, duduk. Duduk Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak sebut syarikat, sebutlah syarikat. Namun kalau hendak sebut syarikat itu *link* dengan sesiapa, itu saya tidak setuju.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Boleh saya sambung, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini bukan soal sambung, Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah berucap. Ini hendak tanya lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu ulasan sebab...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini boleh bagi 12 bulan lagilah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sebab...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bagi lagilah, Yang Berhormat. Dia sudah tidak bagi lagi. Sudah, sudah. Dia sudah faham, dia sudah faham.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini ada nama syarikat lagi.

Beberapa Ahli: Tidak payahlah. Duduklah... [*Dewan riuh*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Boleh saya...

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, saya rasa penjelasan saya sudah cukup. Apa yang saya hendak beritahu Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya belum habis cakap ni.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Dalam penawaran tender secara terbuka...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini bukan tawaran. Ini dirunding dan diberi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah. Sudahlah Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai, sudahlah. Sudah, Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri faham, Yang Berhormat. Dia sudah sebut.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, saya rasa ini satu yang perlu saya betulkan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sebab apa jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bukan seperti apa yang saya sebut. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata semua tender dan ini saja tapi ini, mereka mengatakan runding dan beri saja.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, saya....

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ada 27 projek, kenapa beberapa ini saja, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu saya...?

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Apa Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh dengar kata Tuan Pengerusi ini suruh duduk?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ..Adakah pada masa akan datang sama seperti ini juga akan diberi?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, saya bagi jaminan. Saya sudah kata saya sudah jawab dengan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Pokok Sena. 89% adalah tender terbuka. Yang kedua, Yang Berhormat kata, "Dipercayai". Maksudnya Yang Berhormat sendiri tidak dapat mengesahkan. Yang ketiga, Yang Berhormat sebut...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mahukah Yang Berhormat Timbalan Menteri saya baca satu-satu projek daripada 27 projek itu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Baca dekat luar. Baca dekat luar kalau berani.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kalau Yang Berhormat hendak tanya...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Baca dekat luar, baca dekat luar. Baca dekat luar... *[Dewan riuh]*

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baca dekat luar sana!

Seorang Ahli: Baca di luarlah!

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya cuma hendak beritahu Yang Berhormat tender kita...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai, sudahlah. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bagi ruang lagi. Kalau dia tidak bagi ruang Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak berhak bercakap. Jangan macam itu, Yang Berhormat. Saya mintalah Yang Berhormat bagi kerjasama.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau hendak bagi senarai, bagi senarai dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya benarkan bagi senarai dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, okey. Yang Berhormat boleh bagi senarai kepada saya. Yang kedua Yang Berhormat, apa yang penting dalam tender ini tidak disyaratkan kena dapat sokongan daripada sesiapa termasuk kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri ada kawan-kawan yang jadi kontraktor tidak melarang mereka membuat tender. Tidak ada masalah. Jadi saya hendak beritahu. Apa yang saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat, kalau itu satu tender terbuka, kita bersaing atas dasar siapa yang dapat menawarkan bekalan ataupun membuat perkhidmatan yang terbaik. Itu saja. Dakwaan yang membuta tuli itu...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa di satu negeri yang miskin kenapa hanya dua saja syarikat ini diberi 27 projek. Itu soalan saya. Tidak adakah orang lain atau kontraktor-kontraktor di negeri itu.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Seluruh negeri Sarawak keadaan daif, miskin. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Itu menghina orang Sarawak, Yang Berhormat. Duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Itu menghina orang Sarawak. Mana ada orang Sarawak miskin dan papa kedana. Ini tidak bolehlah... *[Dewan riuh]* Duduk, Yang Berhormat. Sudah, sudah.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *No problem.*

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak apa. Sila, sila semua duduk, Yang Berhormat Timbalan Menteri... *[Dewan riuh]* Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, saya rasa...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kalau jantan buat tuduhan di luarlah. Kalau jantan!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, izin saya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau jantan, buat tuduhan dekat luarlah. Tidak ada, 12 bulan lagi...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *[Dewan riuh]*

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh mengadu kepada kami sekiranya Yang Berhormat mendapati sesuatu yang tidak kena. Namun, Yang Berhormat kena tunjukkan bukti yang kukuh. Yang kedua, Yang Berhormat kena ingat apabila Yang Berhormat secara amnya menyebut 27 projek tanpa memberitahu saya apa butiran, apa yang dibekalkan dan sebagainya, macam mana Yang Berhormat hendak dapatkan jawapan daripada saya kalau macam itu.

Jadi saya minta Yang Berhormat kemukakan kepada saya dan Yang Berhormat bertanggungjawab sepenuhnya atas apa dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat. Kita tidak boleh membuat membuta tuli, Yang Berhormat ya. Itu saya rasa tidak adil bagi kementerianlah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bolehlah Yang Berhormat Timbalan Menteri buat kerja rumah sedikit.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya tiap-tiap hari buat kerja rumah. Yang Berhormat yang tidak tengok, tidak dengar, okey?... [*Dewan riuh*] [*Tepuk*] Jadi saya teruskan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Betul saya tidak tengok. Boleh saya bacakan?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak baca peraturan. Kalau hendak bangkitkan sesuatu isu, semasa perbahasan dibangkitkan. Ini giliran saya menjawab. Saya rasa terpanggil untuk menjawab semua pertanyaan yang telah dikemukakan, ya. Okey? Yang Berhormat Pokok Sena membangkitkan beberapa perkara. Yang pertama, berapakah perbelanjaan untuk PPSMI dalam tempoh enam tahun ini. Perbelanjaan bagi enam fasa PPSMI berjumlah RM2.88 bilion khususnya untuk peralatan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Padang Serai, kalau berani buat tuduhan di luarlah.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ini yang saya ingin maklumkan. Di samping itu juga, pembayaran BISP kepada guru-guru yang mengajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dengan menggunakan bahasa Inggeris ialah RM301 juta bagi perbelanjaan 2008. Okey, sehingga 2008.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: [*Bangun*] [*Mengetuk pembesar suara*]

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Itu adalah latar belakangnya. Seterusnya Yang Berhormat juga....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sudah lihat, Yang Berhormat. Tidak payah ketuk.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Hulu Terengganu, saya hendak sampai ini. Sekejap.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Bukan, bukan. Ada soalan berkenaan dengan imbuhan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau tidak ketuk, takut tidak tengok pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak. Saya boleh lihat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Okey. Tentang bayaran imbuhan tadi, saya dapati ada yang DG32 atau DG34 ke bawah diberi 10%. Kemudian DG41 ke atas diberi 5%. Saya dapati imbuhan itu seolah-olah macam tidak adillah sebab ada guru yang

DG32 pun gajinya lebih tinggi berbanding dengan DG41 ini. Jadi hasil jumlah yang didapati, DG34 ke bawah ini terlalu tinggi berbanding dengan DG41. Adakah usaha untuk mengadakan penyelarasan? Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih. Tuan Pengerusi, sebenarnya kita sudah sedar masalah ini sebab dalam DG32, apabila seseorang itu naik pangkat ke DG32 dengan kaedah *time based*, dengan seorang lagi kalau dilantik menjadi penolong kanan di sesebuah sekolah atau HEM, dia ini sebenarnya mendapat pelantikan secara hakiki. Maksudnya cuma mendapat elaun RM60 sebagai tambahan menjadi guru penolong kanan. Masalahnya, apabila seseorang itu naik pangkat kepada DG32 secara hakiki, tidak boleh menuntut 10% BISP dan cuma 5%. Itu yang menjadi masalah dan saya rasa itu telah dibawa oleh Majlis Guru Besar dan memang kita sedang berbincang dengan mereka dan kedudukan PPSMI perlu ditentukan dahulu sebelum kita membuat sebarang keputusan.

BISP ini sebenarnya untuk kita mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan guru dan bukannya untuk mereka membayar ansuran kereta. Ada persepsi yang menggunakan itu sebagai sebahagian gaji untuk mereka membuat *installment*. Itu adalah persepsi yang tidak betul. Jadi saya terus kepada satu lagi yang diminta oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu. Ini mengenai sistem pembahagian secara pusat menimbulkan masalah terutamanya kepada pengusaha kecil. Bagi memudahkan pihak sekolah, pihak KPM menyediakan kontrak bermasa yang dilantik mengikut zon. Jadi saya rasa kita memang mendapat *feedback* atau maklum balas daripada JPN dan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri mengenai kesusahan dan juga dari segi mutu perkhidmatan. Saya rasa kita sedia mengkaji dan kita sedang membuat satu *postmortem* mengenai pelaksanaan sama ada berkesan atau tidak. Saya rasa kita akan mengutamakan kontraktor tempatan. Saya rasa mereka lebih faham selok-belok dan juga apa yang berlaku di sekolah. Mungkin itu satu kaedah yang lebih elok dan kita akan melihat dan membuat perbandingan dari segi kualiti mutu kerjanya...

■1510

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh minta penjelasan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Silakan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini saya telah dimaklumkan di mana kementerian telah pun berhasrat untuk menswastakan perkhidmatan asas di sekolah. Di mana di negeri Perak terdapat 94 pekerja kontrak telah pun ditamatkan kontrak. Bukankah kementerian juga haruslah memikul tanggungjawab sosial. Bukan semua perkhidmatan asas ataupun di sekolah, kerja-kerja berkebun dan *gardener jobs* pun kena diswastakan?

Ini akan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung beban pekerja dengan lebih banyak dan mengakibatkan pekerja-pekerja yang telah pun bekerja lama, di mana kontrak

mereka ditamatkan secara tidak adil. Apakah langkah kementerian untuk membela pekerja-pekerja ini supaya masalah pengangguran tidak menjadi lebih serius? Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, satu soalan yang agak relevan. Memang terdapat rungutan di kalangan pekerja am rendah, oleh kerana dahulunya secara kontrak tiba-tiba tidak dapat diserap masuk dan terpaksa diberhentikan atas alasan kontraktor swasta telah mengambil alih.

Untuk makluman Yang Berhormat Taiping, sebenarnya KPM sedang mengambil langkah-langkah yang efektif untuk berbincang tentang implikasi perkara ini. Pada minggu lalu juga aduan yang serupa diterima. Kita memang menyahut seruan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, dalam keadaan gawat ini, jangan kita memberhentikan sesiapa pekerja. Jadi, dalam keadaan ini mungkin satu penyelesaian yang terbaik sama ada pekerja itu diserap masuk kepada kontraktor sebagai satu syarat penerimaan kontrak dan itu memang diusahakan oleh pihak kementerian.

Kita akan melihat cara yang paling efisien untuk kita melakukan kerja. Sekiranya kontraktor dapat menjalankan kerja dengan baik dan tidak melibatkan kos yang banyak, dan saya rasa itu akan kita teruskan. Sebaliknya, kalau ianya lebih elok dilakukan oleh pekerja kita dan digaji secara tetap, mungkin kita akan fikir balik dengan cadangan tersebut.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Izinkan saya membawa perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di mana ramai pekerja ini mereka ditamatkan kontrak dengan kadar segera tanpa sebarang pampasan yang munasabah. Maka, bagi saya ini adalah satu kezaliman khususnya aduan yang saya terima, pekerja-pekerja ini ramai yang telah pun bekerja di sekolah lebih daripada 12 tahun, 16 tahun.

Sekiranya pada umur lebih kurang dekat 50 tahun dan mereka kehilangan kerja sebegitu rupa tanpa pampasan yang mencukupi. Ini adalah akan menambah lagi masalah sosial. Maka, adalah baik sekiranya kementerian mengambil tindakan yang tegas. Mana-mana pekerja jika prestasi mereka tidak baik, takkan kontrak mereka disambung tiap-tiap tahun sehingga 12 tahun. Maka, ini adalah patut sebagai satu *pre condition*, dengan izin mereka diserap dalam perkhidmatan supaya tidak ada masalah pengangguran. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tidak, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, sedikit Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Seorang lagi Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Itu pun yang sedang diusahakan oleh kita seperti mana yang saya jawab tadi. Kalau boleh kita akan serap masuk kepada syarikat kontraktor yang mendapat kontrak ini. Itu pun

dusahakan. Jadi, saya rasa kalau itu cadangan Yang Berhormat, kebetulan sama dengan kita, bermakna Yang Berhormat tidak zalim dan kita pun tidak zalim.

Yang Berhormat Hulu Terengganu membangkitkan beberapa isu. Pertama mengenai Kolej Matrikulasi di kawasan Yang Berhormat. Sebenarnya, cadangan Kolej Matrikulasi ini akan dilaksanakan di atas tapak Lot PT20476 Kuala Tengah, Mukim Pulau Kerengga Daerah Marang, Terengganu seluas 83 ekar. Bahagian Kewangan telah pun memuktamadkan harga iaitu RM256 juta dengan syarat ada persetujuan syarikat kontraktor.

Oleh kerana ini harga yang ditentukan oleh kita dan kita rasa kalau mereka tidak bersetuju, kita akan buka kerana ada obligasi. Dari dahulu kita telah runding tetapi kita sudah buat keputusan kita akan buka kalau mereka tidak setuju. Ini adalah antara perkembangan yang ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat. Okey, seterusnya Yang Berhormat juga bertanya tentang SMT Terengganu yang telah diuar-uarkan dan juga Sekolah Menengah Sains. Apa status terkini.

Untuk makluman, Sekolah Menengah Sains Hulu Terengganu dalam pembinaan dan prestasi fizikalnya 55.2% mengikut jadual. Sebenarnya kita sudah mencapai 55.4%. Bermakna kita tidak lewat. Kedua, Sekolah Menengah Sains Setiu dalam pembinaan. Prestasi fizikal sebenarnya adalah 53% melebihi jadual iaitu 47.3%. Soalan satu lagi adalah tentang padang permainan Sekolah Kebangsaan Kuala Telemong. KPM akan menyemak keperluan dan kedudukan kawasan tersebut untuk pembinaan. Saya rasa satu perkara yang perlu kita beri perhatian ialah kita akan melihat implikasi kosnya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekiranya kita dapat menyediakan satu padang permainan yang nampak kosnya tidak terlalu tinggi dan mampu ditanggung oleh kementerian, kita tidak keberatan untuk menyediakan prasarana tersebut.

Kita sentiasa dalam keadaan yang serba salah, khususnya di kawasan-kawasan yang memang pesat membangun dan kos tanah itu memang tinggi. Itu menyebabkan kadangkala kita tidak dapat atau tidak sanggup untuk kita menyediakan padang permainan. Akan tetapi, kita juga meminta kerajaan negeri kalau boleh bermurah hati menyediakan kawasan lapang yang mereka boleh bagi kepada sekolah, kita akan gunakan sebaik-baiknya. Itulah langkah positif.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dua orang bangun. Yang Berhormat Hulu Terengganu dengan Yang Berhormat Padang Serai.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Hulu Terengganu dahulu, nanti Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya hendak tunjuk yang saya sedar Yang Berhormat dan saya bangun, tidak tidur.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Okey, terima kasih. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Kementerian Pelajaran kerana menyediakan sekolah di kawasan saya. Masalahnya sekarang yang pertama berkenaan dengan Kolej Matrikulasi tadi. Saya telah pun dihubungi oleh pegawai-pegawai dari kementerian untuk mencari tapak yang sesuai, kerana difahamkan bahawa tapak di Pulau Kerengga yang sangat tinggi kosnya.

Kami telah bersetuju bersama dengan pegawai kementerian untuk melihat tapak tersebut. Tapak yang sangat elok, yang telah kita uar-uarkan kepada Daerah Terengganu, tetapi tiba-tiba dikatakan telah dibawa ke kawasan lain. Kedua, tentang padang permainan. Masalahnya sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri, tapak permainan tersebut telah pun dibayar oleh pihak kementerian. Kita ambil tanah orang kampung berhampiran dengan sekolah dikatakan untuk kegunaan tapak permainan. Masalahnya pengambilan itu telah mengambil masa yang terlalu lama, jadi orang kampung tertanya-tanya. Kata untuk padang sekolah, tetapi sampai sekarang belum lagi dilaksanakan. Jadi, ini merupakan satu isu kepada orang kampung. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Kalau pihak kementerian hendak mengambil balik tanah yang dimiliki oleh swasta, prosedur di bawah undang-undang yang ada iaitu *National Land Code* kita kena patuhi. Apa yang berlaku sekarang, apabila kita telah mengenal pasti satu kawasan untuk kita gunakan sebagai padang, kita tidak boleh terus ambil dan bayar. Ini kena melalui prosedur di mana kita kena wartakan, kemudian kita kena menghadiri bicara dalam Pejabat Pentadbir Tanah, bincang, runding. Kadangkala kalau tanah itu diambil, tidak setuju tentang pampasan, maka itu akan jadi isu dibawa ke mahkamah. Jadi, saya rasa ini secara umum yang boleh saya beritahu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sudah selesai. Sudah jadi milik, cuma tidak dilaksanakan lagi.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, kalau sudah selesai...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini macam bincang di kedai kopi Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, kalau sudah selesai segala urusan pengambilan tanah, maka saya rasa yang perlu adalah kita memperlengkapkan prasarana untuk membolehkan ianya sebagai satu padang. Ini kerana kalau hendak jadi padang bola sepak pun kita kena pastikan kawasan yang kita ambil itu memang ada padangnya, ada balapannya macam mana kita hendak sediakan. Saya rasa itu saya akan beri perhatian secara spesifik dan kita ambil tindakan sewajarnya. Okey, jadi. *Last* ya Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak cadangkan kepada Timbalan Menteri

memandangkan setiap anak-anak di negara ini melalui proses persekolahan. Saya mencadangkan agar kerajaan membawa atau mewujudkan satu dasar supaya setiap sekolah di negara ini mesti mengadakan ataupun mewujudkan satu padang permainan dan padang bola sepak.

Kita tahu bahawa kerajaan mengalami masalah mendapatkan tanah dan sebagainya. Akan tetapi, saya percaya kerajaan-kerajaan negeri, mereka boleh kerjasama dengan Kerajaan Pusat.

■1520

Ini boleh menjadi satu kenyataan kalau ada satu dasar dan juga satu inisiatif yang tegas daripada pihak kementerian supaya turun padang dan memastikan semua sekolah-sekolah ini kerana kita tahu 20 tahun dulu ataupun semasa kita pergi ke sekolah macam saya tahun 70an. Setiap sekolah ada padang bola dan padang permainan tetapi apa berlaku, semua itu sudah hilang dan itu menunjukkan tanda-tanda bahawa taraf *standard* dengan izin, taraf bola sepak dan juga permainan-permainan lain di negara ini sudah jauh menurun sebab sekolah-sekolah dulu semua ada padang, hari ini tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat. Cukup.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Itulah saya harap kerajaan dapat mewujudkan satu dasar dan buat satu ketegasan dalam aspek ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, saya minta Menteri jawablah betul-betul itu. Baik cadangan itu.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, terima kasih. Inilah pandangan bernas yang boleh dicontohi. Jadi saya rasa pihak kementerian sedia menerima pandangan yang konkrit seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Ini saja Yang Berhormat. Saya rasa kita memang mensyaratkan supaya semua projek pembangunan yang diusahakan oleh swasta, lima ekar sekurang-kurangnya untuk sekolah rendah dan sekolah menengah sepuluh ekar.

Jadi, kalau kita dapat menggunakan ruang itu, lima ekar, bermakna tanah itu tak ada masalah untuk kita jadikan satu padang. Jadi itu adalah daripada segi idealnya tetapi pihak kementerian yang dianggap sebagai salah satu daripada 14 agensi yang diberi mandat untuk memberi ulasan. Kadangkala bila sampai ke pihak berkuasa negeri, yang meluluskan adalah Majlis Mesyuarat Kerajaan. Maka apa yang diluluskan, kita terpaksa akur. Jadi sebab itu daripada segi ideanya saya setuju dengan Yang Berhormat dan kita akan jadikan itu sebagai dasar. Itu pun dah ada dasar dan kita nak memperlengkapkan lagi sistem pendidikan kita termasuk daripada segi aspek pendidikan jasmani. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada kesemua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan mana-mana data yang diminta secara spesifik, saya minta Yang Berhormat bolehlah kalau nak data yang lebih jitu, boleh berhubung dengan kementerian. Kita sedia memberi kerjasama. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,239,237,500 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,239,237,500 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,171,046,000 untuk Maksud P.41 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,171,046,000 untuk Maksud P.41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan (Tamb.) (Bil.1) 2008.

Maksud B.42 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kepala Bekalan B.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahaskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

3.23 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil kesempatan sedikit sahaja iaitu untuk bertanya kepada kementerian berhubung dengan peranan kementerian ke arah memberikan kemudahan klinik kesihatan di seluruh negara tidak terkecuali Kinabatangan. Kalau saya tidak silap, empat tahun yang lalu saya telah mengemukakan beberapa permohonan kepada kementerian ini berhubung dengan klinik kesihatan di Kampung Sukau yang terbakar lapan tahun yang lalu dan juga klinik kesihatan di Pinanga.

Janji Menteri sudah bertukar ganti akan diberi peruntukan. Dia kata tender akan dikeluarkan. Walau bagaimanapun, saya tidak tahulah sejauh mana perkembangan ini berlaku sehingga hari ini belum juga ada apa-apa tanda-tanda saya nampak yang dua-dua pusat kesihatan ini akan dibina. Jadi saya bertanya saya rasa Timbalan Menteri maklum persoalan ini. Bilakah agak-agaknya pusat kesihatan ataupun klinik kesihatan kedua-dua tempat yang saya sebut ini akan dibina? Ini kerana ianya telah mengakibatkan ramai nyawa terkorban apabila kawasan banjir dan hujan, pesakit tidak ada tempat nak dituju sebab terputus hubungan di antara kampung dengan kampung maka ianya mengakibatkan kehilangan nyawa.

Jadi apakah kementerian ini berhasrat dan ada peruntukan, ada duit, ada kewangan untuk melihat pembangunan klinik kesihatan di luar bandar ini dapat diwujudkan. Jangan kita lihat

semua pembangunan semua di bandar. Hospital yang sudah ada ditambah dan sebagainya. Akan tetapi kita rakyat Malaysia di luar bandar terpinggir seolah-olah tidak ada keprihatinan, tidak ada yang ingin melihat mereka juga inginkan kesihatan. Jadi itulah saja Tuan Pengerusi, saya harap dapat penjelasan dan jawapan yang jelas. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha Yang Berhormat kat hujung itu.

Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh. Sila, Yang Berhormat.

3.26 ptg.

Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak merujuk kepada B.42 ini ialah fokus kepada Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh sebab sekarang ini telah berlaku kesesakan yang agak berat. Pesakit terpaksa menunggu sampai dua tiga jam baru dapat rawatan. Jadi saya rasa dengan peruntukan ini, boleh barangkali dimasukkan tambahan doktor yang diperlukan untuk hospital ini. Itu sahaja, terima kasih.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]*

3.27 ptg.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Kepala B.42 – Kementerian Kesihatan dalam Perbelanjaan Tambahan ini. Saya ingin bangkitkan di sini bahawa saya baru pulang dari Lubok Antu. Saya terkejut bila mendapati bahawa di Lubuk Antu cuma ada satu klinik yang dihadiri oleh doktor seminggu sekali yang dipanggil oleh orang-orang Lubuk Antu sebagai *flying doctors*. Nasib baik bukan dipanggil doktor hantu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, dia memang dipanggil *flying doctors*, Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ya, ada kaitannya di sini kerana *flying doctors* itu betul-betul *flying*. So yang menjalankan tugas adalah pegawai-pegawai kesihatan dan yang mengecewakan sekali lagi Tuan Pengerusi. Saya kebetulan pula membawa seorang ibu yang keguguran dan saya harus membawa ibu itu ke Sri Aman yang mana jalannya wakil rakyat dari Sabah dan Sarawak sudah maklum bagaimana jalannya dan membuat ibu dalam keadaan sangat mengerikan kepada saya.

Setibanya saya di Hospital Sri Aman, doktor yang merawat beliau datang kepada saya mengatakan bahawa “*YB, tolonglah kami. Hospital ini tidak cukup kelengkapan. Sudah berapa puluh tahun tak cukup doktor, tak cukup peralatan, semua out of dated*”. Saya sedih kerana beliau merintih kepada saya untuk membawa perkara ini kepada Parlimen kerana tidak ada wakil rakyat Barisan Nasional yang sanggup untuk berjuang untuk mereka... *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta penjelasan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Dan saya mengambil peluang ini sebagai wakil rakyat yang telah pergi ke kawasan itu untuk membangkitkan isu yang telah dibawa kepada saya. Saya minta kementerian tolonglah. Kasihan, doktor itu rasa kecewa kerana beliau tidak dapat berkhidmat. *Mortality rate is very high*, dengan izin. Silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ampang tak bagi. Bagi kah, dia bagi?

Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]: [Bangun]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ampang. Ini satu pengalaman, pengalaman daripada Yang Berhormat Ampang yang saya percaya saya juga mahu tahu. Sarawak ini di antara negeri yang banyak sekali di antara negeri yang mendapat *revenue* yang amat tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini perhatian kepada Sarawak kerana pilihan raya kah ini?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi, saya tahu sekarang pemilihan UMNO. Jadi Yang Berhormat Ampang, pernah kah Yang Berhormat Ampang apa yang dilalui hanya beberapa hari sahaja duduk di Sarawak ini. Pengalaman yang paling pahit ini pernah kah Yang Berhormat Ampang melaluinya di mana-mana negeri di sebelah Semenanjung ini dan adakah ini setaraf dengan *revenue* negeri Sarawak itu dengan izin, adakah ini mencukupi? Saya mahu ulasan daripada Yang Berhormat Ampang.

■ 1530

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Pada amnya memang tidak mencukupi. Memang tidak sepatutnya keadaan rakyat Sarawak diberikan layanan sedemikian... [Disampuk] Saya tidak faham kenapa yang sana terpekik-pekik, *whereas* saya ini cuba membawakan masalah-masalah masyarakat rakyat negeri Sarawak. Jadi di sini saya minta...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau nak main politik cakap dekat luar Yang Berhormat. Jangan macam ini Yang Berhormat. Ini Dewan Parlimen Yang Berhormat. Belum habis pun Yang Berhormat Ampang bercakap tu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sebab...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat duduk ataupun Yang Berhormat keluar.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jadi saya minta Ahli Parlimen atau Yang Berhormat daripada Sarawak untuk membawakan hal ini. Saya faham kerana di Dewan ini ramai yang datang dari Sarawak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mereka bawa tetapi bukan cara ini...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tolong jangan kacau. Kinabatangan. *You* kena belajar untuk menjadi seorang Wakil Rakyat yang berhemah tinggi. Jangan bangun tanpa dipanggil. Ini sudah salah ya Tuan Pengerusi. Jadi Kinabatangan, duduk, duduk, duduk...

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cakap Yang Berhormat...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak cakap. Dia bising. Tengok, tengok....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kinabatangan. Duduk Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Duduk. Dengar cakap Tuan Pengerusi. Hormat sama Tuan Pengerusi lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Siapa yang tidak hormat ni.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan tidak hormat sama Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kedua-dua. Sama-sama Yang Berhormat. Sila Ampang.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, boleh semua. Senyap. Okey, duduk. Jadi saya di sini Yang Berhormat Kinabatangan, janganlah *tension*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Saya ingatkan Yang Berhormat Ampang. Ini Dewan Parlimen. Peraturan 36(6) itu masih ada, peraturan itu masih ada, kita menyangka perkara itu salah juga Yang Berhormat. Sebutkan apa Yang Berhormat buat kalau dia orang terasa, biarlah dia orang terasa. Akan tetapi hendak sebut macam itu, tidak boleh Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Masalahnya bising. Saya hendak bercakap, dia bising-bising. Pening kepala saya mendengarnya. *Anyway* tidak apa. Saya habiskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya mendengar Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jadi itulah saya ingin...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya ingin menekankan di sini agar perkara-perkara yang asas dari segi hospital dan sebagainya harus diperjuangkan agar rakyat negeri Sarawak itu lebih terbela. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sri Aman.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jawab Yang Berhormat Sri Aman.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Saya ingin merujuk kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ampang tadi. Saya pernah menjadi Pegawai Daerah Lahad Datu, saya juga pernah menjadi Pegawai Perundangan Bahagian Sri Aman. Saya tahu apa yang berlaku di sana. Untuk Hospital Sri Aman, kita memang sudah buat, berapa kali kita sudah buat untuk kerajaan tetapi saya ingat dalam Malaysia di Rancangan Malaysia Kesepuluh mungkin adakan hospital baru di Sri Aman.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dengar itu...

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Yang kita ambil bukan kita tidak bawa apa-apa pembangunan untuk Kerajaan Barisan Nasional. Jadi saya harap jangan ambil *political mileage*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini amaran Yang Berhormat. Apa yang hendak ditanya ini Yang Berhormat?

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Ini mukadimah untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Lagi mukadimah Yang Berhormat. Duduk dahulu.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Saya hendak merujuk kepada Kementerian Kesihatan. Saya harap dapat dibina hospital baru dan disediakan untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh. Itu sahaja yang hendak saya sampaikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini hendak bercakap kah atau pun apa. Tidak payah ketuk kerana saya dah pandang tadi Yang Berhormat ya.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya tidak ketuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Serdang.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Memanglah ini peruntukan untuk mengisi kekosongan dalam hospital-hospital kerajaan. Memanglah saya tidak ada apa-apa bantahan tetapi di sini kita lihat pada tahun yang lepas kita menerima 1,896 aduan daripada orang ramai terhadap kualiti hospital kerajaan dan kebanyakan aduan-aduan ini adalah terhadap sikap doktor-doktor dan juga jururawat-jururawat. Di antaranya adalah kadangkala laporan *medical* itu adalah terlalu lewat disediakan. Ini menjadikan bahawa Kementerian Kesihatan, sepuluh yang paling selalu diadu oleh orang ramai.

Sekarang, apabila negara kita menghadapi krisis ekonomi, kita mempunyai lebih pesakit-pesakit yang pergi ke hospital kerajaan untuk menerima rawatan. Sekiranya sekarang kita ada lebih kurang 80% rakyat yang pergi ke hospital kerajaan untuk menerima rawatan, tetapi hospital kerajaan kita hanya mempunyai 50% pakar-pakar ataupun doktor-doktor yang berkhidmat di

dalam hospital kerajaan. Sekarang kita mempunyai 47% kekosongan untuk diisi di hospital kerajaan.

Saya rasa kekurangan doktor ataupun doktor pakar ini bukan sahaja membebankan tetapi juga melambatkan pesakit-pesakit untuk menerima rawatan. Ini adalah satu masalah yang penting kerana untuk seorang pesakit menerima rawatan dalam waktu kritikal iaitu satu atau dua jam. Sekiranya mereka dapat menerima rawatan pada masa itu, nyawa mereka akan dapat diselamatkan.

Saya bagi satu contoh. Di kawasan saya, ada satu keluarga datang ke pusat perkhidmatan saya dan ia mengadu bahawa isterinya mengalami satu kemalangan jalan raya pada 'tujuh pukul pagi' tetapi sampai pukul lima petang masih belum menerima apa-apa rawatan. Akibatnya beliau meninggal dunia. Ini satu masalah yang penting. Saya tidak tahu mengapa Ahli-ahli Parlimen di sebelah sana boleh ketawa macam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Nak bagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan ketawa. Saya sebetulnya bukan suka hati sangat. Orang sakit buat apa kita ketawa. Cuma saya ketawa Yang Berhormat punya penyampaian tidak tepat. Mana ada bahasa, "tujuh pukul pagi", pukul tujuh pagi! Itu baru betul... [Ketawa].

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih kerana saya rasa sakit hati untuk orang itu... [Dewan riuh] Walaupun saya telah pun membangkitkan isu ini di Dewan tetapi jawapan yang saya dapat daripada kementerian adalah bahawa mereka memanglah merancang untuk mengambil seribu orang pegawai perubatan dari luar negeri. Saya rasa ini memang tidak mencukupi kerana kekosongan di hospital-hospital kerajaan kita adalah sebanyak 47%. Ini satu jumlah yang begitu besar. Bagaimana boleh seribu orang pegawai perubatan dari luar negeri boleh mengatasi masalah kekurangan doktor di negara kita.

Saya harap kali ini kementerian jangan katakan lagi bahawa mereka hanyalah *service provider* dengan izin, oleh sebab yang mengeluarkan doktor-doktor adalah universiti-universiti dan bukanlah di bawah tanggungjawab kementerian. Saya rasa ini satu jawapan yang tidak bertanggungjawab dan saya harap bahawa memanglah kita boleh mengatasi masalah ini secepat mungkin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Ucapan ini macam ucapan dasar Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dan saya mungkin juga akan bawa isu yang sama tetapi masalahnya kadang-kadang pembangkang ini dia bercakap sahaja. Kalau sudah tahu orang sakit, hospital lambat bawa lah

ke *private*. Satu lagi, nanti, nanti. Janganlah, bila saya cakap hendak marah. Cakap semua boleh cakap, hendak bunyikan.

Seorang Ahli: *You* sanggup bayar kah.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya hendak tanya, kalau katalah sekarang usaha telah dibuat oleh kerajaan, mengambil doktor kontrak, di luar dan sebagainya untuk mengisi kekosongan yang ada tetapi ini kekurangan yang tidak dapat dielakkan, usaha dibuat. Kalau Yang Berhormat sendiri pegang, bagaimana Yang Berhormat hendak selesaikan masalah ini. Saya beri tempoh sebulan untuk Yang Berhormat selesaikan masalah doktor di Malaysia ini. Cakap boleh tetapi janganlah sentiasa memburukkan kerajaan.

Selama ini kita pun sudah lah. Selama ini *you* besar siapa yang tolong. Semua Kerajaan Barisan Nasional tetapi bila memerintah sedikit pun, tunjuk *action*. Bercakaplah sikit, terima kasih selama saya dibesarkan oleh Kerajaan Pusat, kesihatan... Terima kasih Yang Berhormat.

■1540

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Boleh saya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Orang yang mencelah tidak boleh dicelah Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *No*, Yang Berhormat kalau orang yang mencelah tidak boleh dicelah Yang Berhormat. Itu peraturan Dewan.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Serdang, saya cadangkan kita bertanyalah soalan-soalan di bawah butiran ini.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Okey, saya jawab kerana beliau meminta penjelasan daripada pihak saya. Jadi saya cakap memang ada banyak Ahli Parlimen dari Barisan Nasional tidak faham tentang penderitaan rakyat. Itulah satu hakikat. Pergi ke *private hospital*, hospital swasta. Cakapnya mudah sahaja. Memanglah semua orang mampu ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau tidak faham, mana ada rakyat undi kita. Bohong sahaja!

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya hendak tanya di sini, memanglah semua orang bolehkah mampu? Hakikat adalah 80% rakyat pergi ke *private hospital*.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Wakil Rakyat itu Yang Berhormat... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Kenapa pergi ke hospital? Ini kerana mereka suka tunggu di hospital kerajaan kah? Bukan, mereka tidak mampu pergi ke hospital swasta. Mereka bukan Ahli Parlimen Barisan Nasional, itu masalahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudah habislah.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sekiranya..., jangan cabar saya untuk mengatasi masalah ini dalam satu bulan. Saya bukan Menteri Kesihatan atau bukan juga Timbalan Menteri. Akan tetapi kita boleh dapat lihat bahawa kerajaan Pakatan Rakyat telah melakukan apa yang Barisan Nasional tidak dapat lakukan dalam masa satu tahun. Itu saya...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Buatlah! Buatlah!

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya memperingatkan sekali lagi Yang Berhormat. Kita di sini membincangkan soalan ataupun butiran-butiran tertentu Yang Berhormat. Tadi itu saya dengar Yang Berhormat Serdang walaupun kompelin itu logik dari pandangan saya. Tidak payah lagi tambah politik banyak sangat Yang Berhormat. Jadi kalau hendak berucap, berucaplah tapi butiran itu diingati juga. Sila Yang Berhormat Maran.

3.42 ptg.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak pergi Bekalan B.42 Kementerian Kesihatan yang diperuntukkan sebanyak RM789 juta ini. Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang bercakap panjang cuma masalah kesihatan ini sudah lama kita bawa.

Begitu jaga sahabat-sahabat yang lain Timbalan Menteri ialah dari segi kekurangan tenaga pegawai perubatan. Saya sudah timbulkan beberapa kali di kawasan saya Maran khususnya. Di mana kita ada jawatan yang cukup banyak, 21 jawatan. Akan tetapi pengisiannya tidak hampir separuh. Jadi saya harap ini memberikan kesan kepada masalah kesihatan masyarakat luar bandar. Saya minta kalau boleh kerajaan memberikan perhatian ini.

Kalau boleh biarlah berikan tumpuan kepada masyarakat luar bandar ini. Sebab itulah saya tengok di bandar ini memang boleh dikatakan bukanlah semua masyarakatnya berpendapatan, ada kebolehan, keupayaan sebagainya. Ini kerana kadang-kadang Yang Berhormat pembangkang ini walaupun ada masalah tapi dia tidak bawa pesakit dia ini kerana dia cuma bercakap sahaja pandai. Bukan politik Tuan Pengerusi ya, sikit-sikit celah sahaja. Jadi kita harap oleh kerana di bandar ini banyak hospital ...

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Barisan Nasional cakap tidak pandai, buat pun tidak pandai... *[Dewan riuh]*

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Tuan Pengerusi, selama ini pun Barisan Nasionallah yang buat. Yang Berhormat, dalam Parlimen ini pun besar-besar ini semua perkhidmatan Barisan Nasional yang buat. Tidak usah nafilah. Tapi bila...

Seorang Ahli: Termasuk Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Bolehlah.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Yang Berhormat Shah Alam duduk. Saya *very rational* Yang Berhormat...

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tidak faham-faham.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Sudahlah, memang tidak faham apa. Yang Berhormat Pembangkang memang tidak faham. Sebab selama ini dia menjadi besar Yang Berhormat pun semua Barisan Nasional buat. Saya tanya mana kerajaan Pembangkang selama ini yang berkhidmat di negara kita, tetapi bila memerintah sikit, tunjuk *action*, oh!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya mintalah Yang Berhormat...

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Terima kasih. Saya malas, sepatutnya dia jangan campur saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya mintalah Yang Berhormat kena dengarlah kawan-kawan bercakap itu.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Saya tengah cakap ini. Saya hendak bawa masalah kampung saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau kita tidak puas hati, lepas ini bercakaplah.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Jadi minta Timbalan Menteri, tolonglah. Di bandar ini orang yang berpendapatan tinggi, banyak klinik swasta yang boleh mereka pergi. Akan tetapi di luar bandar ini kota tidak boleh terikat ataupun berpaut ataupun berpegang kepada pembantu-pembantu perubatan. Walaupun mungkin pengalaman ada tidak standard seperti doktor.

Jadi, kita hendak supaya pemeriksaan doktor ini dapat dibuat segera di kawasan-kawasan luar bandar seperti di Chenor, di Maran dan sebagainya dan juga tempat-tempat lain. Jadi saya mohon benarlah di samping kemudahan-kemudahan lain yang diperlukan oleh pusat-pusat kesihatan luar bandar ini. Jadi Tuan Pengerusi, saya sekali menyokong. Terima kasih banyak.

Beberapa Ahli: [Bangun]

3.45 ptg.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai B.42 ini saya ingin mengatakan bahawa, kita sedar sebagai rakyat bahawa ada banyak usaha di buat di hospital-hospital kita untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat. Akan tetapi saya pohonlah bahawa perbelanjaan ini dipertingkatkan lagi di desa-desa, ladang-ladang dan kampung-kampung baru di seluruh negara.

Ini sebab seumpamanya perkhidmatan pakar tidak selalu dapat di desa-desa ataupun di luar-luar bandar. Apabila pesakit di hantar ke bandar ini selalunya akan mengambil atau memakan masa. Dalam pada itu, masa itu penting apabila seseorang pesakit itu sakit. Ini ada kesan yang jauh ataupun buruk kepada pesakit tersebut. Jadi, saya pohonlah kepada kerajaan supaya satu pandangan yang luas diambil mengenai kesihatan luar bandar dan desa-desa. Ini

supaya rakyat desa-desa dan luar bandar akan menikmati segala kemudahan yang telah dinikmati oleh warga di bandar kita. Saya rasa semua *test* pun tidak ada di negara kita.

Jadi mungkin kerajaan boleh mengurangkan perbelanjaan di sektor lain dan meningkatkan perbelanjaan di sektor ini. Sehingga sekarang kita kena hantar ujian ke Singapura atau Australia. Saya rasa ini tidak wajar dan satu kajian harus dibuat oleh Kementerian Kesihatan supaya semua ujian-ujian yang asas pada semua penyakit mahupun yang dasar ataupun diagnostik harus didapati di negara kita dan tidak perlu di hantar untuk kajian kimia ataupun lain-lain kajian ke luar negara. Saya harap kerajaan ambil tindakan yang sewajarnya terhadap ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

3.47 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. Sedikit sahaja saya mengambil kesempatan Tuan Pengerusi tentang B.42. Saya nampak pembelaan dari segi kesihatan itu umumnya kita kena beri tumpuan kepada mereka yang berpendapatan rendah. Di sini tradisinya Tuan Pengerusi pendapatan rendah ini ialah yang di luar bandar. Namun demikian Tuan Pengerusi, ada juga fenomena baru yang berpendapatan rendah itu juga tinggal di bandar. So saya nampak bahawa kita beri tumpuan kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Sama ada tradisinya mereka tinggal di luar bandar. Pada masa yang sama melihat juga mereka yang di bandar, di pinggir-pinggir bandar itu pertama. Tumpuan sama kita kena beri kerana dalam mereka yang berpendapatan rendah saya menyatakan bahawa dalam demografi di negara kita sekarang hampir lima juta pada mereka di Malaysia yang berpendapatan RM1,500 ke bawah. Kalau RM1,500 di luar bandar memanglah satu pendapatan yang tinggi.

Namun demikian, kalau RM1,500 ke bawah tinggal di bandar di mana ada anak, isteri yang tidak bekerja, anak tiga, empat orang. Satunya kos sara hidup Tuan Pengerusi, satu bayaran rumah dia, bayaran dari segi sewa atau beli lepas itu pengangkutan dia. Juga yang penting ialah kesihatan. Untuk itu saya nampak bahawa juga untuk mengurangkan kos ini supaya ia boleh satu beban yang mampu kerana pendapatan mereka rendah. Saya hendak tanya Kementerian, adakah mereka menggunakan teknologi-teknologi baru? Ini kerana kadang-kadang tidak mungkin kita ada pakar seluruh tempat.

Sama ada di seluruh kawasan yang berpendapatan rendah sama ada di luar bandar atau di pinggir bandar tidak mampu kita ada pakar-pakar yang seperti Yang Berhormat Telok Intan katakan tadi. Bahawa tiap-tiap rakyat Malaysia memerlukan kualiti kesihatan pada satu kadar yang patut kita mampu sebagai rakyat Malaysia. Kita tidak boleh bandingkan dengan negara-negara yang kurang maju kerana Malaysia akan jadi negara maju tidak lama lagi.

■1550

Pada pokoknya sumber kaedah baru seperti teknologi, pakar-pakarnya hanya berada di hospital-hospital yang tertentu. Kita dengar cerita di mana di Amerika, untuk mengurangkan kosnya mereka menggunakan pakar-pakar yang berada di India. Contohnya, mungkin katakanlah hendak buat satu *treatment* jantung atau keadaan badan yang lain, mereka menggunakan pakar-pakar daripada India kerana kosnya lebih rendah tetapi dari segi kemampuan teknikalnya tinggi. Adakah kerajaan memikirkan menggunakan teknologi baru melalui *remote treatment* ini di antara bandar. Misalnya kita ada satu pakar yang besar, yang tinggi dan ramai di *university hospital* sama ada di Universiti Malaya atau Universiti Kebangsaan Malaysia. Bagi mereka yang tinggal di Bangi mungkin dekat tetapi yang jauh mungkin di Seremban atau di bandar-bandar kecil Kampung Pandan ataupun di bandar kecil di Seremban atau di Johor Bahru, tidak mungkin dapat datang untuk mendapatkan pakar ini.

Saya hendak bertanya sedikit dari segi belanja operasinya, adakah dirancang untuk tahun ini atau akan datang untuk menggunakan kaedah-kaedah baru ini, *treatment* pakar di satu tempat tetapi yang lain juga ada akses kepada kepakaran yang ada. Ini kerana amat penting kita menggunakan teknologi baru ini untuk memberikan satu standard perubatan yang tinggi kepada rakyat Malaysia kepada mereka yang berpendapatan rendah sama ada di bandar ataupun di pinggir bandar. Saya mohon sedikit pandangan nanti.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Hulu Langat sudah lama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingatkan, Yang Berhormat. Saya bacakan kalau Yang Berhormat belum baca lagi. Maksud B.42 -Kementerian Kesihatan. Tambahan sebanyak RM789,599,700 adalah dikehendaki untuk membiayai pengisian jawatan baru. Perbelanjaan emolumen anggaran sedia ada. Itu sahaja, Yang Berhormat. Kalau ia terkeluar daripada itu maknanya tidak terlibat dengan perkara ini, Yang Berhormat. Yang Berhormat Parit Buntar, ya?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Hulu Langat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hulu Langat. Minta maaf.

3.52 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010100, 060100, semuanya berkaitan dengan emolumen. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Kesihatan dari segi jumlah yang digunakan sebanyak RM789.6 juta ini, apakah kategori yang dibuat pelantikan, sama ada pakarnya, doktor, *nurse* ataupun pegawai-pegawai kesihatan yang lain yang dicadangkan mungkin di negeri-negeri mana. Saya rasa itu yang mungkin menimbulkan kerisauan kepada sahabat-sahabat Ahli Parlimen lain. Kalau Yang Berhormat Menteri telah jelaskan itu mungkin selesai sedikit kerisauan itu. Itu yang saya hendak minta. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih, Yang Berhormat. Pertama kali saya dengar yang betul-betul tertumpu kepada itu. Yang Berhormat Titiwangsa.

3.53 ptg.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyebut Maksud B.42 - 03000 tentang yang dikatakan emolument tadi. Walaupun sahabat saya daripada Serdang mengatakan beribu-ribu aduan dibuat khususnya kepada Kementerian Kesihatan, para petugas, doktor dan jururawat. Akan tetapi saya selaku doktor di sini mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua doktor dan juga jururawat kerana selama hari ini telah bertugas dengan penuh dedikasi walaupun ada banyak ruang lagi untuk diperbaiki.

Saya tahulah, saya sendiri pun sebagai doktor dan cabaran apabila bekerja di sesebuah hospital kerajaan dan klinik, sebab saya juga pernah bekerja di pusat kesihatan di Pokok Sena. Jadi saya tahu bagaimana susahnya menangani atau mengendalikan sebuah pusat kesihatan terutama apa yang diperlukan oleh orang kampung. Jadi, saya ucapkan tahniah di atas tambahan emolument ini dan saya rasa sudah sampai masanya untuk kerajaan mengambil berat tentang kebajikan rakyat ini agar dapat diperluas dan dimantapkan lagi. Terima kasih.

3.53 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Silam, saya memperingatkan ini soalan Jawatankuasa, Yang Berhormat. Jangan berucap. Biasa saya dengar Yang Berhormat, tidak payah bagi kepada saya.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Insya-Allah. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Teguran yang baik, harap Ahli Parlimen yang lain pun turut sama. Saya ingin merujuk Butiran B.42 iaitu Membiayai Pengisian Jawatan Baru, Perbelanjaan Emolument Anggota Sedia Ada. Tahniah kepada kementerian kerana bersimpati dengan petugas terutamanya doktor yang menjalankan tanggungjawab dan kebajikan mereka di bawah kementerian.

Pada masa yang sama saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dari segi membiayai pengisian jawatan baru ini oleh sebab Hospital Lahad Datu secara khususnya, dan Kunak yang masih lagi terlalu kekurangan doktor. Saya mohon supaya untuk membiayai pengisian jawatan baru ini terutamanya bahagian doktor supaya kedua-dua buah hospital tersebut di kawasan Parlimen saya diberikan perhatian dan keutamaan. Terutamanya Hospital Lahad Datu yang sepatutnya kalau dari segi tarafnya memerlukan 27 orang pakar tetapi sekarang ini hanya ada tiga orang. Jadi, saya mohon supaya pihak kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya dalam perkara ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Yang Berhormat Silam kerana beri kerjasama kepada saya. Saya bagi Bandar Kuching.

3.56 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya bagi Yang Berhormat Bandar Kuching dan selepas itu Yang Berhormat Kota Melaka dan Menteri menjawab selepas Kota Melaka.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya. Saya ingin menyebut satu kes yang telah saya bangkitkan pada penghujung tahun lalu iaitu mengenai kecuaiannya doktor-doktor di Poliklinik Sri Aman yang akhirnya mengakibatkan satu kematian di mana pesakitnya mati kerana kecuaiannya doktor di Poliklinik Sri Aman. Pada masa itu jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ialah, saya akan petik apa yang dia kata dalam *Hansard* ini,

“Saya minta kes ini sebab saya hendak buat penyiasatan. Kita akan membuat penyiasatan dan pihak kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada aspek keselamatan pesakit dan perkhidmatan kesihatan berkualiti. Saya akan dapatkan maklumat terperinci daripada Yang Berhormat Bandar Kuching.”

Akan tetapi saya masih tunggu di sini sudah beberapa bulan tidak ada sesiapa pegawai daripada Kementerian Kesihatan yang telah *approach me* untuk ambil maklumat. Saya ingin tahu sama ada Kementerian Kesihatan memang mengambil berat tentang keselamatan pesakit-pesakit di Sri Aman. Saya percaya bahawa Yang Berhormat dari Sri Aman juga ada *feedback* mengenai kecuaiannya dan perkhidmatannya yang buruk sekali yang ditawarkan oleh doktor-doktor yang berkhidmat di Poliklinik Sri Aman itu. Oleh itu, saya ingin menyeru sekali lagi supaya Yang Berhormat Menteri boleh mengambil berat tentang hal ini. Kalau ada apa-apa maklumat yang diperlukan saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Kedua, adalah mengenai satu jawapan yang saya terima pada dua minggu yang lalu. Ini juga mengenai Menteri Kesihatan iaitu minta Menteri Kesihatan menyatakan kadar pengisian tempat kosong bagi semua jawatan di Hospital Umum Kuching. Umpamanya doktor pakar, pegawai perubatan, kakitangan perubatan, jururawat dan lain-lain. Bagaimana keadaannya di Hospital Umum Sri Aman, Sibul, Sarikei, Bintulu, Mukah, Limbang dan Miri.

Saya dapati sehingga 31 Disember 2008 kedudukan perjawatan dan pengisian jawatan bagi jawatan-jawatan di atas adalah seperti berikut:

■1600

Hospital Umum Sri Aman 75.9% pengisian; Hospital Sibul pun ada angka diberi; Hospital Sarikei ada angka diberi; Hospital Bintulu, Hospital Mukah, Limbang, Miri, semua ada angka tetapi Hospital Umum Kuching tidak ada angka diberi. Soalan asal saya, kenapa ini tidak dijawab baik-baik dan saya juga ada tanya dengan terperinci tentang *breakdown figure* mengenai doktor pakar, pegawai perubatan, kakitangan dan ubat perubatan. Oleh itu saya fikir sikap Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, *attitude* nya untuk menjawab soalan ini tidak berapa bertanggungjawab.

Soalan asal saya adalah mengenai Hospital Umum Kuching dan juga hospital lain. Kenapa angka mengenai hospital lain diberi tetapi Kuching telah tersilap, tidak diberi. Oleh itu saya fikir menteri sebagai Menteri Kesihatan ini adalah satu jawatan yang begitu penting. Mungkin Menteri telah terlalu sibuk dalam pertempuran di antara parti-parti *chairman*, baik *deputy chairman* nya sehinggakan dia telah cuai dalam memberi jawapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak payah begitu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, tidak apa, tidak apa. *Just for the record*. Oleh itu saya haraplah lain kali Menteri beri jawapan di dalam Dewan ini lebih berhati-hatilah.

Perkara ketiga adalah mengenai satu *welfare* yang diberikan kepada doktor-doktor negara asing yang berkhidmat di hospital kita. Beberapa bulan lalu saya terima satu aduan daripada seorang doktor dari Bangladesh. Dia kata dahulu dia diberi tiket untuk balik ke negara asalnya satu kali satu tahun tetapi sekarang kebajikannya, *welfare facility* tidak diberikan. Mereka hanya diberi, kalau saya tidak silap, satu kali dalam dua tahun. Oleh itu mereka kata negara kita mahu mereka berkhidmat di sini, *please give them the benefit, welfare that is accorded to them*. Terima kasih.

4.05 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya juga ingin ambil bahagian dalam perbahasan Maksud B.42, Kementerian Kesihatan. Saya ingin merujuk kepada Butiran 0300 – Kecemasan dan Pesakit Luar. Tuan Pengerusi, saya amat faham tentang peruntukan tambahan yang dipohon adalah untuk emolumen dan juga untuk diisi jawatan-jawatan kosong dalam kementerian ini. Saya seorang pesakit luar tidak kurang daripada 15 tahun di Hospital Melaka, saya tahu bagaimana kita tunggu dan bagaimana kita perlu sabar tetapi saya ingin buat satu cadangan kepada pihak kementerian dan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri ambil perhatian.

Tiap-tiap kali masa untuk pendaftaran peserta khidmat negara, sama juga itu diwajibkan mesti ke hospital kerajaan sebab itu beberapa klinik luar, Hospital Melaka atau hospital wilayah penuh dengan peserta ini untuk mendaftar dan kerja-kerja untuk mendaftar bukan hanya pemeriksaan doktor sahaja. Ada banyak *paperwork* dan borang perlu dipenuhi. Saya nampak dengan mata sendiri sebab saya terlibat bersama-sama dengan rakyat Melaka yang menunggu atau pesakit yang menunggu.

Saya anggap bahawa ini akan berulang. Tiap-tiap tahun akan berulang. Apakah perancangan atau usaha yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menyusun atau ada satu cara untuk susunkan agar dapat membantu pihak kementerian yang lain untuk daftar atau periksa peserta-peserta yang terlibat, tetapi juga tidak menjejaskan pesakit luar dan juga jika

semasa kecemasan, bagaimana kita dapat mengelakkan kesulitan ini. Inilah satu cadangan yang saya kemukakan harap dapat satu jawapan daripada Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi, boleh saya satu? Ringkas sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak sampai seminit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tanyalah dengan Menteri selepas ini. Saya sudah buat keputusan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terdapat 13 orang, yang Berhormat Bandar Kuching dan akhir sekali Yang Berhormat Kota Melaka memberikan pandangan-pandangan mereka dalam Bekalan B.42, bukan Pembangunan P.42. Jadi saya minta izin dengan Tuan Pengerusi, boleh tak saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jawab yang relevan sahaja, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Jawab yang relevan sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat, saya setuju.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Sebab saya lihat rakan-rakan yang memberi pandangan ini kalau dalam golf - OB, Tuan Pengerusi, masuk semak. Saya terus kepada Yang Berhormat Hulu Langat iaitu kita memerlukan peruntukan sebanyak seperti dinyatakan ekoran daripada pertambahan jawatan-jawatan yang telah dipersetujui oleh JPA iaitu pada tahun 2008 kita memperuntukkan sebanyak lebih kurang RM5 bilion. Walau bagaimanapun, ini termasuk dasar baru yang melibatkan RM1.4 bilion.

Untuk 2008, pertambahan jawatan sudah naik 10.3% kepada 196,165 kakitangan yang berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan meliputi pelbagai jawatan daripada pakar, profesional lain sampai kepada pegawai-pegawai sokongan. Walau bagaimanapun, pengisian dalam tahun 2008 hanya setakat 159,892 iaitu peningkatan sebanyak 7.2%. Saya harap Yang Berhormat Hulu Langat berpuas hati dengan jawapan-jawapan yang sudah saya berikan.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, sedikit ini tambah.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Ya.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *Distribution* agaknya boleh dijelaskan secara umum di negeri-negeri di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak. Macam itulah.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: *Detail* nya saya boleh jawab dalam bertulis, Yang Berhormat Hulu Langat kerana ia melibatkan ribuan jawatan. Umpamanya sesetengah hospital, pengarahnya dahulu U54, sekarang kita wujudkan JUSA 'C' untuk 2009 ini. Jadi bila kita wujudkan jawatan utama sektor awam, kita naikkan pangkat pengarah itu daripada U54 kepada JUSA 'C', maka ia melibatkan perbelanjaan tambahan. Elaun-elaun lain juga bertambah. Itu sebagai contoh.

Kita juga meningkatkan status pengarah-pengarah di negeri. Ada yang pengarahnya U54, kita naikkan ke JUSA 'C', ada yang JUSA 'C' dinaikkan ke JUSA 'B'. Kalau hendak bagi *detail* 14 negeri ini, saya mohon beri *detail* secara bertulislah. Boleh Hulu Langat ya?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya berhubung dengan jawapan yang diberikan kepada Hulu Langat tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Dikatakan bahawa asalnya dibajetkan 196,000 lebih staf tetap akhirnya yang pengambilan ataupun pengisian adalah 159,000 staf, lebih kurang. Namun demikian perlukan bajet tambahan daripada jawapan Menteri, saya faham bahawa tambahan bajet ini walaupun jumlah orangnya kurang, adalah disebabkan kenaikan dari segi pangkat dan sebagainya.

■1610

Yang saya hendak tahu dengan jumlah yang 159,000 staf ini, apakah *ratio* yang ada di negara kita dari segi jumlah doktor kepada rakyat dan sejauh mana ia menepati piawaian antarabangsa? Itu nombor satu. Nombor dua, saya melihat bahawa sekarang ini total bajet yang digunakan adalah sebanyak RM11.6 bilion. RM11.6 bilion ini untuk kesihatan, ini untuk bahagian pengurusan sahajalah, saya faham.

Maka ia adalah *ratio* dalam lebih kurang RM500 kalau kita *assume* ataupun kita ambil kira jumlah lebih kurang dalam 25 juta penduduk, maka kita punya perbelanjaan adalah lebih kurang RM500 *per head per year*. Adakah ini juga merupakan satu jumlah dan kadar yang munasabah? Dengan bayaran ataupun kos yang seperti itu, taraf kita ini lebih kurang taraf mana? Adakah UK, Australia, Zimbabwe dan sebagainya? Apakah sebenarnya kita punya *target* itu? Kita hendak berapa yang sepatutnya supaya kita boleh tahu, bahawa apa yang kita belanja dan apa yang kita dapat adalah berpatutan? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Boleh atau tidak Tuan Pengerusi, saya tidak perlu jawab, kerana itu dasarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya faham Yang Berhormat. Jadi saya serah kepada Yang Berhormat, kalau hendak jawab, jawablah. Kalau tidak hendak jawab pun tidak mengapa.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Saya boleh terang di sebelah dengan Shah Alam, dia ada satu jam *tutorial*. Oleh sebab kita negara membangun. Negara maju menggunakan antara 15% hingga 17% daripada GDP untuk kesihatan. Kita setakat 5% ke 6% daripada GDP. Di Malaysia, minta izin sedikit. Saya rasa rawatan paling murah dalam dunia. Kalau masuk hospital mengikut Akta Fi, duduk di *third class* selama lima hari ada *operation*, misalnya *appendectomy*, satu hari kita caj RM3.00 untuk katil semua sekali campur rawatan, dilihat dan dirawat oleh pakar pun RM3.00 satu hari kita caj kepada pesakit. Walhal belanja makan dia empat kali satu hari, RM25.00. Okey? *Operation* tidak masuk, sewa OT macam-macam, berapa kali *operation* kalau kelas tiga RM500. Apa jenis *operation* juga mengikut Akta Fi. Termasuk kalau dia hendak kompelin dalam media, maknanya RM3.00 itu campur *operation*, hendak kompelin dekat TV3kah, dalam surat khabar, termasuk dalam itulah... [Ketawa] Jadi...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa pula hendak kompelin?

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Kalau orang hendak kompelinlah sebab kita mengikut perangkaan 2007, maklumat yang saya dapat dekat 2 juta pesakit masuk ke hospital. Ada 132 hospital kita, kita merawat dekat 50 juta kehadiran di kesemua klinik kesihatan, klinik desa, klinik pergigian, *mobile clinic*, *flying doctors*, 50 juta satu tahun. Kita dapat kompelin, Yang Berhormat Serdang kata seribu lebih. Kita amati tiap-tiap kompelin, tetapi seribu dengan dua juta kehadiran atau 50 juta, saya rasa itu kecil. Kementerian sentiasa memperbaiki dan menambah nilai tiap-tiap perkhidmatan yang kita beri. Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Saya sentuh sedikit sahaja sebelum saya tamatkan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Ini mengenai kekurangan doktor sebab tambahan ini melibatkan emolument termasuk emolument doktor. Yang Berhormat Menteri sudah pun mengarahkan Dato' Sri KSU untuk melihat kembali cara mengambil doktor perubatan daripada luar negara. Selama ini kita serah kepada SPA. Dia yang mengendalikan temu duga dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Saya hendak maklumkan di Dewan ini, kekurangan doktor ini adalah isu global. Jadi kita perlu berhati-hati dengan doktor mana yang kita hendak ambil, kualiti mana yang kita hendak tumpukan supaya pelan jangka pendek 700 ke 1,000 doktor perubatan biasa, bukan pakar yang hendak berkhidmat di semua pelosok termasuk di Lubok Antu.

Saya sudah dua kali pergi ke Lubok Antu. Jadi Yang Berhormat Ampang kalau dia pergi sekali, jangan bising-bisinglah... [Ketawa] Saya siap tidur di Lubok Antu, tidak ada hantu pun. Jadi, saya maklum tentang suasana ini dan kita tunggu keputusan perbincangan di antara kementerian dengan SPA bagi menyelesaikan pengambilan-pengambilan doktor daripada luar negara. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikit penjelasan.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tidak payah jelaslah.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jangan takut Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berdiri sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia sudah habis Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Dia tidak habis ayat lagi, saya bangun tadi. Dia terus duduk. Saya bangun, dia terus duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta Yang Berhormat, minta..

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Saya punya *floor* lah.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak mengapalah Yang Berhormat, tidak mengapalah Yang Berhormat. Kalau hendak bergaduh dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri stail macam ini, boleh dekat luar itu... *[Dewan riuh][Ketawa]*

Okey, terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya menghargai tindakan Yang Berhormat Ampang pergi ke Lubok Antu, ke Santubong dan sebagainya, kita menghargai....

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat dan terutama sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM789,599,700 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM789,599,700 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Saya ingatkan lagi. Saya kata 'P'. *Stress* kan *point* 'P' itu Yang Berhormat, jangan keluar daripada itu. Yang Berhormat Langkawi.

4.18 ptg.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran (Projek) 00100 – Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Jadi saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri sama ada projek pelupusan sampah di Langkawi ada atau tidak ada. Ini kerana sekarang kita melupuskan sampah dilakukan dengan cara tambun tanah ataupun timbus tanah dan dibakar. Kepada saya ini bukan caranya kita berbuat sedemikian, kerana Langkawi sebagai pulau pelancongan, tentulah kita hendakkan bersih.

Selalunya juga apa yang berlaku ialah dibuat di Kampung Pangkalan Pecah ditimbusnya tanah di kawasan bakau. Ini menyebabkan dekat dengan sungai dan dengan itu berlakulah cebisan *leachate* mengalir ke sungai. Ini akan mencemarkan sungai tersebut dan seterusnya pelancong akan merasa terkecewa dengan apa yang berlaku. Setakat itulah sahaja. Terima kasih saya menyokong.

4.19 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 00100 di bawah Maksud P.43 - Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

■1620

Saya ingin Menteri mengambil maklum betapa pentingnya peranan PBT dalam menjana pembangunan sosioekonomi dan diharapkan peruntukan tambahan ini dapat disalurkan kepada setiap PBT walaupun ada PBT yang mungkin di bawah kerajaan Pakatan Rakyat tidak harus dianaktirikan dan peruntukan ini boleh disalurkan mengikut keperluan dan kedesakan projek-projek yang kecil ini kepada pembangunan pada keseluruhannya di bawah pihak berkuasa tempatan.

Saya cuma ingin Menteri memaklumkan apakah kemajuan pemasangan CCTV di Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk sebagai satu kemudahan awam dan infrastruktur untuk mengawal keselamatan di dalam kawasan pihak berkuasa negeri ini.

Dengan pemasangan yang segera, kita berharap ianya dapat membantu pihak berkuasa tempatan dan juga pihak penguatkuasaan undang-undang yang lain seperti polis dapat membantu mereka membanteras berlakunya jenayah, gejala mat rempit dan juga pelanggaran undang-undang kecil di bawah pihak berkuasa tempatan.

Saya berharap kementerian dapat memantau pelaksanaan projek-projek walaupun kecil perlu dipantau supaya pelaksanaan projek-projek infrastruktur kemudahan awam dan sosioekonomi ini benar-benar dapat mencapai matlamat yang disasarkan, sekian.

4.22 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan kepada KPKT di bawah maksud Butiran 00100 - Projek-projek Kecil. Ini termasuklah balai-balai kemudahan awam, infra dan kemudahan-kemudahan awam. Saya hendak tanya dengan KPKT, apakah tindakan KPKT ini terhadap kemudahan awam ini? Tapak-tapak pembuangan sampah haram ini yang semakin berleluasa dan apakah tindakan KPKT terhadap tapak-tapak pelupusan sampah yang telah pun

diarahkan supaya ditutup tetapi belum tutup dan apakah tindakan *saved closer* yang dilaksanakan oleh KPKT.

Seterusnya saya juga mengharapkan kepada Menteri di bawah peruntukkan 00100 ini untuk PBT, 144 PBT ini. Saya harap mudah-mudahan projek infrastruktur dan kemudahan awam yang perlu diberikan oleh KPKT kepada PBT ini. Kalau dapat Menteri tambahkan lagi kepada PBT-PBT yang hasil kutipannya rendah, yang tidak cukup menampung kos pembangunan yang perlu dilaksanakan.

Jadi kalau KPKT tidak tolong saya fikir tidak mudah untuk PBT yang hasilnya kecil ini dapat menyediakan suasana yang selesa kepada pembayar-pembayar cukai dalam kawasan mereka. Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya juga hendak tahu di bawah 03100 - Kemajuan Perkampungan sebanyak RM20 juta untuk membiayai pelaksanaan projek infra, kemudahan awam dan sosioekonomi di 480 buah kampung baru di seluruh negara.

Jadi kita hendak tahu kampung-kampung manakah yang terlibat terutama dalam kawasan saya di Parlimen Tenggara dan kalau boleh saya minta Yang Berhormat Menteri libatkanlah sekali kami, supaya kami tahu apakah pelaksanaan projek yang akan diadakan oleh pihak KPKT, terima kasih Tuan Pengerusi.

4.24 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga merujuk kepada P.43 butiran projek 00100 projek kecil di kawasan pihak berkuasa tempatan khususnya RM20 juta untuk membiayai pelaksanaan projek-projek infrastruktur kemudahan awam dan sosioekonomi di 480 buah kampung baru di seluruh negara. Saya cukup setuju dengan pandangan Yang Berhormat Tenggara tadi bahawa sebagai wakil rakyat kita harap dapat dilibatkan bahawa kita tahu apakah pelaksanaan projek-projek ini di kawasan-kawasan kita.

Di kawasan Parlimen Rasah saya ada empat buah kampung baru iaitu Kampung Baru Mambau, Kampung Baru Rahang, Kampung Baru Rasah dan Kampung Baru Batu 8 Labu dan saya ingin tahu dan mendapatkan penjelasan daripada pihak Menteri keempat-empat buah kampung baru ini daripada RM20 juta yang telah dibelanjakan pada tahun ini, berapakah peruntukan disalurkan kepada empat buah kampung baru ini?.

Saya juga pernah membangkitkan bahawa di Kampung Baru Rasah, saya amat mengharapkan supaya dengan ikhlas hati saya ingin meminta pihak KPKT supaya memberikan peruntukan untuk menaik taraf jalan di kampung baru ini. Ini kerana jalan-jalan di kampung baru ini bukan sahaja digunakan oleh pengguna-pengguna kampung baru tetapi ia terletak di tengah-tengah bandar Seremban dan ia menjadi jalan penghubung di antara kawasan Rasah dan juga kawasan pusat bandar Seremban.

Jadi saya harap pihak KPKT akan menimbangkan secara serius permohonan saya ini dan harap dalam tahun ini boleh adakan peruntukan disalurkan untuk menaik taraf jalan di Kampung Baru Rasah ini. Saya juga ingini menyatakan penghargaan kepada KPKT yang baru-

baru ini telah mengumumkan bahawa lebih 100 buah kampung tersusun telah dimasukkan dalam jagaan PBT oleh KPKT dan diberikan peruntukan tahunan oleh KPKT selepas Yang Berhormat Tenggara menimbulkan isu itu pada tempoh hari di Parlimen.

Saya berharap bahawa kerana kampung-kampung tersusun ini selama ini telah dipinggirkan dan tidak diberikan peruntukan untuk meningkatkan kemudahan asas mereka dan selepas kampung-kampung tersusun ini dimasukkan dalam PBT saya harap ada peruntukan lebih pada tahun ini untuk meningkatkan dan menaik taraf kemudahan-kemudahan asas di kampung-kampung tersusun ini. Termasuklah beberapa kampung tersusun yang baru dimasukkan dalam KPKT di Negeri Sembilan, sekian terima kasih.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Tuan Pengerusi.

4.26 ptg.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya membincangkan tentang Maksud P.43 yang diberikan peruntukan sebanyak RM40 juta. Butiran 00100 iaitu projek kecil di bawah kawasan pihak berkuasa tempatan yang diberikan sebanyak RM20 juta. Kita ada sebanyak 144 pihak berkuasa tempatan maknanya setiap pihak berkuasa tempatan diberikan peruntukan secara lebih kurang sebanyak RM140,000 sahaja peruntukan tambahan.

Sebenarnya ini adalah satu angka yang cukup kecil sekali dan sebenarnya kementerian ini memerlukan satu peruntukan yang cukup besar bagi memastikan supaya semua pihak berkuasa tempatan dapat memberikan satu kemudahan asas infrastruktur kepada rakyat pada ketika ini.

Majlis Perbandaran Jasin dinaikkan taraf perbandaran dua tahun yang lalu. Pendapatan kita seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tenggara tadi memang cukup tidak berpadanan dengan keluasan kawasan pentadbiran perbandaran yang cukup besar. Berbandingkan dengan perbandaran-perbandaran yang lain, Alor Gajah dan Melaka Tengah, Majlis Perbandaran Jasin adalah kawasan termundur sekali. Saya kena terima hakikat ini dan mengaku. Jadi seharusnya pihak kementerian, pihak KPKT dapat memberikan perhatian memandangkan kita sangat memerlukan pembangunan yang boleh memberikan impak kepada sosioekonomi rakyat.

Pertamanya kawasan-kawasan taman perumahan yang sangat-sangat memerlukan infra jalan dan longkang serta sistem perparitan, pondok-pondok bas dan juga lampu jalan. Seharusnya pihak kementerian dapat sentiasa dapat memberikan perhatian kepada Majlis Perbandaran Jasin, terima kasih Tuan Pengerusi.

4.29 ptg.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Menteri. Saya ada dua perkara yang bersabit dengan Butiran 00100 iaitu tapak pelupusan sampah di daerah Yan yang mana telah pun berpindah ke Sembeling daerah Kuala Muda namun ia masih lagi belum dapat dibersihkan.

Mengikut laporan MDY (Majlis Daerah Yan) bajet lebih kurang RM500,000, apakah ia termasuk dalam peruntukkan tersebut bagi membersihkan tapak pelupusan sampah yang telah beroperasi sekian 15 tahun yang lalu yang kini telah pun tidak lagi beroperasi. Namun saya mohon apakah peruntukkan ini termasuk dalam kebersihan tapak tersebut.

Kedua Tuan Pengerusi Taman Perumahan Gurun Jaya yang telah pun 20 tahun lebih penduduk sana yang masih belum diturap jalan baru menyebabkan longkang tersumbat, lubang-lubang di seluruh perumahan tersebut di Taman Gurun Jaya.

■1630

Saya pohon infrastruktur yang ada ini perlu diberi bantuan segera supaya pihak PBT tempatan dapat menjalankan tugas. Pohon makluman Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

4.30 ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil kesempatan di bawah Maksud P.43 berhubung dengan projek-projek kecil di kawasan berkuasa tempatan ini untuk memohon perhatian dan juga tindakan daripada Yang Berhormat Menteri.

Di satu kawasan, pekan Langkap di Pasir Salak dalam kawasan DUN Sungai Manik kita memerlukan sistem perparitan yang boleh menjamin ataupun memastikan kebersihan di kawasan pekan Langkap ini dalam keadaan yang baik.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Selain daripada itu, projek kecil juga kalau boleh dilakukan iaitu untuk memberikan tempat yang lebih selesa kepada peniaga-peniaga kecil yang pada masa ini meniaga di sepanjang tepi jalan yang saya kira mungkin akan menimbulkan masalah keselamatan kepada lalu lintas.

Selain daripada pekan Langkap saya juga memohon perhatian dan juga tindakan daripada Yang Berhormat Menteri di satu tempat lagi yang bernama pekan Chenderong Balai juga kalau boleh peniaga-peniaga pekan sari, peniaga minggu yang berniaga di pekan Chenderong Balai ini diberikan tempat untuk berniaga di satu tempat yang selesa dibandingkan dengan apa yang ada sekarang. Mereka terpaksa meniaga di kawasan yang tidak boleh dianggap sesuai untuk peniaga-peniaga kecil berniaga di pekan Chenderong Balai pada tiap-tiap hari minggu. Kemudahan dan infrastruktur yang sepatutnya diberikan kepada mereka saya kira pihak kerajaan tidak memerlukan peruntukan besar di pekan Chenderong Balai.

Selain daripada itu, saya juga mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk melihat keadaan pekan Kampung Gajah di bawah kerajaan tempatan daerah Perak Tengah supaya melihat sistem perparitan. Sistem pembuangan sampah terutama sekali di kawasan pasar basah di Kampung Gajah amat mendukacitakan dan kebersihan tidak begitu baik dan ini menimbulkan masalah kepada orang ramai dan juga tidak sesuai untuk peniaga-peniaga di pasar tersebut. Juga lagi satu ialah di pasar Chui Chak, Langkap iaitu kawasan masyarakat Cina yang mana

saya dapati juga tidak begitu selesa bagi peniaga-peniaga di pasar tersebut. Mungkin pihak Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan untuk membina satu tempat untuk dijadikan pasar basah yang lebih sesuai bagi mereka yang berniaga di situ.

Selain itu, saya juga memohon daripada pihak Yang Berhormat Menteri untuk membantu kepada peserta-peserta kampung tersusun di Seberang Perak di mana dahulu semasa saya Ahli Dewan Undangan Negara (ADUN) telah pun merancang satu kawasan kampung tersusun untuk 1,500 generasi kedua FELCRA yang telah pun mendapat kelulusan daripada Kerajaan Barisan Nasional sebelum pilihan raya yang lalu. Kebanyakan daripada peserta-peserta kampung tersusun ini terdiri daripada mereka yang pendapatannya tidak menentu dan dengan sebab itu kemampuan untuk membiayai pembinaan rumah menjadi satu perkara yang serius dan saya mohon juga kepada kementerian kalau boleh untuk membantu dari segi kos infrastruktur kawasan kampung tersusun itu. Mungkin dengan cara membantu dari segi pembinaan infrastruktur jalan, longkang dan lain-lain akan mengurangkan kos pembinaan rumah-rumah kampung tersusun untuk penduduk-penduduk di luar bandar di kawasan tersebut yang pendapatannya begitu rendah sekali.

Akhir sekali, saya ingin memberi sedikit pandangan kepada pihak kementerian iaitu pekan-pekan yang ada di dalam kawasan Pasir Salak seperti pekan Langkap, pekan kecil Chenderong Balai, pekan Kampung Gajah dan juga di luar kawasan Pasir Salak iaitu di Telok Intan yang menjadi sebagai bandar kepada dua tiga daerah termasuk Pasir Salak ataupun dua tiga kawasan Parlimen menumpang bandar atau pekan pusat bandarnya di Telok Intan.

Saya mendapati tidak banyak perubahan sejak saya zaman persekolahan dahulu sehinggalah sekarang. Telah berlalu masa lebih 50 tahun tidak banyak perubahan di bandar tersebut dari segi perancangan. Pembangunannya tidak tersusun, bersepah di sana-sini, industri-industri haram, kilang-kilang kecil, setinggan-setinggan, kedai-kedai peniaga kecil tidak tentu arah, tidak tersusun dan dengan sebab itu Telok Intan tidak begitu menarik kepada sama ada pelancong dalam negeri ataupun pelancong luar negeri.

Jadi saya memohon kepada kerajaan tempatan supaya menyusun semula pembangunan pekan Telok Intan ini secara menyeluruh ataupun dengan bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain iaitu Kementerian Pelancongan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan kementerian-kementerian lain yang ada kena-mengena untuk membangunkan satu kawasan bandar supaya pembangunannya lebih teratur, terancang dan menepati kehendak masa depan sama ada penduduk tempatan, pelancong-pelancong, ataupun pelabur-pelabur.

Dengan cara itu saya rasa kita akan dapat melihat proses pembangunan di kawasan-kawasan kerajaan tempatan lebih nyata, lebih jelas dan lebih cepat lagi daripada apa yang

berlaku sekarang kerana Ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan pada pengamatan saya lebih banyak kepada bermesyuarat membuat keputusan urusan-urusan pemberian tender-tender kecil.

■1640

Siapa bagi kepada siapa, orang itu orang ini dan tender-tender pun bukan melibatkan projek-projek yang *tangible* ataupun projek-projek yang akan menghebatkan pembangunan satu kawasan kerajaan tempatan. Akan tetapi kerja-kerja kecil potong rumput, cuci longkang itu dan ini. Kerja-kerja ini tidak membawa kemajuan dan pembangunan. Jadi saya ingin menyeru kepada kerajaan tempatan supaya lebih serius, lebih profesional, lebih strategik dalam perancangan, lebih *ambitious* dari segi matlamat dan pembangunan begitu. Kalau sekiranya perlu Yang Dipertua Majlis-Majlis perlu diubah digantikan dengan orang yang mempunyai wawasan, mempunyai misi dan visi yang lebih besar. *Those who can think real big* barulah kita nampak kemajuan dalam sesebuah kerajaan tempatan dan mintalah supaya ditambah peruntukan sebagaimana Yang Berhormat Jasin tadi sebut.

Macam gaya RM20 juta ini RM100,000 lebih sahaja untuk setiap satu kerajaan tempatan. Ini seolah-olah macam melepas batuk di tangga. *It's a lips service, effort* dengan izin, *on the part of the government towards local government*. Kalau kita hendak buat sesuatu kita melihat kerajaan sanggup berbelanja berbilion-bilion, beratus juta ringgit bagi memajukan projek yang mereka hendak lihat ia menjadi projek yang membawa kesan ataupun impak yang besar kepada pembangunan. Akan tetapi kenapa kerajaan tempatan pula dikesampingkan, tidak diberikan peruntukan yang sama setimpal dengan peranan dan tanggungjawabnya. Saya bersimpati juga kepada Majlis Kerajaan Tempatan, Yang Dipertua Majlis dan pegawai-pegawai kerana mereka kadang-kadang menghadapi masalah kekurangan, masalah *constrain financial* dengan izin, dari pihak kerajaan.

Jadi kerajaan jangan memilih dalam membuat projek. Memilih ada seolah-olah projek yang disukai ada beri kelebihan dari segi peruntukan. Pandai cari duit, pandai cari *source of fund*. Akan tetapi apabila untuk membangunkan pekan-pekan kecil, maka sangat kedekut. *Why are you so stingy?* Kenapa kerajaan begitu kedekut? Ini adalah untuk membangunkan kawasan luar bandar yang akan mendapat nikmat. Jadi, saya rasa sudah sampai masanya kita beri teguran ini kepada kerajaan dan kerajaan mesti sanggup dengan hati yang terbuka menerima teguran ini dan pandangan ini. Sekian terima kasih.

4.43 ptg.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih. Kementerian Tuan Pengerusi. Saya hendak bersetujulah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi walaupun dia berucap macam ucap dasar itu. Akan tetapi tentang makna sedikit sangat yang diberikan kepada kementerian ini. Kalau boleh saya mencadangkan dengan peruntukan yang sedikit ini kita bagi fokus untuk menangani sesuatu isu. Misalnya dikatakan

macam Butiran 00100 - Projek kecil. Jadi kalau boleh kita fokuskan untuk menaiktarafkan tong-tong sampah di PBT-PBT sangat teruk.

Sebab apa tong sampah berlubang dan tidak cukup, ini memang saya ingat 52 tahun kita mengaku kita merdeka, masalah tong sampah dan masalah sampah pun kita masih belum dapat tangani dengan baik. Saya rasa ini, minta maaf lah kalau kita kata satu kegagalan lah kepada kita. Jadi, saya haraplah kalau boleh bagi fokus RM20 juta ini tidak banyak kalau RM100,000 untuk satu PBT saya ingat hendak ganti tong sampah pun tidak cukup. Kemudian untuk Butiran 03101 - Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan tempatan. Saya ingin tanya siapakah yang boleh menyertai institut ini atau diambil untuk melatih di sini? Apakah peranan dan kemajuan yang telah dicapai oleh institut ini sejak lima tahun yang lalu? Terima kasih.

4.44 ptg.

Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada dua tiga perkara. Dalam Maksud P.43 Butiran 00100 ini satunya ialah saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, mulai Projek Perumahan Taman Putera Pasir Puteh yang terbengkalai agak lama dan melibatkan banyak pihak. Apakah sebab sebenarnya projek ini tidak dapat diteruskan? Justeru, sudah bertukar dua kali ke pemaju perumahan itu dan masih belum dapat dilaksanakan.

Kedua ialah soal pembangunan Tok Bali ini masih dalam kawasan PBT Pasir Puteh. Saya rasa banyak sebab pembangunan ialah sebab pusat pendaratan ikan pantai timur ini. Banyak saya nampak kementerian-kementerian yang terlibat dalam ini khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang tidak dapat membuat penjelasan pembangunan itu dengan pihak PBT. Jadi ini saya rasa menjadi masalah kepada pengurusan PBT itu sendiri. Ketiganya ialah sudah banyak kali saya rasa soal pembangunan Pasar Besar Pasir Puteh ini sudah lama dekat dengan 40 tahun pasar ini dibangunkan dan sudah ketinggalan. Saya mohon lah pihak kementerian supaya memberi perhatian supaya dikeluarkan bajet untuk pembangunan pasar ini terima kasih.

4.46 ptg.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya singkat sahaja Tuan Pengerusi. Sebenarnya dalam Butiran 0100 apa yang berlaku di Labuan terdapat satu pusat pelupusan sampah dipanggil *Thermal Oxidation Plant* yang sudah sampai beberapa tahun yang lalu. Akan tetapi malangnya sampai saat ini mesin tersebut tidak dapat digunakan. Saya ingin bertanyakan kepada Menteri apakah masalah sebenarnya kerana kita telah pun membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk projek tersebut. Akan tetapi sampai saat ini sudah hampir dua atau tiga tahun benda ini belum dijalankan lagi dan belum beroperasi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kinabatangan, selepas Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Maran.

4.47 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payah cakaplah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya melihat peranan perancang bandar itu banyak keperluannya di PBT-PBT dan tidak terkecuali Majlis Perbandaran termasuk di Kuala Lumpur ini. Sebab apabila perancang bandar itu tidak memainkan peranan secara langsung, pembangunan tumbuh seperti cendawan, tetapi tidak dilihat prasarana yang lain seperti perparitannya, jalannya. Maka mengakibatkan satu saya rasa ketidakseimbangan pembangunan dengan kepesatan manusia itu sendiri.

Justeru itu berlakulah bencana banjir, hujan dua jam, banjir melimpah termasuk di Kuala Lumpur baru-baru ini dua minggu yang lalu. Saya sendiri Tuan Pengerusi berenang membuka baju, membuka kasut berenang sampai ke pinggang untuk balik ke hotel saya. Sebab hotel itu kiri kanan dikelilingi oleh air sedangkan saya tahu bahawa YTL telah membuat tambatan banjir dan sebagainya untuk ibu negara ini tetapi masih banjir.

Di Selangor ada juga kontraktor buat hampir-hampir sama jumlah dia tetapi tidak lagi banjir. Bermakna perancang bandar kena melihat secara saksama. Bayangkan saya jalan kaki satu kilometer berenang dalam air lagi teraba-raba takut ada lubang, kalau ada lubang jatuh kita. Orang ramai panggil saya 'Bung, apa sudah jadi, kenapa berenang dalam air? Kinabatangan lagi bagus' dia kata. Jadi ini kena dilihat secara bijaksana. Kalau kita lihat bandar raya kita ini harus dilihat secara positif. Jangan hujan satu jam, air melimpah-limpah sampai kepala. Ini tidak boleh, harus dilihat secara positif ke arah bagaimana pembangunan itu diselaraskan dan prasarana yang lain. Terima kasih Tuan Pengerusi.

4.49 ptg.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada satu sahaja Tuan Pengerusi ialah 03100 iaitu Kemajuan Perkampungan. Terima kasih kepada kerajaan kerana mengeluarkan peruntukan bagi membuat apa sahaja kemudahan pada 480 buah kampung di perkampungan baru ini. Saya lupa, mungkin kementerian boleh bekalkan kepada saya senarai perkampungan ini. Cuma dalam ingatan saya dalam pemahaman saya Kampung Baru ini pada mulanya tidak silap saya diwujudkan kerana isu-isu keselamatan iaitu isu-isu komunis, bukan sahaja melibatkan orang Cina, bahkan orang Melayu pun ada pada ketika itu dan inilah wujudnya Kampung Baru. Cuma saya hendak tahu dari segi pecahan ini dari kawasan mana, negeri mana dan di mana kampung ini ada.

■1650

Satu lagi pengenalan kampung baru ataupun penempatan semula ini ialah di kampung-kampung yang terlibat dengan masalah bencana, alam banjir dan sebagainya. Di kawasan saya di Maran pun ada banyak kampung-kampung baru yang kita kenal kampung baru tetapi tidak dalam kategori di kampung baru bawah PBT ini ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan ini. Saya hendak mencadangkan kerana kampung-kampung yang di bawah yang bukan keselamatan ini dahulu, dahulu keselamatan kita hendak kawal supaya komunis dan sebagainya kerana unsur-unsur ini boleh menjejaskan keselamatan negara. Jadi kita *centralize* kan dengan izin, mereka ini.

Jadi kampung-kampung baru ini saya kira mungkin tidak termasuk dalam senarai kampung baru yang berada di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya hendak mencadangkan kerana kampung-kampung baru yang ada ini mereka tidak ada peruntukan khas yang diberikan oleh kerajaan. Maksudnya, kalau ada budi bicara Yang Berhormat, ADUN, Parlimen dan sebagainya maka adalah pendapatan atau peruntukan yang ada pada mereka.

Saya hendak mencadangkan supaya apa sahajanya 480 kampung baru yang sudah sedia ada ini dan ditambah lagi dengan kampung baru yang saya sebutkan tadi, yang akibat daripada bencana alam dan sebagainya kita sekalian dan kerajaan mengeluarkan peruntukan yang lebih supaya memberikan peruntukan yang lebih kepada kawasan-kawasan ini bagi memastikan penduduk-penduduk berkenaan. Yang dahulunya rumah mereka kena bencana banjir dan sebagainya mendapat faedah yang lebih baik melalui sistem perkampungan baru ataupun penempatan semula yang diadakan oleh kerajaan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini. Itu sahajalah Tuan Pengerusi dan saya mohon menyokong terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Menteri kalau bersedia menjawab.

4.51 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Chuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucap terima kasih atas 12 orang Ahli Yang Berhormat yang kemukakan soalan dalam peringkat Jawatankuasa tambahan peruntukan di bawah kementerian saya untuk pihak berkuasa tempatan dan perkampungan baru. Jadi Tuan Pengerusi, saya untuk menjimatkan masa kerana ini peringkat Jawatankuasa dan peruntukan ini memang ada peruntukan kecil untuk melaksanakan projek-projek kecil di Pihak Berkuasa Tempatan seperti menaikkan taraf parit, longkang, menaikkan taraf jalan dan semua projek-projek kecil. Maka perkara yang dasar seperti tempat pelupusan sampah dan sebagainya dia tidak masuk dalam bidang ini.

Walau bagaimanapun, untuk Yang Berhormat Langkawi yang menyentuh tentang pelupusan sampah di Langkawi, Ahli Yang Berhormat Tanjong sebutkan pemasangan CCTV, Ahli Yang Berhormat Tenggara yang menyebutkan tentang masalah juga tempat pelupusan dan Yang Berhormat Jerai, tentang pelupusan sampah juga, ini saya akan ambil maklum dan saya akan jawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat masing-masing kerana ini peringkat Jawatankuasa untuk peruntukan kecil ini. Tuan Pengerusi sebenarnya saya perlu tegaskan di sini semua PBT di seluruh negara kita ini, di Semenanjung Malaysia terdapat 144 kerana Sabah dan Sarawak mereka ada kementerian masing-masing.

Maka di Semenanjung ada 144, jadi peruntukan kecil ini diberi secara sokongan kepada Pihak Berkuasa tempatan ini. Ini kerana dalam keadaan tertentu seperti berlaku banjir kilat dan sebagainya, kemudahan-kemudahan asas rosak maka peruntukan ini ditujukan kepada mereka untuk membantu mereka dalam projek seperti mana yang disebutkan tadi. Jadi saya akan ada masalah-masalah yang tertentu dibangkitkan yang lebih spesifik, saya akan salurkan masalah ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya tindakan yang selanjutnya dapat diambil. Ahli Yang Berhormat Tanjong menyatakan sama ada kerajaan ada pilih kasih dalam memberi peruntukan kepada negeri-negeri.

Perlu saya tegaskan peruntukan ini adalah disalurkan secara adil kepada semua negeri. Semua negeri di seluruh Malaysia mendapat peruntukan daripada kementerian saya ini, tidak ada pilih kasih. Akan tetapi dia terpulang kepada keterdesakannya, keperluan projeknya, kita akan pertimbangkan. Kalau projek itu memang mendesak, maka kita akan memberi bantuan dari segi kementerian saya. Ahli Yang Berhormat Tenggara bangkitkan peruntukan yang tidak mencukupi. Memang ini peruntukan tambahan. Dalam belanjawan kita, memang dalam Rancangan Malaysia lebih daripada lebih kurang RM1 bilion diperuntukkan untuk Pihak Berkuasa Tempatan ini cuma peruntukan tambahan.

Ahli Yang Berhormat Tenggara dan juga Ahli Yang Berhormat Maran, saya sangat setuju bahawa kampung-kampung baru ini semasa dibentuk dalam masa darurat di mana ada 450 semuanya dalam masa darurat pada tahun 1949. Jadi 450 kampung baru ini layak mendapat peruntukan di kementerian saya di bawah peruntukan BP31. Jadi memang saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat Maran, ada juga kampung-kampung yang dikatakan Kampung Tersusun, Kampung Baru Rangkaian dan juga ada Kampung Bagan diduduki oleh nelayan. Mereka tidak masuk dalam kategori ini maka mereka juga tidak di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Maka mereka tidak layak mendapat peruntukan.

Jadi baru-baru ini, saya telah mendapat persetujuan dan kelulusan daripada Kabinet, 157 kampung lagi ditambah dalam senarai saya. Maka dalam senarai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam BP31 di mana 607 Kampung Baru, Kampung Tersusun dan Kampung Bagan ini mereka layak mendapat peruntukan daripada kementerian saya. Ahli Yang Berhormat...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau tidak keberatan bolehkah Yang Berhormat perelaskan dalam Dewan yang mulia ini. Saya tertarik dengan isu kampung baru tadi yang disebut penubuhan mereka ke kampung ini adalah untuk bekas-bekas anggota komunis dahulu dan atas isu keselamatan mereka diberikan tempat. Adakah kampung-kampung baru ini status tanahnya itu, adakah statusnya tanah kepunyaan tetap *leasehold* ataupun tanah-tanah tol? Jadi kalau

boleh Yang Berhormat perelaskan kepada saya khususnya, apakah status tanah atas nama kampung-kampung baru ini yang diberikan kepada mereka di atas isu keselamatan pada waktu itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Ong Ka Chuan: Tuan Pengerusi, ini sebenarnya tidak ada sangkut paut dengan peringkat Jawatankuasa tetapi saya hendak betulkan ini Kampung Baru ini bukan untuk penempatan pengganas komunis. Sebenarnya pada masa itu kerana ada ancaman komunis maka untuk strategi peperangan pada masa itu, Kerajaan British mereka menempatkan penduduk-penduduk kebanyakannya kaum Cina di tempat-tempat yang tertentu maka dinamakan Kampung Baru. Jadi ini cukup rumitlah tetapi saya boleh jelaskan bahawa status kampung baru 450 berbeza-beza. Ada sekarang telah dapat *lease* 99 tahun tetapi ada juga kerana mereka telah duduk dalam tempat hak milik swasta, maka kita kena selesaikan hak milik.

Juga ada di tempat-tempat yang tertentu diletak di tanah simpan *Malay Rizab* dengan izin, maka kita juga kena mengatasinya untuk cari satu tempat ditukarkan atau di *gazette* kan. Ini banyak masalah kerana masa darurat, maklumlah dia memang tidak boleh dilakukan secara teratur. Maka kita pun sampai masa sekarang pun keseluruhannya telah dapat diselesaikan, maka itulah penjelasan saya. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat Pasir Salak bangkitkan masalah di kawasan Pasir Salak termasuk Pekan Kampung Gajah, Jerjak, Langkap dan sebagainya. Oleh kerana ini juga perkara khusus, saya akan salurkan perkara ini kepada Pihak Berkuasa tempatan supaya tindakan yang selanjutnya dapat diambil.

■1700

Ahli Yang Berhormat Kinabatangan sentuh tentang masalah banjir dan juga keberkesanan pihak perancang bandar dan desa. Saya memang setuju kerana juga ada dari segi perancangan, dari segi perparitan dan sebagainya. Maka sekarang bilangan penduduk telah bertambah di banyak pihak berkuasa tempatan, maka berlakunya masalah banjir dan sebagainya. Baru-baru ini dalam perbincangan kita dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam *mini bajet* ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga bangkitkan isu ini, katakan banyak tempat sentiasa bila hujan ada banjir kilat dan sebagainya.

Maka dalam mini bajet ini, saya telah diperuntukkan satu peruntukan khas RM100 juta untuk menangani sistem perparitan untuk PBT yang tidak memuaskan itu. Itu saya memang rasa ini satu masalah yang kita harus selesaikan, saya setuju sangat maka perancangan pada masa akan datang dengan terperinci perlu diadakan.

Ahli Yang Berhormat dari Rasah juga bangkitkan masalah kampung baru dan sebagainya, jadi saya tak ada *detail project* dengan izin, tapi di sini saya ada satu butiran di mana mungkin bersangkutan paut dengan Ahli Yang Berhormat dari Rasah, iaitu satu projek menaik taraf jalan, jambatan serta kerja-kerja berkaitan Jalan Temiang daerah Seremban di mana peruntukan RM600 ribu telah dikeluarkan untuk tujuan projek ini, projek yang lain kita masih dalam peringkat

perancangan dan ini kita tumpu perincian daripada Majlis Perbandaran Seremban di mana projek yang mendesak kita akan jalankan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Labuan sentuhkan tentang tempat pelupusan sampah, jadi saya juga akan salurkan perkara ini kepada Jabatan Sisa Pepejal untuk ambil tindakan yang sewajarnya, supaya perkara ini dapat ditangani dengan baiknya. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh sentuhkan tentang rumah terbengkalai, saya juga akan salurkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya projek terbengkalai ini dapat ditangani.

Berkenaan dengan pembangunan di Tok Bali, Pasar Besar di Pasir Puteh, ini juga saya akan salurkan kepada pihak PBT supaya perkara ini dapat diselesaikan, kalau perlukan peruntukan, kementerian saya sedia mempertimbangkan sekiranya masalah ini mendesak. Tuan Pengerusi, setakat ini saja kerana ini peringkat dasar untuk peruntukan tambahan kecil, maka yang mana yang tidak terjawab, saya akan ambil maklum dan disalurkan kepada pihak berkuasa tempatan, untuk ambil tindakan yang selanjutnya.

Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kemukakan cadangan dan pandangan, saya akan ambil perhatian terhadap cadangan dan pandangan Ahli Yang Berhormat, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM40,000,010 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM40,000,010 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

**Maksud B.44 [Jadual] –
Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan terbuka untuk dibahas. Jempol.

5.04 ptg.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian untuk menyentuh perkara B.44 - Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan berkaitan dengan perbelanjaan bagi perpustakaan-perpustakaan desa. Saya mencadangkan kepada kementerian, bila menyentuh tentang isu perpustakaan desa bukan saja kementerian mengagihkan kewangan ini untuk membeli buku-buku, tetapi yang paling penting sekali ialah bagaimana kita dapat mengatur perpustakaan desa tersebut, menjalankan kegiatan dan juga aktiviti dalam menggalakkan masyarakat luar bandar supaya rajin membaca.

Bagi kempen gerakan membaca ini, saya menyarankan supaya peruntukan ini diberikan juga atas tajuk untuk mengadakan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan Kempen Gerakan Membaca di perpustakaan-perpustakaan desa. Untuk tujuan ini saya mencadangkan supaya tiap-tiap perpustakaan desa ini mempunyai akaunnya sendiri, sekarang ini langsung tak ada akaun dan kewangan ini diberikan terus kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Jangan dihindarkan di perpustakaan negeri yang akan membataskan usaha pegawai-pegawai di perpustakaan desa tersebut untuk membuat apa juga aktiviti berkaitan dengan Kempen Gerakan Membaca tersebut.

Ini termasuk juga lawatan-lawatan wakil rakyat yang boleh membantu untuk mengisi akaun tersebut, terima kasih Tuan Pengerusi.

5.06 ptg.

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dalam Bekalan B.44 - Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang saya ingin menyentuh ialah mengenai dengan pembelian terus buku-buku karya penulis tempatan untuk perpustakaan desa ini. Memang saya mengalu-alukan sangat atas tindakan begini kerana sampai masanya kita juga memenuhi perpustakaan desa itu dengan buku-buku hasil penulis-penulis tempatan.

Cuma apa yang saya ingin sarankan di sini ialah, agar pihak kementerian juga turut memberi keutamaan buku-buku agama yang terbaru. Walaupun mungkin buku-buku Islam dan buku-buku agama ini banyak yang telah diterjemahkan asalnya daripada penulis-penulis luar negara, penulis-penulis Timur Tengah dan sebagainya. Akan tetapi penterjemahan-penterjemahan oleh penulis-penulis tempatan itu kita kira adalah suatu yang harus diberi keutamaan untuk kita penuhi di perpustakaan-perpustakaan desa kita.

Sekarang kita tengok buku-buku yang sebegini agak berkurangan, berbanding dengan buku-buku lain di perpustakaan desa. Saya juga rasa perlu juga dimaklumkan oleh pihak kementerian di Dewan ini, sebenarnya berapa banyak perpustakaan desa yang telah pun ada di negara kita ini setakat ini.

Saya juga ingin menyarankan kepada pihak kerajaan untuk menjadikan perpustakaan-perpustakaan masjid ataupun surau-surau misalnya, sebagai sebahagian daripada perpustakaan desa yang dengan sendirinya pihak kementerian dapat memantau dan dapat membantu serta membekalkan peruntukan-peruntukan tertentu terutama sekali dari segi kelengkapan-kelengkapan bahan-bahan bacaan dan juga perkara-perkara lain yang penting untuk memperkemaskan lagi perpustakaan-perpustakaan di masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negara, sekian terima kasih.

5.08 ptg.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sekejap sahaja B.44 - Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ialah

tentang perpustakaan. Alam adalah sumber ilmu pemberian Allah, Tuhan. Perpustakaan gedung ilmu buatan manusia. Bangunan perpustakaan yang baik dan canggih, pegawai dan kakitangan yang mesra pelanggan, kemudahan dan sistem terkini yang canggih menjadi penggalak kepada masyarakat untuk mendampingi perpustakaan seperti yang disebutkan oleh Jempol tadi.

Persoalan saya Tuan Pengerusi, saya nak tanya daripada 14 buah negeri yang ada sekarang, apakah semua negeri-negeri dah punya perpustakaan yang baru, yang canggih, yang baik kerana ada tempat kadang-kadang apabila perpustakaan ini tidak baik, minat masyarakat nak membaca tidak ada. Kalau tak silap saya, dari segi perangkaan kita, masyarakat di negara kita membaca sekadar satu ataupun dua buku saja setahun, ini keadaan yang berlaku.

Jadi saya juga nak bertanya kepada kementerian ini, macam di Pahang, perpustakaan mereka buruk Tuan Pengerusi. Saya harap dapat dicadangkan perpustakaan baru ataupun mungkin negeri-negeri lain yang ada dan satu lagi sejauh mana setakat ini, sebab sekarang ini kita dah IT, zaman IT, zaman dah *sophisticated* dengan izin, canggih.

■ 1710

Sejauh mana setakat ini Perpustakaan Negara melalui Perpustakaan Negeri dan sebagainya telah melaksanakan sistem digital ini di perpustakaan mereka di seluruh negara, kerana kita boleh akses daripada rumah sama ada di sekolah dan sebagainya. Yang berikutnya Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya. Perpustakaan Desa dibina di desa-desa dan di kampung-kampung. Alhamdulillah.

Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana banyak memberikan kemudahan kepada masyarakat di luar bandar. Namun, seperti yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Jempol tadi, sejauh mana kita boleh menarik masyarakat membaca, kerana ilmu adalah segala-galanya. Kalau hari ini ayah saya tinggalkan duit sebanyak RM1,000 Tuan Pengerusi, tetapi kalau saya ada ilmu mungkin saya boleh menjana RM1,000 menjadi RM1 juta. Namun kalau hari ini ayah saya meninggalkan RM10 juta, tetapi saya tidak ada ilmu, mungkin RM10 juta dalam masa dua hari sahaja boleh habiskan.

Ini pentingnya ilmu. Jadi, saya hendak bertanya kepada kerajaan sejauh mana penglibatan masyarakat Orang Asli dalam perpustakaan ini. Apakah Perpustakaan Desa ini juga dibina di perkampungan Orang Asli. Saya tidak mahu melihat lagi tanggapan Tuan Pengerusi, apabila adanya masyarakat Orang Asli bersekolah di satu sekolah, apabila penurunan berlaku dalam keputusan peperiksaan, mereka anggap bahawa inilah akibat kerana adanya masyarakat Orang Asli, sedangkan mungkin kelemahan kita tidak memberikan perhatian kepada mereka. Saya hendak cadangkan kalau belum lagi ada Perpustakaan Desa di kampung-kampung Orang Asli, sila bina. Saya hendak tanya berapa sudah ada sekarang? Bagaimana seriusnya kita untuk memberikan pengetahuan menyeluruh kepada masyarakat kita tidak kira bangsa dan juga kaum.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih banyak.

5.11 ptg.

Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh dalam P.44 ini ialah soal Hari Seniman. Satu, saya hendak tanya kementerian bahawa semacam kita sudah hilang dasar kebudayaan kita sekarang.

Di mana-mana sudah tidak kedengaran sekarang dan menjadikan kita berasa keliru akan kebudayaan ini, jadi di mana kita hendak fokus sekarang. Jadi, contoh-contoh yang kita nampak ialah bahawa dalam televisyen atau dalam media, kita tidak nampak betulkah itu budaya kebangsaan kita yang ditonjolkan sekarang.

Umpamanya begini. Kita tonjolkan artis-artis yang macam-macam gosipnya atau dadahnya dalam televisyen. Dia tidak menjadi contoh kepada masyarakat kita. Jadi, kalau boleh saya hendak cadangkan supaya kementerian ini, selain daripada menjelaskan balik dasar kebudayaan kita ini, yang kita sebut soal ketimuran, soal Islam dan soal Melayu dapat kita tonjolkan sekarang ini. Saya rasa bahawa apa-apa yang berlaku kepada masyarakat ataupun generasi muda kita sekarang ini ialah, kita sudah hilang satu bentuk contoh mithali ataupun kepimpinan yang boleh dihormati oleh generasi muda yang boleh menjadi contoh.

Jadi, saya cadangkan kalau boleh kementerian susun balik, iaitu umpamanya dalam televisyen umpamanya kita boleh tunjukkan bagaimana pemimpin kita berhari raya atau bagaimana kehidupan Ahli-ahli Yang Berhormat atau Ahli-ahli Parlimen umpamanya supaya dia menjadi contoh. Jangan kita tunjuk contoh-contoh yang merosakkan dan menjadi satu sub budaya kepada generasi muda kita sekarang. Jadi kita boleh tonjolkan sebab dari segi Islam, kepimpinan ini dia mesti tonjolkan peribadinya sebagai satu budayanya. Jadi, dia boleh menjadi contoh kepada anak-anaknya, kepada generasi mudanya. Saya cadangkan kalau boleh Ahli-ahli Parlimen sendiri pun ditonjolkan bagaimana kehidupannya, umpamanya. Ini boleh menjadi contoh selain daripada ulama-ulama kita ataupun kepimpinan negara kita dan sebagainya. Saya rasa generasi muda kehilangan contoh yang boleh dicontohi. Terima kasih.

5.14 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud B.44, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebanyak RM30 juta untuk Perpustakaan Desa.

Saya berharap kepada kementerian agar dapat memberikan tumpuan bukan saja kepada soal yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya yang berkaitan dengan keperluan kepada sebuah Perpustakaan Desa semata-mata, tetapi juga kepada bahan yang perlu ada dalam Perpustakaan Desa itu. Sebagai contoh Tuan Pengerusi, buku-buku yang ada di perpustakaan ini. Kalau dapat, apalah kiranya ditukar setiap enam bulan. Kadang-kadang saya perhatikan buku-buku yang ada di perpustakaan ini Tuan Pengerusi, duduk atas rak itu sampai berkarah atau berhabuk. Tidak bergerak kerana kadang-kadang buku-buku yang ada itu tidak ditukar. Tidak ditukar *rotation* nya. Mungkin boleh diadakan pertukaran buku-buku yang ada di antara satu Perpustakaan Desa

dengan Perpustakaan Desa yang lain-lain, yang mungkin bahan-bahan bacaan yang ada pada Perpustakaan Desa yang berlainan ini berlainan antara satu sama lain.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya juga berharap mudah-mudahan - saya setuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jempol tadi. Kreatif sedikitlah mengadakan aktiviti dan kaedah-kaedah untuk menambahkan lagi minat pembacaan di kalangan anak-anak. *Create* kan suasana atau *mood* yang lebih kreatif supaya anak-anak yang ada ini minat membaca. Minat membaca ini bukan sahaja kita jadikan sebagai satu minat kepada anak-anak tetapi juga kepada keluarga. Jadi bagaimana Perpustakaan Desa yang ada boleh bersama-sama bekerjasama dengan JKK dan sebagainya supaya di tiap-tiap rumah ada juga perpustakaan kecil yang boleh diwujudkan hasil daripada apa yang dilakukan di Perpustakaan Desa.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya juga hendak tahu adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan Perpustakaan Desa ini di semua kampung. Di semua kampung baru dan di semua rancangan FELDA. Saya juga hendak tahu dan saya minta kepada kementerian sesuai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maran tadi supaya memberikan tumpuan yang lebih perkampungan-perkampungan Orang Asli. Kepada perkampungan-perkampungan Orang Asli dan juga kampung-kampung yang berada jauh di kawasan luar bandar. Jangan ditinggalkan mereka dan jangan sekadar mewujudkan sebuah Perpustakaan Desa dan cukup syaratnya begitu, sekadar melepaskan batuk di tangga, tetapi usaha untuk membangkitkan minat membaca itu tidak langsung difikirkan untuk dilakukan kepada masyarakat kampung.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, kalau anak-anak atau masyarakat tidak minat untuk ke perpustakaan, usah tunggu sampai mereka ke perpustakaan tetapi perpustakaan itu turun kepada mereka. Jadi, adakan perpustakaan *mobile* atau perpustakaan bergerak di kampung-kampung atau di mana-mana yang diminta oleh kami Ahli-ahli Parlimen ini supaya buku itu sampai kepada mereka, sampai di depan tangga rumah mereka dan bukan tunggu mereka datang ke perpustakaan untuk membuat pinjaman buku dan sebagainya. Ayat yang paling penting ialah '*be creative*'. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Padang Terap. Selepas itu, Yang Berhormat Silam dan Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Tuan Pengerusi, Jerai, Jerai.

5.18 ptg.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin bercakap dalam Maksud B.44 bersetuju dengan beberapa rakan-rakan termasuk Yang Berhormat Tenggara dan Yang Berhormat Baling. Saya melihat sepatutnya kementerian meletakkan satu bulan, berapa tajuk buku yang hendak dibaca oleh anak-anak ataupun rakyat dalam negara kita dan pelbagaikan tajuk tersebut. Kita meletakkan hadiah yang

tidak perlu lumayan tetapi untuk mendorong. Saya bagi contoh Tuan Pengerusi, semasa saya belajar di Syria dulu. Satu bulan mereka cuti sekolah, seluruh masjid membuat pertandingan. Siapa menghafal al-Quran lebih baik ataupun lebih banyak juzuk, hadiahnya sekilogram emas yang menyebabkan masjid-masjid di seluruh Syria ketika cuti persekolahan, seluruh anak muda atau belia-belia ini ke masjid untuk menghafal Al-Quran.

Apa aktiviti kementerian tersebut, yang kita bincang berkaitan dengan perpustakaan. Apakah mengambil kesempatan cuti persekolahan ini untuk menggerakkan generasi belia atau pelajar untuk sentiasa mendampingi perpustakaan dengan pelbagai tawaran sebab Kerajaan Barisan Nasional ada televisyen dan media. Dia boleh menawarkan pakej-pakej yang agak lumayan yang akhirnya anak-anak ini akan rasa begitu berminat untuk mendekati ilmu melalui pembacaan. Begitu juga melalui bulan-bulan kemuliaan seperti Maulidur Rasul, Isra' Mikraj dan Ramadhan selain daripada menonton siaran yang tidak menentu.

■1720

Bagaimana pihak kementerian yang sama juga untuk mengadakan bahan-bahan bacaan, pertandingan untuk rakyat kita, masyarakat kita semua, melihat setiap bulan ada buku yang mesti yang dibaca, ada isu yang mesti difahami. Saya merasa ini lebih baik daripada membiarkan perpustakaan sekadar dihias dengan buku, kemudian dengan cat, dengan pokok bunga. Akhirnya tidak mendapat sambutan dari kalangan pembaca dan rakyat. Saya pohon kementerian. Terima kasih.

5.21 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut sama untuk membahaskan Maksud B.44 iaitu tambahan sebanyak RM30 juta yang dikehendaki untuk membiayai Hari Seniman Pembelian Terus Buku-buku Karya Penulis Tempatan untuk Perpustakaan Desa di Seluruh Negara. Tuan Pengerusi, kalau kita rujuk sekarang ini, penduduk di negara kita lebih kurang 41% adalah merupakan golongan belia dan mereka ini memang aset yang penting kepada negara kita. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan peruntukan ini sebab kita melihat kalau dari segi peruntukan ini. Kalau melibatkan seluruh negara memang ianya tidak mencukupi dan seolah-olah pihak kerajaan tidak begitu menekankan betapa pentingnya kita mewujudkan perpustakaan ini terutamanya di kawasan luar bandar.

Apatah lagi kita tahu bahawa penduduk di negara kita ini secara majoritinya masih lagi tinggal di kawasan luar bandar. Saya juga bersetuju dengan pandangan beberapa orang rakan-rakan yang menyuarakan iaitu dari segi perwujudan perpustakaan ini di kawasan luar bandar. Kalau kita lihat macam sebagai contoh di negeri Sabah di mana beberapa saiz tanah yang dibuat surau atau masjid masih banyak lagi ruang yang boleh dibangunkan untuk kemudahan-kemudahan aktiviti sosial yang lain seperti perpustakaan desa.

Jadi, saya juga berharap supaya pihak kementerian mungkin dari segi perolehan untuk mendapatkan tapak yang menyebabkan terencatnya dari segi pembinaan perpustakaan desa ini. Saya galakkan supaya kementerian dapat bekerjasama dengan penguat kuasa, pemimpin kampung untuk memudahkan kita untuk membina perpustakaan desa ini. Saya juga di sini ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dari segi buku-buku yang dibekalkan kepada perpustakaan desa terutamanya kalau pembentukan bangsa negara Malaysia itu, kita yang terdiri daripada pelbagai kaum ini perlu diberi penekanan dan keutamaan. Maka, biarlah buku-buku yang dimasukkan ke perpustakaan desa ini, yang berteraskan kepada kebudayaan bangsa Malaysia itu sendiri.

Kalau kita rujuk kawasan tertentu terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak yang terdiri daripada masyarakat yang etniknya datang daripada pelbagai latar belakang dan bangsa yang berlainan, maka buku-buku yang diperkenalkan itu perlu juga merujuk atau pun mengambil kira untuk masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar yang datang daripada bangsa dan keturunan yang lain tadi. Di sini juga saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya pegawai-pegawai kebajikan, Jabatan Perpaduan yang ada di daerah dapat didedahkan dari segi ilmu yang boleh menyebabkan mereka ini dapat menghormati dan mengetahui tata cara budaya.

Saya berharap juga supaya pihak kementerian dengan wujudnya perpustakaan desa ini mungkin dari segi kekurangan kakitangan yang akan menjaga perpustakaan desa itu. Maka perlulah mereka mewujudkan suatu jawatankuasa di peringkat perpustakaan itu yang melantik penduduk setempat bagi memastikan perpustakaan itu ada masyarakat yang boleh mengimarahkan. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian berhubung dengan pembinaan perpustakaan desa di seluruh negara ini supaya dari segi jadualnya dan dari segi supaya kita dapat memartabatkan bagaimana sesebuah masyarakat itu dipandang mulia atau pun tinggi di kalangan masyarakat bukan kerana faktor kekayaan dan sebagainya. Akan tetapi, yang paling penting ialah perolehan ilmu yang diperolehi oleh sesebuah bangsa atau pun masyarakat itu.

Jadi, saya di sini mencadangkan kepada pihak kementerian dari segi penyelarasan buku dan subjek yang akan diperkenalkan atau pun jadual aktiviti yang akan dilaksanakan oleh perpustakaan desa itu biar dia menjurus kepada pembentukan bangsa Malaysia itu sendiri. Ini kerana sesuai sekali dengan peranan kementerian ini sendiri yang saya kira kan sangat penting untuk memupuk perpaduan ini. Kalau kita bina di peringkat awal terutamanya di kawasan luar bandar yang rata-rata kita tahu bahawa dari segi walaupun mungkin kita tahu zaman sekarang ini lama sudah kita merdeka. Maklumat itu kita boleh capai dengan hujung jari kita. Akan tetapi pada dasarnya masyarakat luar bandar ini masih lagi kita boleh pelihara. Kita nampak ini kita masih boleh teruskan dari segi untuk melahirkan bangsa yang bersatu padu itu. Saya berharap juga di masa akan datang, dalam B.44 ini supaya Kementerian Perpaduan, Kebudayaan,

Kesenian dan Warisan ini dapat juga pada masa yang sama untuk mengadakan aktiviti yang berunsurkan kebudayaan terutamanya dari segi riadah yang mungkin dilibatkan dalam aktiviti perpustakaan desa ini merujuk atau pun menjurus kepada kebudayaan bangsa Malaysia itu sendiri. Supaya kita dapat menghayati dan rasa berbangga dengan suatu budaya yang menjadi amalan dan kekuatan kita.

Ini kerana kalau kita melihat kajian daripada pihak-pihak tertentu bahawa kita dikenali dengan bangsa Malaysia ini lebih kurang 75% adalah kerana faktor kebudayaan yang kita warisi sejak dahulu lagi. Jadi, saya berharap melalui perpustakaan desa yang akan dilaksanakan di peringkat luar bandar ini supaya kementerian ini mengambil perhatian dan menjadikan ianya suatu aktiviti kementerian yang diberi keutamaan. Ini kerana mungkin peranan perpustakaan itu sebenarnya kalau sekarang ini kita tahu rakyat boleh akses kepada semua maklumat. Akan tetapi pada satu ketika dahulu bagaimana kita melihat peranan perpustakaan ini untuk menyebabkan rakyat di sesebuah negara itu mempunyai ilmu yang saya cadangkan tadi di samping kebudayaan. Kita perlu juga melibatkan buku-buku yang ada hubung kait dengan Sains, dengan Matematik sebab pendedahan awal inilah yang paling penting.

Sekurang-kurangnya kita boleh terus menggalakkan budaya membaca ini bukan hanya di kalangan penduduk dan masyarakat yang berada di kawasan bandar juga di kawasan luar bandar. Jadi, saya berharap pihak kementerian dapat mengambil perhatian ini. Mohon penjelasan juga untuk negeri Sabah sahaja, dari segi pembinaan perpustakaan desa ini ada berapa jumlahnya? Dari segi kursusnya pula, kawasan Parlimen saya setakat ini, dari segi perpustakaan desa ini berapa buah yang telah dibina? Kalau belum ada, saya mohon supaya pihak kementerian mengambil perhatian untuk membina perpustakaan desa di kawasan Parlimen Silam yang merangkumi tiga Dewan Undangan Negeri iaitu Tunku, Lahad Datu dan Kudat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

5.28 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi menyentuh Butiran B.44 ini, saya ingin membincangkan tentang Hari Seniman yang sudah tentu bagi saya bahawa tujuan kerajaan mengadakan atau menganjurkan Hari Seniman ini adalah untuk kita ingat kembali tentang peranan mereka dan juga bagi kita menghala tujukan kembali peranan budaya, peranan ketika kita khususnya apabila kita bercakap tentang bangsa Malaysia atau pun negara kita ini sendiri.

Saya ingin menyatakan bahawa di atas nama warisan kononnya Sekolah Menengah Victoria di kembalikan namanya kepada Victoria Institution. Tuan Pengerusi, bukan saya anti warisan, atau pun bukan saya ingin menyatakan bahawa kita anti segala-galanya. Akan tetapi, adakah di atas nama warisan ini segala-galanya atau pun kita boleh menghalalkan atas satu prinsip yang kita harus akur dalam semua perkara khususnya apabila kita bercakap tentang pembinaan identiti negara kita sendiri.

■1730

Sedangkan kita faham bahawa *Victoria Institution* itu kalau kita kaji dan menelaah sejarahnya, ianya merupakan suatu sumbangan besar dananya dahulu oleh Yang Mulia Sultan Abdul Samad yang banyak memberikan dananya pada waktu itu tetapi yang dapat nama ialah Queen Victoria. Saya tidak ada masalah tentang itu tetapi kenapa dengan tiba-tiba sahaja kita melupakan aspek sejarah, warisan, *heritage* itu sendiri dengan mudah kita menerima bahawa atas nama warisan, kita tukar balik nama Sekolah Menengah Victoria itu kepada *Victoria Institution*. Begitu juga dengan KTM, dulu Kereta api Tanah Melayu. Sekarang ini alergi mungkin dengan nama Melayu, ditukar kepada KTM Berhad.

Dulu kita ada Intrakota, Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia yang cukup indah tapi ditukar kepada RapidKL. Dulu kita ada Bank Bumiputera, mungkin alergi sangat dengan bumiputera, ditukar kepada hari ini apa-apa nama sajalah Tuan Pengerusi. Jadi saya membangkitkan tentang Hari Seniman ini, saya mengharapkan Hari Seniman ini mesti berperanan untuk kita melihat kembali dan menghala tujuan kembali tentang peranan-peranannya. Walaupun kecil tetapi sangat besar maknanya kepada pembinaan negara. Tuan Pengerusi, Boleh kita berkongsi sedikit pandangan?

Kalau hari ini kita ingin melihat suatu budaya, satu tradisi yang diterjemahkan melalui filem, drama panjang ataupun teater ataupun apa-apa sahaja, di mana kita nak melihat ini dalam saluran TV kita? Saya rasa semua di sini harus menjawab dengan jujur. Kadang-kadang kita mungkin telah hilang segala-galanya. Kalau kita bertanya dengan orang Inggeris Tuan Pengerusi, di manakah kita ingin melihat tradisi Inggeris, bahasa Inggeris, maka rakan saya orang Inggeris akan menjawab, "Sila bersama dengan BBC London". BBC London itu Tuan Pengerusi, para *presenter* nya ataupun moderatornya ataupun pembaca beritanya membaca bahasa Inggeris yang dikatakan *queen English* dengan izin, dan budaya Inggeris itu terserlah keagungannya.

Kadang-kadang ada masa untuk teater yang mungkin diaplikasikan daripada karya Shakespeare dipamerkan. Untuk apa? walaupun Inggeris telah seagung itu sehingga tahap ini tapi seni budaya, warisan, *heritage* itu tetap dipelihara tapi di mana kita pada hari ini? Adakah Hari Seniman hanya sekadar untuk kita mengadakan majlis tari-menari, dijemput seorang dua seniman kemudian habis begitu sahaja? Akan tetapi harus kita melihat bahawa kementerian ini seharusnya melihat dengan peranan Hari Seniman ini. Saya ambil Tuan Pengerusi, dua contoh drama panjang anak muda yang cukup kontemporari. Jepun yang agung pada hari ini dengan ekonominya, dengan karyanya, dengan jenamanya pada hari ini kita melihat filem *Rin Hanikoma* dan drama anak muda Melayu yang cukup kontemporari seperti drama *Winter Sonata*, Korea Selatan yang menterjemahkan filem ini.

Kita melihat, semarah mana pun seorang anak dengan ibu dalam dua filem ini, semarah mana pun seorang isteri kepada suaminya dalam filem ini, masih berlegar dalam ruang lingkup

budaya mereka. Cara seorang isteri memarahi suami itu dalam filem *Winter Sonata*. Bagaimana isteri itu marah pada suami tapi marah itu diterjemahkan dalam suatu budaya kesopanan yang cukup tinggi nilainya. Dalam filem *Rin Hanikoma*, seorang anak yang marah dengan ibunya, dengan bapanya juga diterjemahkan dengan cara budaya itu diaplikasikan tapi hari ini kalau kita melihat filem-filem drama negara kita, cuba lihat Tuan Pengerusi, dengan jujurnya bagaimana seorang isteri marah dengan suami, seorang anak marah pada ibunya. Adakah itu budaya Melayu, adakah itu budaya Cina, adakah itu budaya India?

Yang hari ini kita lihat seluruh saluran-saluran ini semua menterjemahkan. Adakah ini budaya Malaysia? Jadi saya mengharapkan telah sampai masanya hari-hari seniman seperti ini diadakan supaya para-para karyawan filem kita, penggiat-penggiat seni kita ini harus melihat kembali tentang bagaimana rupa bentuk tradisi, warisan, budaya dan kesusasteraan negara kita ini harus dipandu semula Tuan Pengerusi.

Saya cukup ingat sewaktu Ayatollah Ruhollah Khomeini, mungkin orang luar pada waktu itu melihat dia seorang ulama yang cukup konservatif, yang mungkin terlalu ekstrem tetapi saya membaca di dalam biografinya baru-baru ini bagaimana Ayatollah telah memanggil golongan karyawan di Iran dan beliau telah menyatakan kepada golongan karyawan ini baik penggiat seni, pembikin filem, penggiat-penggiat drama dan teater dan beliau telah memberikan suatu pandu arah, satu hala tuju supaya yang saya mahu adalah supaya semua filem, semua hasil sastera, semua hasil seni yang akan dikemukakan ataupun diaplikasikan dalam negara Iran ini mestilah dalam budaya kita melihat Iran itu yang boleh dilihat daripada kaca mata dunia luar.

Alhamdulillah Tuan Pengerusi, mungkin kita boleh berkongsi juga pengalaman ini. Saya rasa filem-filem Iran seperti *Under The Moonlight* sebagai contoh memenuhi award antarabangsa dan tidak kalah, tidak asing dan tidak sumbang kiranya hasil karya kita ini benar-benar kita tonjolkan seni kita, budaya Melayunya, budaya orang Cina dalam negara kita, budaya sastera Hindu. Kalau kita membaca dengan teliti tentang hasil karya Sri Rama dan Mahabharata. Orang Cina dengan Confucius nya yang tinggi budayanya. Saya rasa kalau ini semua boleh kita lahirnya dalam filem-filem dan drama kita, saya rasa kita akan menampilkan satu seni budaya yang cukup tinggi yang kita boleh wariskan sebagai satu *heritage* kepada bangsa kita pada masa yang akan datang.

Kalau ini tidak disekat, saya rasa ini satu kepunahan yang akan bakal berlaku. Semalam waktu saya menemani seorang rakan di IJN, saya lihat satu drama di hadapan mata saya. Ini betul-betul karya meniru filem-filem Mexico yang lakonannya cuma orang Melayu sahaja. Pakainya yang cukup *Western*, dengan cara berbualnya. Anak berbual dengan maknya macam mana, isteri berbual dengan suaminya macam mana. Ini 100% ditiru daripada filem-filem Mexico. Adakah ini hasil karya yang ingin kita banggakan dan disiarkan dengan begitu berleluasa dalam *channels* TV dalam negara kita. Jadi saya rasa dah sampai masanya supaya para seniman kita, penggiat-penggiat seni kita yang saya rasa nilai kreativitiya cukup tinggi harus dipandu arahkan

kepada kita melahirkan sebuah hasil karya yang lebih bertanggungjawab untuk kita wariskan kepada generasi yang akan datang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

5.38 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, bagi maksud B.44 – Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini saya bercadang nak membahaskan mengenai dengan perpustakaan desa. Jadi, kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana mewujudkan banyak perpustakaan desa ini dengan harapan kadar pembacaan, kadar pembaca di kalangan rakyat terutama penduduk-penduduk di desa ini akan bertambah dan ini memberi peluang kepada mereka mengakses bahan-bahan yang mungkin sukar mereka dapati kalau tidak wujudnya perpustakaan desa ini.

Bagaimanapun, dalam siri lawatan saya ke kawasan saya, saya dapati ada lagi perpustakaan desa yang masih menumpang bangunan. Maksudnya, sebagai contohnya dia menumpang bangunan pejabat penghulu. Memandangkan kadang-kadang pejabat penghulu ini juga kecil, jadi perpustakaan desa ini mengambil ruang, satu ruang atau satu bilik dalam perpustakaan ini menyebabkan kadang-kadang buku-buku bahan bacaan atau apa sahaja yang dibekalkan kepada perpustakaan itu dah melimpah masuk ke dalam pejabat penghulu itu sendiri. Bilik mesyuaratnya dan sebagainya dan ini menyebabkan bahan-bahannya rasa saya atau perolehan tadi bagi saya sudah tidak dapat dikawal dan ini boleh menyebabkan perolehan kerajaan mungkin hilang atau musnah begitu sahaja.

■1740

Jadi apa yang saya harapkan di sini mungkin ada dalam P.44 juga tentang hendak membeli tanah itu kita tandalah RM10. Jadi kalau boleh dibina dengan membeli tanah desa-desa ini dan membina bangunan lagi baik. Kalau tidak pun boleh menyewa bangunan-bangunan terutama yang ada di pusat-pusat pertumbuhan desa. Tidak mungkin perpustakaan desa boleh dibuat di seluruh desa yang ada di Malaysia. Akan tetapi akan ada pusat-pusat pertumbuhan desa di mana ada kedai-kedai atau yang sebagainya yang kosong. Bolehlah kementerian menyewa bangunan tersebut secara bersendirian dan menjadikannya sebagainya perpustakaan desa sendiri tanpa menumpang dan mudah bagi mereka mengawal perolehan yang ada. Terutama perolehan ini peruntukan daripada Kerajaan.

Di samping itu, ditambah pula kalau boleh dengan mempunyai *internet* di perpustakaan-perpustakaan ini. Dengan cara ini kita memberi ruang juga dan peluang kepada penduduk-penduduk desa terutama anak-anak muda yang mungkin tidak ada komputer di rumah untuk mengakses di tempat yang sama. Jadi saya berharap pada kementerian agar mana-mana perpustakaan desa yang masih menumpang itu dia menyewa bangunan sendiri, tidak menumpang kepada bangunan-bangunan kerajaan yang lain. Saya menyokong, Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: [Bangun]

5.41 ptg.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dalam maksud B.44 ini bagi Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan turut ingin sama menyentuh beberapa perkara yang boleh dijadikan tambah baik kepada kementerian untuk diperjelaskan dalam sidang Jawatankuasa ini. Pertamanya ialah tentang Hari Seniman ini, saya memang sokonglah. Saya setuju supaya Hari Seniman ini dijadikan sebagai satu hari menggalakkan karya-karya seni dan sebagainya.

Cuma saya ingin pihak kementerian mengambil catatan bahawa kita pada waktu yang sama mahu mempromosikan Hari Seniman ini. Kita juga harus lihat satu aspek iaitu jenis seni apakah yang kita hendak bentuk sebagai satu kekuatan nasional di dalam negara kita. Saya timbulkan persoalan ini Tuan Pengerusi kerana akhir-akhir ini ada kecenderungan dalam pembikinan filem khususnya yang mungkin boleh saya katakan sudah berani keluar daripada arus tradisi. Sama ada baik atau tidak iaitu sekarang ini ada filem-filem yang menonjolkan budaya-budaya seks songsang seperti gay, lesbian yang dipertontonkan kepada orang ramai sebagai satu budaya yang diterima oleh rakyat kita.

Jadi, saya mencadangkanlah kalau boleh untuk tahap ini masyarakat kita tidak boleh menerima budaya seks songsang ini untuk dijadikan sebagai satu bahan filem sepertimana yang dilakukan di Barat kerana mereka mengamalkan kebebasan. Saya tidak menentang kebebasan tetapi saya khuatir kerana seks songsang yang dipertontonkan dalam filem menjadi satu perkara yang akhirnya tidak ada sesuatu songsang di dalamnya. Justeru, boleh jadi pengaruh kepada anak-anak muda kita. Jadi dalam rangka kita hendak membiayai Hari Seniman ini dengan peruntukan yang ada biarlah kita memartabatkan seniman itu yang layak dan sesuai untuk dimartabatkan. Nombor satu dia mesti mencapai inspirasi nasional.

Kedua untuk mencapai inspirasi nasional itu mesti ada ciri-ciri tempatan, lokal, meraikan adat resam agama kita. Ketiganya ialah berkualiti dari sudut nilai seniman itu tidak dipengaruhi oleh ikatan-ikatan politik tertentu. Sehingga dia tidak dapat mengeluarkan idea-idea senimannya yang saya kira dari kreativitinya itu dapat menyumbang kepada inspirasi nasional. Itu dari segi peruntukan untuk membiayai Hari Seniman. Selain daripada itu ialah Hari Karya-karya Penulis untuk perpustakaan desa saya juga mendapati bahawa keadaan perpustakaan desa adalah sangat-sangat daif dari segi kesediaan buku-buku yang ada mahupun dari segi suasana macam disebut oleh Yang Berhormat Lipis tadi.

Jadi saya harap itu boleh ditambah baik. Akhirnya saya hendak sebut tentang emolumen kakitangan. Ada satu persepsi dari segi kakitangan yang bertugas di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bahawa mereka ini adalah orang kerajaan yang dipilih daripada orang yang menyokong parti tertentu. Saya mahu melihat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ini bukan milik parti tertentu tapi ia adalah merupakan satu jabatan yang penting bagi menggalakkan integrasi. Kalau bolehlah kita hendak supaya program-program di dalam Jabatan

Perpaduan dan Integrasi Nasional ini juga diturut serta oleh semua pihak dan daripada pelbagai fahaman politik. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi sedikit sumbangan saya untuk diambil perhatian oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Kalau tidak ada lagi yang ada untuk berbahas saya jemput Menteri untuk menjawab. Sila.

5.46 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai dalam perbahasan untuk kementerian ini dan juga menyumbang pelbagai idea, cadangan yang begitu bernas serta berguna. Kementerian ini akan mengambil perhatian dan mencatatkan cadangan-cadangan yang agak berguna itu.

Bagi menjawab cadangan daripada Ahli Yang Berhormat Jempol, iaitu menyentuh tentang perbelanjaan bagi perpustakaan desa dan mencadangkan perpustakaan untuk menjalankan aktiviti kepada masyarakat luar bandar. Ini supaya budaya membaca berkembang di sana. Di samping itu juga mencadangkan perpustakaan desa mempunyai akaun sendiri. Untuk makluman Yang Berhormat Jempol, kementerian telah dan sedang sentiasa mengatur dan melaksanakan Program Kempen Membaca supaya objektif kempen membaca tercapai seperti "*Door-to-Door Program*". Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenggara untuk membawa buku itu ke pintu keluar penduduk-penduduk dan program ini memang telah pun dilaksanakan setakat ini. Peruntukan juga akan disalurkan kepada Perpustakaan Awam Negeri sebagai langkah untuk mengawal peruntukan. Ia akan dibelanjakan juga dengan berhati-hati mengikut tatacara kewangan yang betul...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Ya.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Sebab apa, perpustakaan desa ini dia duduk di kawasan-kawasan kampung? Sekarang ini sunyi. Saya tanya kenapa sunyi sangat? Tidak ada apa program yang boleh menarik orang datang ke situ. Tidak ada apa-apa pertandingan yang kita buat, yang boleh mengerakkan masyarakat supaya rajin membaca. Jadi, mereka ini terbatas kerana tidak peruntukan ke arah itu untuk menjalankan aktiviti. Jadi kalau peruntukan-peruntukan yang dihantar ke perpustakaan negeri, dia punya kegunaan itu berbeza.

Keutamaan dalam mengatur kegiatan tadi prioriti yang paling rendah sekali. Oleh yang demikian aktiviti kurang, perpustakaan jadi sunyi, masyarakat tidak terdedah kepada gerakan membaca. Itu maksud saya kalau boleh perpustakaan yang cantik, buku yang banyak, pegawai dia pun bagus. Akan tetapi ditambah lagi dengan buka akaun berikan peruntukan supaya kegiatan gerakan membaca ini dapat dibuat di perpustakaan desa tersebut.

Tuan Teng Boon Soon: Saya bersetuju memang setakat ini kegiatan dan juga bilangan buku-buku yang dibekalkan kepada perpustakaan desa itu memang terhad. Saya sendiri pun

mencadangkan dalam aspek ini perlu dipertingkatkan lagi untuk menarik minat kanak-kanak khususnya di luar bandar untuk menggunakan perpustakaan desa kita dengan lebih aktif lagi. Saya bersetuju cadangan itu dan ia diambil perhatian...

■1750

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Minta penjelasan sikit, Yang Berhormat Menteri. Pasal perpustakaan desa tadi itu, boleh?

Tuan Teng Boon Soon: Okey, teruskan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Adakah boleh pihak kementerian, contohnya perpustakaan desa yang disebut tidak ada program dan sebagainya, kalau wakil rakyat di situ hendak buat program bersama dengan perpustakaan desa, katakan saya ini daripada pembangkang contohnya. Adakah kemudahan di sana untuk saya akses supaya untuk promosi budaya ini yang tanpa kira parti, bolehkah perkara itu berlaku kerjasama daripada perpustakaan desa ini.

Tuan Teng Boon Soon: Segala cadangan yang boleh meningkatkan dan menjayakan Kempen Membaca yang selama ini dilaksanakan oleh kementerian ini dialu-alukan tanpa mengira dia dari mana. Ia sentiasa dianggap sebagai satu cadangan tanpa mengira pencadangnya. Itu pendirian kementerian.

Kedua, saya hendak jawab kepada pertanyaan Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling mencadangkan perpustakaan desa, pembelian buku karya tempatan terutama karya berkaitan atau berunsurkan Islam, terutama dalam bentuk terjemahan daripada buku-buku yang diimport dari Timur Tengah. Beliau juga bertanya tentang bilangan perpustakaan di negara ini dan mencadangkan supaya perpustakaan masjid atau surau menjadi perpustakaan desa di bawah seliaan kementerian supaya dapat diselenggarakan.

Saya ingin memaklumkan iaitu pembelian buku berunsurkan agama telah pun dibuat dan jumlah judul buku berkaitan agama yang telah dibeli pada tahun 2006 hingga 2007 iaitu 115 judul buku bagi tahun 2006 dan 75 judul buku pada tahun 2007. Tentang bilangan perpustakaan, pada masa ini kita mempunyai sebanyak 1,089 buah perpustakaan desa di seluruh negara. Di bawah urus tadbir oleh kerajaan negeri sebanyak 664 dan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 425. Ia ada dua jenis, perpustakaan desa diurus tadbir oleh kementerian dan juga kerajaan negeri.

Cadangan tentang menjadikan perpustakaan masjid dan surau juga menjadi perpustakaan desa dengan tujuan untuk meningkatkan peranan yang dimainkan oleh perpustakaan desa itu, cadangan akan dipertimbangkan mengikut kesesuaian ruang lantai dan juga kekukuhan struktur bangunan dari segi keselamatan. Contohnya Masjid Al-Istiqamah Langkawi telah dijadikan perpustakaan desa.

Menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Maran yang menyentuh perpustakaan negeri yang buruk dan juga mencadangkan perpustakaan desa juga disediakan di kawasan Orang Asli.

Ini juga disentuh oleh Yang Berhormat Tenggara. Saya ingin memaklumkan iaitu kita telah ada cadangan agar pembinaan bangunan baru di bawah RMK-10. Daripada 14 buah negeri, 13 buah negeri sudah ada bangunan baru. Cuma Pahang sahaja yang belum ada. Perpustakaan desa di kawasan Orang Asli, telah ada perpustakaan desa di kawasan Orang Asli iaitu di Runcang, Pekan dan Kampung Dusun. Manakala di Perak pula di Kampung Chang, dan Kampung Sungai Udang. Kita akan berusaha untuk memperbanyakkan perpustakaan desa di kawasan atau kampung-kampung Orang Asli. Itu bergantung pada kemampuan peruntukan yang dibekalkan.

Bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Jerai...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Mohon laluan, Tuan Pengerusi. Perkara yang saya bangkitkan tadi, jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi ialah tindakan itu telah dibuat oleh kementerian dan sebagainya, tetapi saya tidak nampak perkara itu berlaku seperti yang dinyatakan itu di kawasan saya.

Tuan Teng Boon Soon: Di Tenggara?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Ya, di kawasan Parlimen Tenggara. Kalau kata perpustakaan itu bergerak dari pintu ke pintu dan sebagainya, tentang cadangan yang saya kemukakan itu, saya tidak nampak kalau kata kementerian sudah buat, itu satu. Keduanya, kalau hendak tunggu sampai peruntukan ada barulah hendak buat perpustakaan desa dan sebagainya, saya ingat tujuan kerajaan untuk menggalakkan minat membaca ini lambatlah agaknya mencapai matlamatnya. Tidakkah boleh kementerian buat kerjasama bijak dengan *private sector*, dengan pihak swasta dan sebagainya supaya tanggungjawab sosial ke atas *the private sector* itu pun ada. Gabung dengan kementerian untuk wujudkan perpustakaan desa-perpustakaan desa di kawasan-kawasan luar bandar ini. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Okey, saya rasa itu satu cadangan yang baik untuk melibatkan pihak swasta bersama-sama menunaikan tanggungjawab sosial terhadap meningkatkan budaya membaca di kalangan penduduk-penduduk luar bandar. Saya bersetuju dengan cadangan itu. Akan tetapi untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini saya ingin memaklumkan juga sehingga setakat ini, kita masih belum berkemampuan untuk menyediakan perpustakaan desa di semua kawasan Parlimen. Daripada 222 kawasan Parlimen, kita hanya dapat menyediakan 187 sahaja. Bukan semua kawasan Parlimen ada perpustakaan desa dan juga dari sebanyak 576 Dewan Undangan Negeri atau DUN di seluruh negara, hanya 407 DUN sahaja yang dapat kita sediakan perpustakaan desa. Jadi, kita memang terus berusaha untuk memperbanyak dan memastikan semua kawasan Parlimen ataupun semua kawasan DUN akan diberi perpustakaan desa.

Menjawab tentang pertanyaan Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Jerai, asas pelaksanaan pengisian Hari Seniman... Nanti, sebelum saya jawab itu saya rasa saya rujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Tenggara oleh kerana Yang Berhormat Tenggara sudah

mengemukakan soalan tambahan tadi. Yang Berhormat Tenggara mencadangkan perpustakaan bergerak. Cadangan membawa perpustakaan kepada masyarakat, perpustakaan desa bekerjasama dengan JKKK untuk mewujudkan perpustakaan di rumah. Memang Kementerian telah adakan di setiap negeri termasuk perpustakaan bergerak multimedia yang dibekalkan dengan talian *internet* kepada masyarakat desa. Perpustakaan Negara Malaysia akan melaksanakan Program *Door-to-Door* dan *mobile library* di seluruh negara. Program itu baru sahaja hendak mula digerakkan mulai tahun ini. Jadi, kemungkinan itu belum lagi nampak di kawasan Parlimen Tenggara.

Perpustakaan Negara Malaysia juga melaksanakan Program Kelab Sinar Pintar di mana terdapat jalinan kerjasama JKKK dan NGO tempatan seperti RELA, kaum ibu dan lain-lain. Walau bagaimanapun, seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tenggara adalah baik juga kita turut melibatkan pihak swasta. Saya amat bersetuju dengan cadangan itu.

■1800

Saya rasa kalau kita kemukakan cadangan itu kepada pihak swasta, mereka sanggup menimbang dan memberi sumbangan terhadap kempen membaca yang kita selama ini menggalakkannya.

Saya kembali kepada Yang Berhormat Pasir Puteh dan Jerai. Kementerian ada menyatakan asas pelaksanaan pengisian Hari Seniman masih berpandu kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu berasaskan kebudayaan asal, tempatan dan juga kebudayaan menerapkan kebudayaan-kebudayaan yang lain yang sesuai dan berteraskan Islam dan nilai-nilai murni. Ini adalah prinsip-prinsip yang kita jadikan sebagai garis panduan.

Penterjemahan dalam pengisian Hari Seniman untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari segi pengisian Hari Seniman Kebangsaan mungkin dapat memberi gambaran kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pengisian kita itu termasuk Majlis Anugerah Seni Negara dan juga pameran dan ekspo dan juga tayangan dan acara-acara filem, konvensyen seniman domestik dan antarabangsa, persembahan teater dan muzikal, penerbitan buku untuk tokoh-tokoh seni dan majlis tahlil bagi memperingati seniman yang telah meninggal dunia dan juga majlis khutbah Jumaat dan juga bagi institusi-institusi agama yang lain turut menjadi pengisian kepada Hari Seniman Kebangsaan.

Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]: Sedikit penjelasan. Terima kasih Menteri. Apa yang kita hendak tonjol sekarang ialah satu budaya yang tinggi nilainya dan sebagainya yang menjadi contoh kepada generasi baru kita sekarang ini. Apa yang kita hadapi ialah bahawa yang ditonjolkan sekarang di media umpamanya, ia tidak memberi suatu gambaran budaya kita sama ada dalam filem dan sebagainya itu seperti yang dinyatakan oleh Kubang Kerian tadi umpamanya. Jadi oleh kerana itu kita rasakan bahawa ada satu perkara yang kita perlu perjelaskan dan tegaskan balik soal Dasar Kebudayaan Kebangsaan kita.

Yang keduanya saya hendak sebutkan bahawa kalau dahulu kita sangat minat tentang filem-filem P. Ramlee umpamanya, sebab filem P. Ramlee itu selain daripada nilainya tinggi, ia dapat menyentuh hati budi masyarakat pada zaman dia, pemikirannya, budayanya dan sampai sekarang pun walaupun beratus kali kita tengok, kita tidak puas, tetapi tidak berlaku seperti yang ada pada hari ini.

Jadi adakah kementerian tidak boleh buat apa-apa syarat tertentu supaya filem-filem yang kita hendak keluarkan umpamanya, mesti ada syarat, kena tengok skrip dulu kah umpamanya ataupun apa-apa bendanya, dengan bahasa yang rojaknya. Kalau ada sekarang ini, mutakhir ini ialah filem-filem yang tahyul, cerita-cerita hantu, cerita-cerita kalau lawak pun yang membodohkan masyarakat. Jadi semua itu bukan satu budaya tinggi kepada masyarakat kita.

Jadi kalau ini kita dapat lakukan dengan baik, barulah... Ada satu cadangan yang saya berikan tadi bahawa kalau boleh kita tayangkan, kita tonjolkan kepimpinan negara ini bagaimana kehidupan dia. Jangan kita tonjolkan, kalau hari raya, artislah berhari rayanya, tetapi kepimpinan macam mana berhari raya, kita tidak tahu ataupun ulama-ulama berhari raya macam mana. Orang-orang yang kita anggap menjadi ini, bagaimana kedudukannya. Ini penting bagi kita sebagai contoh mithali yang perlu dicontohi oleh generasi baru kita. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Baik. Saya sampaikan cadangan Yang Berhormat Pasir Puteh tadi. Memang saya rasa apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh tentang nilai-nilai ketimuran, nilai-nilai murni yang perlu ditonjolkan dalam karya kita dan juga dalam filem-filem produksi kita memang itu satu cadangan yang baik dan telah menerima perhatian oleh kementerian. Kementerian selama ini menekankan kepada produk seni negara yang menjurus kepada pembentukan identiti nasional dan juga membina nilai-nilai murni masyarakat melalui hasil karya seniman sama ada melalui filem, penulisan, pameran, program-program dialog dan lain-lain pengisian yang melibatkan seni tampak, seni pentas, seni ukir, budaya, nilai-nilai murni dan lain-lain cabang seni.

Sungguhpun tayangan filem itu, kementerian ini juga perlu bekerjasama dengan Kementerian Penerangan dan kementerian yang lain juga. Hanya di bawah kementerian ini, FINAS sahaja yang kami menyediakan pelbagai dasar dan kemudahan untuk membantu produksi filem tempatan mempromosikan filem-filem tempatan di persada antarabangsa. Jadi gejala-gejala yang tidak sihat yang disentuh oleh Yang Berhormat Parit Buntar itu diambil perhatian. Memang selama ini kita menekankan kepada keperluannya untuk menonjolkan nilai-nilai murni dan ketimuran.

Juga dalam pelantikan pegawai kontrak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang melibatkan hal politik seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Parit Buntar, saya hendak maklumkan Yang Berhormat, pelantikan semua pegawai dan kakitangan kontrak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional adalah berdasarkan kepada kelayakan akademik mengikut skim sesuatu perkhidmatan. Tidak ambil kira latar belakang politik dia.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Silam, menyentuh tentang perolehan dapatkan tapak untuk perpustakaan desa, sebenarnya kementerian telah dapatkan cadangan tapak daripada perpustakaan awam negeri. Mereka lebih tahu tentang keperluan setempat dan juga dari PBT, dari pejabat tanah dan daerah serta agensi lain seperti FELDA, KADA dan Peladang. Jadi agensi-agensi tempatan ini menasihatkan kementerian tentang kesesuaian sesuatu tapak itu.

Yang Berhormat Silam juga menyentuh tentang jadual aktiviti perpustakaan desa yang menjurus kepada pembentukan masyarakat dan perpaduan. Kementerian mengambil maklum akan cadangan ini dan akan melaksanakan aktiviti yang telah dirancang setiap tahun di mana semuanya menjurus kepada perpaduan dan nilai-nilai murni. Sebenarnya dalam 11 agensi di bawah kementerian ini, kita menjadikan perpaduan dan nilai-nilai murni sebagai satu garis panduan, sebagai satu prinsip untuk melaksanakan semua kegiatan dan program.

Yang Berhormat Silam juga menyentuh tentang bilangan perpustakaan desa di Sabah termasuk kewujudan perpustakaan bergerak di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, di Sabah terdapat 108 unit. Di DUN Kunak ada satu unit iaitu di Kampung Tun Fuad, perpustakaan bergerak ada 13 unit, perpustakaan bergerak multimedia ada 6 buah.

Yang Berhormat Lipis menyentuh tentang isu perpustakaan bergerak yang masih menumpang di pejabat penghulu. Sebenarnya pada tahun 2005, projek perpustakaan desa hanya melibatkan pengubahsuaian bangunan awam sedia ada dan pada tahun 2006 dan 2007, kementerian ini telah membina bangunan baru di seluruh negara dengan keluasan minimum 1,000 kaki persegi.

■1810

Cadangan untuk menyewa bangunan itu adalah satu cadangan yang baik dan kita akan timbangkan. Saya rasa itu mungkin sebenarnya satu cara yang pantas dan cepat untuk menyediakan Perpustakaan Desa.

Saya ingin menjawab cadangan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat Kubang Kerian banyak menyentuh tentang pemuliharaan warisan seni budaya dalam pengisian Hari Seniman. Yang Berhormat Kubang Kerian telah memberi banyak contoh bagaimana nilai-nilai tempatan, nilai-nilai ketimuran boleh ditonjolkan, tidak payah kita meniru filem-filem ataupun karya-karya asing.

Saya rasa itu satu cadangan yang bernas. Untuk makluman Yang Berhormat, unsur-unsur pemuliharaan warisan seni budaya merupakan ciri-ciri yang memang diberi penekanan dalam pengisian Hari Seniman. Sebenarnya Hari Seniman itu adalah untuk memartabatkan bidang seni ke tahap yang lebih tinggi setanding dengan bidang-bidang kerjaya yang lain. Itu memang merupakan objektif kita. Selain daripada itu ia memberi pengiktirafan kepada pendukung seni yang berkarya tanpa henti dalam menyumbang kepada kebangkitan seni tanah air. Begitu juga kita harap melalui Hari Seni Kebangsaan itu kita dapat meningkatkan tahap

apresiasi dan juga penghayatan masyarakat terhadap seni dan menggalakkan penyertaan serta penglibatan orang ramai.

Unsur-unsur memelihara warisan seni budaya adalah ciri-ciri yang memang telah diberi penekanan dalam pengisian Hari Seniman. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang ciri-ciri murni dan keunikan budaya tradisi di samping meningkatkan aspirasi masyarakat terhadap karya-karya seniman. Begitu juga untuk makluman Yang Berhormat sekalian, jenis-jenis buku yang disediakan di dalam Perpustakaan Desa, ia berbagai-bagai. Ia termasuk *fiction readers*, buku rujukan, buku agama, sains gunaan, sains sosial, bahasa, sejarah dan geografi. Begitu juga buku-buku komputer disediakan. Buku-buku psikologi, motivasi, buku-buku berkaitan dengan sukan dan rujukan peperiksaan serta juga berkaitan dengan kepimpinan disediakan di dalam Perpustakaan Desa. Saya rasa saya sudah menjawab semua pertanyaan. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM30,761,000 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM30,761,000 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] –

Tuan Pengerusi: Kementerian Sumber Manusia oleh sebab P.46 hanya token sahaja, ia tidaklah perlu untuk dibahas. Maka itu saya kemukakan masalah.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 di bawah Kementerian Sumber Manusia hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

Maksud B.48 [Jadual] –**Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Mana satu? Siapa kasi laluan dahulu? Yang Berhormat Batu Gajah kasi laluan sama Serdang. Yang Berhormat Serdang sila.

6.15 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh dalam Maksud B.48 ini kerana lebih kurang RM6.3 juta telah diberi kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membiayai penambahan bayaran emolumen akibat penambahan jawatan.

Saya hendak tanya di sini bahawa dari penambahan jawatan ini, beberapa adalah telah disediakan atau jawatan itu telah diambil oleh golongan OKU, kerana sudah beberapa tahun kerajaan tidak komited untuk menyediakan 1% perkhidmatan jawatan dalam perkhidmatan awam kepada golongan OKU. Akan tetapi sampai hari ini, hanya lebih kurang 0.06% jawatan dalam perkhidmatan awam adalah dipegang oleh OKU.

Jadi saya rasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai organ kerajaan hendaklah melaksanakan usaha dalam mencapai sasaran 1% golongan OKU dalam perkhidmatan awam. Sekiranya kementerian ini sendiri tidak boleh mencapai sasaran ini, saya ingin tahu sama ada kementerian ini telah menjadi atau sudah menjadi satu teladan yang bagus untuk kementerian-kementerian yang lain. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Batu Gajah.

6.17 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dengan ringkasnya dengan harapan bahawa dengan penambahan bayaran emolumen ekor daripada penambahan jawatan.

Saya hendak tahu sama ada kementerian telah membuat atau menetapkan satu tempoh, di mana akta-akta yang masih gagal melindungi wanita atau gagal berfungsi untuk memastikan hak-hak wanita dapat dibela seperti *Law Reform (Marriage and Divorce) Act*. Kita tahu banyak kes di mana isteri-isteri yang telah dicerai, suaminya gagal membayar nafkah. Mereka mengalami berbagai-bagai kesulitan, jadi Akta Keganasan Rumah Tangga hendaklah diadakan, kerana NGO-NGO wanita sudah berulang-ulang kali meminta akta ini.

Ini adalah di antara dua akta, di mana dipinda untuk memastikan niat baik kementerian mengadakan akta ini. Fungsinya boleh dijalankan di mana dapat membela wanita apabila wanita dianiayai. Itu sahaja saya hendak tahu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ada lagi? Sila Yang Berhormat Menteri jawab.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah Kasnon]: Tuan Pengerusi, pertama saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat, sahabat-sahabat saya daripada Serdang dan Batu Gajah yang telah mengutarakan beberapa isu di bawah Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2008, kementerian saya.

Tuan Pengerusi, wang sebanyak RM6.3326 juta ini adalah wang yang telah dibelanjakan untuk emolumen akibat daripada kelulusan pertambahan jawatan pelbagai gred daripada pengurusan dan profesional sehinggalah kepada Kumpulan Sokongan I dan II.

Bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat pada pertengahan 2007 sebanyak 1,886 jawatan melalui waran perjawatan yang berkuat kuasa 15 Jun 2007. Sebahagian jawatan telah diisi pada 2007, manakala sebahagian besar lagi diisi pada tahun 2008 dan diagihkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, daerah dan juga institusi-institusi bagi menampung kekurangan pegawai yang meliputi pelbagai gred banyak ya, 1,886 ini terdiri daripada N41, S41 sampailah ke Pembantu Am Pejabat gred N1.

■1820

Yang Berhormat Serdang bertanyakan tentang daripada jumlah ini berapakah jawatan yang diambil khas untuk OKU. Untuk makluman, dasar 1% kerajaan mensasarkan 1% OKU di dalam sektor awam memang masih jauh lagi untuk kita capai. Betul lebih kurang 0.06% tetapi suka saya nyatakan di sini bahawa setakat ini saya kira jabatan ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi teladan, menjadi contoh kepada jabatan dan agensi lain mendahului jabatan-jabatan lain di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri mempunyai hampir 2% daripada jumlahnya yang mempunyai kakitangan OKU.

Akan tetapi daripada 1886 tambahan perjawatan ini saya tidak ada *detail* dia tetapi keseluruhan hampir 2%, 1.8% lebih kurang begitulah Yang Berhormat. Jadi ini juga adalah menjadi kebanggaan kepada kami. Kami menjalankan polisi dan menguatkuasakannya.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin ucap tahniah kepada Timbalan Menteri kerana memanglah Kementerian Pembangunan, Wanita dan Keluarga telah menjadi satu teladan untuk kementerian-kementerian yang lain. Jadi saya hendak tambah soalan sedikit di sini bahawa apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk kementerian ini supaya kementerian-kementerian lain juga boleh mencontohi kementerian yang menjadi teladan ini kerana saya rasa memanglah kita adalah jauh di belakang untuk mencapai sasaran 1% OKU dalam sektor awam. Saya harap bahawa kerajaan yang komited untuk mencapai sasaran ini boleh ada satu tempoh masa untuk capai sasaran ini, terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih, cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Serdang. Kita sebenarnya Yang Berhormat tidak ada mempunyai satu sasaran tempoh tertentu dan arahan itu adalah satu arahan saranan kepada semua jabatan dan agensi di bawah sektor awam. Buat masa ini Jabatan Kebajikan Masyarakat hasil daripada penguatkuasaan Akta OKU 2008 kita telah ada satu Majlis Pembangunan OKU di mana saya yakin yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri antara lainnya turut memperjuangkan dasar 1% ini untuk dipanjangkan kepada semua tetapi surat pekeliling kerajaan sudah diedarkan kepada semua kementerian, jabatan dan agensi.

Kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah, terima kasih Yang Berhormat walaupun sebenarnya tidak menyentuh secara langsung kepada Butiran P.48 mengenai emolumen. Akan tetapi suka saya nyatakan di sini bahawa antara peranan dan tanggungjawab pegawai-pegawai yang kita lantik sama ada di negeri ataupun di peringkat daerah dan institusi adalah juga untuk bertanggungjawab menguatkuasakan akta-akta yang berada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat ini seperti Akta Orang Papa, Akta Taska, Akta Pusat Jagaan, Akta Keganasan Rumah Tangga, Akta Kanak-kanak, Akta Orang Kurang Upaya, Akta Anti Pemerdagangan Orang dan juga Akta Khidmat Masyarakat CSO 2007.

Sebenarnya tentang masalah perkahwinan dan perceraian *Law Reforms (Marriage and Divorce) Act* itu sebenarnya tidak secara langsung di bawah kementerian ini tetapi kita sentiasa bekerjasama dengan kementerian yang berkenaan. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi, ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM6,332,600 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM6,332,600 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

Maksud B.49 [Jadual] –

Tuan Pengerusi: Kementerian Pengajian Tinggi, Kepala Bekalan B.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ledang.

6.25 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin bertanya kepada kementerian tentang geran *matching up* ini yang telah pun disalurkan kepada Curtin University of Technology Sarawak tentang hasilnya setakat ini, apakah hasil bidang penyelidikan dan pembangunan? Walaupun mungkin baru setahun jagung dan bagaimana kementerian boleh monitor tentang perjalanan geran ini, sudah tentu kita mengharapkan sesuatu hasil.

Bagaimana kementerian memantaunya, terima kasih dan adakah *method* atau kaedah yang sama juga akan disalurkan ataupun diberikan geran kepada pihak-pihak lain yang mungkin boleh bekerjasama dengan universiti-universiti di dalam negara Malaysia sekarang, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Satu, dua, tiga. Sila Menteri jawab.

6.26 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dr. Hou Kok Chung]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Untuk maklumat Yang Berhormat Ledang, Kementerian Pengajian Tinggi akan memastikan supaya satu jawatankuasa pemantau ditubuhkan bagi memastikan jumlah tersebut dibelanjakan mengikut tatacara dan prosedur yang ditetapkan bagi memastikan kumpulan sasaran iaitu pelajar dan pensyarah di universiti tersebut memperoleh faedah yang sewajarnya.

Jawatankuasa tersebut dicadangkan dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri Sarawak dan Universiti Teknologi Curtin Sarawak. Untuk maklumat Yang Berhormat Ledang, bidang penyelidikannya dijalankan hanya tertumpu kepada bidang biotek oleh kerana dia baru sahaja diluluskan iaitu awal tahun ini. Mereka masih dalam proses permohonan untuk setiap penyelidik dan juga jumlah yang dipohon ini adalah satu graf penyama atau *matching grant* dengan izin daripada Kerajaan Persekutuan kepada pihak Curtin University.

Ini adalah selaras dengan perjanjian yang telah dimeterai semasa kerajaan menjemput Curtin University dari Australia supaya bertapak di Malaysia. Jadi semua geran ini akan ditentukan oleh Curtin University dan maksud saya ia terpulang kepada Curtin University untuk mengendalikan peruntukan tersebut, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM6,000,000 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM6,000,000 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.60 [Jadual] –

Tuan Pengerusi: Kementerian Pertahanan kepala bekalan B.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kubang Kerian, sila.

6.29 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sekadar untuk mendapat beberapa penjelasan tentang peruntukan ini. Maksud B.60 seperti mana yang tertera bahawa RM100 juta digunakan untuk membiayai perbelanjaan rangsum peluru dan roket *Astros* ini.

Jadi saya ingin mendapat sedikit penjelasan apakah yang dimaksudkan tentang bagi membiayai program ini ataupun yang saya ingin tahu tentang roket jenis *Astros* ini. Apakah jenis roket ini dan bukan *Astro* bukan roket DAP, roket *Astros* ini dan bolehkah diterangkan dalam Dewan yang mulia ini apakah *spec* dan juga kelebihan-kelebihan tentang roket ini dan pernahkah digunakan setelah ianya dibeli oleh negara kita.

■1830

Kemudian di bawah perkara ini juga disebut tentang kenaikan ataupun peningkatan perbelanjaan elaun sara hidup yang terpaksa diperuntukkan bagi Tentera Laut Diraja Malaysia dalam Operasi Fajar di Teluk Eden, Somalia yang kita semua faham bahawa terpaksa menghantar TLDM ini untuk berhadapan dengan ancaman lanun di Teluk Eden ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Adakah selepas penaklukan ataupun penahanan dua kapal dagang kita pada tahun yang lepas adakah telah berlaku lagi penahanan ataupun pelanunan terhadap kapal-kapal kita di sana? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan. Selepas Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Kota Melaka.

6.30 ptg.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin turut berbahas dalam Butiran 040100 - Maritim Bahagian Pengurusan. Kalau kita lihat sebanyak RM629 juta telah dibelanjakan sebahagiannya adalah untuk pembiayaan gaji dan elaun yang mana besar kemungkinan banyak digunakan untuk Operasi Fajar di Teluk Aden, Somalia.

Ingin saya menarik perhatian kita membelanjakan begitu banyak untuk Operasi Fajar. Saya juga ingin menarik perhatian untuk anggota-anggota tentera laut kita yang beroperasi di terumbu layang-layang. Baru-baru ini sewaktu lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kebetulan saya ikut serta pada saat itu dan sempat berbual-bual dengan sebahagian daripada anggota tentera. Apa yang saya difahamkan apabila mereka beroperasi di pulau tersebut yang mana risikonya jauh lebih tinggi daripada angkatan tentera yang ada di tanah besar mereka

cuma diberikan elaun sebanyak RM8 satu hari yang mana saya rasa RM8 satu hari itu terlalu rendah jika dibandingkan dengan Operasi-operasi Fajar dan yang lain.

Jadi saya mengharapkan sekiranya kalau kita lihat dengan operasi mereka di situ dengan risiko yang begitu tinggi dapatlah dipertimbangkan supaya elaun tersebut ditambah kerana perbandingannya ada satu agensi kerajaan yang membuat *research* di pulau tersebut menerima elaun sebanyak RM80 satu hari. Jadi mereka cuma dapat 10% berbanding dengan agensi kerajaan yang lain. Jadi diharapkan Kementerian Pertahanan dengan adanya tambahan bajet ini diharapkan dapat memberikan pertimbangan kepada mereka supaya mereka bertugas dengan lebih hati-hati dan mendapat elaun yang lebih baik kerana tugas mereka juga risikonya tinggi.

Yang kedua, sebanyak RM27.9 juta telah pun dibelanjakan untuk Operasi Fajar iaitu semata-mata untuk membiayai minyak dan pelincir. Berapa bulankah Operasi Fajar tersebut untuk tahun 2008 dan berapa tan *per day* penggunaan minyak tersebut? Kalau kita kirakan contohnya kalau pemakaian 20 tan per hari pemakaian minyak tersebut dengan nilai RM27.9 juta ini akan memakan waktu selama 500 hari bermakna setahun lebih. Apa yang kita difahamkan untuk tahun 2008 sahaja Operasi Fajar mungkin tidak sampai satu tahun?

Jadi di samping itu kita membelanjakan wang tambahan ataupun biaya daripada kerajaan sebanyak RM27.9 juta. Apakah imbalan yang kita perolehi daripada syarikat-syarikat perkapalan yang kita selamatkan? Bukan sahaja saya rasa syarikat perkapalan Malaysia tetapi juga kalau saya tidak salah semalam ada Yang Berhormat Menteri menyatakan syarikat perkapalan cina juga dapat kita bantu. Jadi kalau kita lihat syarikat perkapalan adalah berunsurkan mengambil keuntungan dalam operasi mereka. Kita telah pun membelanjakan duit kerajaan sebanyak RM27.9 juta tapi kapal-kapal yang diselamatkan seharusnya memberikan imbalan ataupun *return* kepada kerajaan supaya semua perbelanjaan yang kita belanjakan tidak ditanggung oleh kerajaan 100%.

Sekurang-kurangnya ada juga pembiayaan atau tanggungjawab syarikat-syarikat perkapalan yang mana kita selamatkan. Kalau tidak kalaulah mereka terperangkap oleh lanun-
lanun tersebut sekurang-kurangnya mereka akan membayar USD3 juta hingga USD5 juta satu kapal sebagai wang tebusan. Jadi diharapkan kerajaan akan melihat apakah yang kita perolehi balik daripada syarikat-syarikat perkapalan yang dapat kita selamatkan. Terima kasih.

6.35 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya ingin bangkit satu perkara tetapi saya difahamkan tidak ada dalam butiran. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri saya minta...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak boleh.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tak boleh ya? Boleh? Tak boleh? Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak boleh.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Saya hanya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jika dapat jelaskan bagaimana tahun ini peserta untuk khidmat negara dihadkan hanya buka akaun dalam Agrobank sebab keputusan ini mengakibatkan peserta kena tunggu sampai sehari di Bandar Melaka. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sedia maklum di Bandar Melaka hanya ada satu cawangan sahaja dan cawangan itu cawangan kecil dan kakitangan bank pun tidak ramai. Sebab itu kalau kita hadkan susah untuk peserta yang buka akaun dan ini hanya untuk sementara sahaja. Selepas tiga bulan mungkin mereka pun tidak mahu gunakan akaun itu. Mengapa tidak seperti tahun yang lepas boleh bagi peluang kepada akaun dibuka dengan bank yang lain? Hanya satu jika dapat dijawab. Terima kasih.

6.36 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran B.60 RM100 juta untuk rangsang peluru dan roket. Saya hendak tahu apakah kementerian ada memastikan semua kem dan depot peluru oleh kementerian ini adalah selamat. Maksud saya tempat penyimpanan. Saya ada satu kes tempat penyimpanan depot peluru kem di Lapangan Terbang Sungai Layar Sungai Petani, Kedah. Saya terima laporan ini mungkin spesifik tapi saya rasa ada kaitan sebab ini minta perbelanjaan untuk beli peluru.

Ini ada satu kes spesifik kem di mana saya terima aduannya di mana salah seorang pemilik tanahnya sebahagian tanahnya telah digunakan oleh pihak kementerian sebagai depot peluru kem Lapangan Terbang Sungai Layar ini. Jadi beliau mahu membangunkan tanah tersebut tetapi pihak berkuasa tidak membenarkan sebab ia terlalu dekat dengan depot peluru ini dan apabila beliau mahu menjualnya tidak ada orang mahu beli. Ini aduannya.

Jadi beliau beberapa tahun ini telah merujuk kes ini meminta agar pihak kementerian atau kerajaan negeri boleh memberi tanah ini yang sudah diduduki oleh depot peluru ini. Saya boleh bagi maklumat bagi kes ini kononnya baru-baru ini beliau ada rujuk kepada Biro Pengaduan Awam dan jawapan adalah kalau minta pindah keseluruhan depot ini kosnya tinggi. Kalau minta beli sebahagian tanah dari pemilik tanah ini kosnya tinggi.

Akhirnya mereka memutuskan untuk membina tembok tapi saya dimaklumkan di sekeliling kawasan depot ini ada kawasan perumahan yang lain. Jadi pada masa yang sama pemilik tanah ini juga risaukan jika ada apa-apa yang malang berlaku ia akan amat teruk keadaannya. Jadi saya akan bagi maklumat saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil masa meneliti kes ini. Kita lebih baik mencegah daripada lewat dan berlaku sesuatu baru semua bergegas untuk melihat keadaannya. Itu sahaja. terima kasih Tuan Pengerusi.

6.39 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua perkara saya hendak sampaikan di bawah Maksud B.60 Kementerian Pertahanan. Yang pertama ialah saya terbaca dalam surat khabar *Utusan Melayu* sehari dua ini berkenaan dengan satu pasukan yang dipanggil *task force* 2010 dan saya kenal dari paparan gambar itu seorang pesara daripada bahagian staf perisikan pertahanan lengkap dengan uniform.

■1840

Apabila saya baca tulisannya ianya berkaitan dengan ada satu unit di bawah Task Force 2010 ini khusus untuk menangani isu di Selatan Thai. Saya difahamkan bahawa penubuhan ini melibatkan sejumlah kakitangan yang beroperasi di bekas bangunan ataupun premis kedutaan bekas bangunan ataupun premis Kedutaan Myanmar di Kuala Lumpur. Pada masa yang sama ada juga pasukan petugas daripada *team* ini yang berada di Selatan Thailand di empat wilayah. Jadi yang saya mohon penjelasan ialah kewujudan pasukan ini yang pada fahaman saya bekas *general* itu telah tamat perkhidmatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, maksud yang mana Yang Berhormat?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Maksud di bawah ii sebab ianya berkaitan dengan beberapa anggota pembayaran emolumen kerajaan dan kakitangan di luar negara. *But team* ini bertugas di selatan Thai Tuan Pengerusi. Sebab dia tidak mungkin daripada kementerian lain sebab saya tengok gambar dia dengan uniform *general* dua *star* ke tiga *star* saya kenal. Sebab saya dahulu Setiausaha Politik Menteri Pertahanan dan dia ialah *military advisor* kepada Menteri. Saya fikir dia sudah pencen, rupanya masih pakai uniform, segak dan daripada tulisan itu ada sekumpulan kakitangan yang berkhidmat di sana. Cuma kita tidak berapa jelas, maklumat tentangnya itu tidak berapa terang. Apakah ianya di bawah biaya mana? Apakah sebahagian daripada peruntukan di bawah Butiran B.60 (ii) ini.

Saya difahamkan sebahagiannya bertugas di Kuala Lumpur sebahagian lagi ditempatkan di empat wilayah. Misi apa, apa programnya, apakah ini sebahagian daripada komitmen Kerajaan Malaysia untuk membantu meredakan sentimen atau pergolakan di Selatan Thai. Kalau itu maksudnya saya tidak ada perbezaan pendapat kita harus menyokong misi ini. Cuma identiti pasukan Task Force 2010 ini apakah ianya sebahagian daripada sistem organisasi di Kementerian Pertahanan ataupun *special operation*. Bagaimana organisasinya, apa fungsi yang didukung dan apa peranan dan bila mana peranan anggotanya yang saya difahamkan sebahagian besar daripadanya adalah anggota daripada staf perisikan pertahanan. Apakah mereka masih lagi di perkhidmatan ataupun mereka ini pesara? Bila sebenarnya operasi ini telah bermula dan berapa lama *timeframenya* itu, itu yang pertama.

Yang kedua ianya masih di bawah pembayaran emolumen kakitangan di luar negara. Kita faham bahawa Kementerian Pertahanan di beberapa negara dia ada *defense attaché*, atase pertahanan dan mereka ini sebenarnya membantu negara sesuai dengan peranan mereka untuk mendapatkan gambaran sebenar sesuatu negara itu dalam membantu hubungan dua hala. Minggu lepas misalnya Tuan Pengerusi, China menghantar pasukan tentera dia walaupun disebut kapal nelayan, tetapi diubahsuai dengan segala macam kelengkapan untuk berlegar di kawasan Kepulauan Spratly dan kita tahu ini adalah wilayah yang menjadi pertikaian banyak negara bukan sahaja kita tetapi juga negara-negara lain di rantau sebelah sini.

Jadi sudah tentulah peranan atase pertahanan kita di negara-negara luar ini menjadi penting terutamanya kerana pertikaian ini belum nampak jalan keluarnya, penghujungnya dan isu ini sudah tentu merupakan antara isu sensitif. Akan tetapi kerana China minggu lepas telah menghantar kekuatan itu, kita juga ingin tahu apakah persiapan Kementerian Pertahanan dalam menilai perkembangan ini kerana kita bukan hanya mempunyai isu tuntutan bertindih di Spratly sahaja, tetapi banyak lagi kawasan lain yang kita terbabit. Dalam soalan saya pada pagi tadi berkaitan dengan komuniti keselamatan ASEAN walaupun ianya berkaitan dengan Kementerian Luar, tetapi ianya berkaitan dengan keselamatan negara.

Saya fikir di sinilah peranan Kementerian Pertahanan harus dimainkan. Yang saya ingin tekankan ialah sekuriti dalam perspektif yang lebih luas bukan hanya bercakap tentang tradisional sekuriti, tetapi kita juga menyentuh tentang komprehensif sekuriti. Iaitu aspek yang kita timbulkan ialah aspek memakmurkan ekonomi, membasmi kemiskinan dan sebagainya. Itu dianggap sebagai komprehensif sekuriti. Jadi apakah peranan *defense attaché* kita ini dalam memperkukuhkan rantau kita ini sebagai rantau aman, bebas, dan berkecuali ini dalam menjayakan misi komuniti keselamatan ASEAN ini. Sesuailah saya fikir kerana ianya banyak berkaitan dengan isu-isu pertahanan yang saya mohon untuk Yang Berhormat Menteri untuk memberikan sedikit maklum balas, terima kasih.

6.45 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga akan turut sama untuk membahaskan Maksud B.60 (i). Kalau kita lihat dari segi peranan anggota tentera dalam menjaga keselamatan memang kita tidak boleh pertikaikan lagi dan ianya sangat penting. Melihat kepada kawasan terutamanya Pantai Timur secara khususnya di negeri Sabah, kawasan Parlimen Silam kalau misalnya di kawasan Tambisan dan Tanjung Labian jaraknya dengan selatan negara jiran kita walaupun kita negara ASEAN bersama, tetapi perlu diambil kira dari segi pengawalan keselamatan ini. Macam misalnya Tanjung Labian ke Pulau Bungau di Selatan Filipina itu lebih kurang kalau *engine boat* itu ada kekuatannya 500 *horse power* dengan izin dia akan sampai lebih kurang 45 minit ataupun sampai satu jam. Jadi begitulah jaraknya yang tidak begitu jauh dan baru-baru ini saya ada melawat markas tentera di

kawasan DUN Tungku dalam Parlimen Silam dan saya sangat sedih Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat kepada kebajikan dan kemudahan asas yang ada di kawasan kem tersebut.

Sebagai contohnya kalau kebetulan dia betul-betul di tepi pantai Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan jarak daripada pagar kem tentera itu dengan laut itu 0.1 meter. Kalau dia betul-betul air pasang memang sampai dan mudah *boat* akan naik. Namun yang malang sekali pagar sepanjang kem tentera itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi sudah berkarat. Jadi Tuan Pengerusi, saya minta dan di hadapan pagar itu di antara...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, maksud yang mana Yang Berhormat?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Butiran (i) - RM100 juta iaitu dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan...peluru dan roket...sebab di hadapan kem tentera itu ada simpanan peluru Timbalan Menteri. Jadi saya takut dia pula berhadapan dengan pantai dan pagar yang melindungi tempat peluru itu pun sudah usang dan tidak baik. Jadi saya berharap supaya dan saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk datang melawat sendiri ke kawasan saya sebab ini kawasan yang hampir dengan negara jiran dan sejarahnya pun di kawasan ini Pantai Timur negeri Sabah ini kerap kali diserang oleh lanun dan yang terakhir untuk kawasan saya pada tahun 1989. Jadi kita tidak mahu perkara ini berulang dan memang kita cuba bersedia semampu yang kita boleh.

Jadi mungkin pegawai daripada pihak kementerian terlepas pandang dari segi kem tentera yang berada di kawasan Tungku ini dan saya berharap supaya pihak kementerian mengambil tanggungjawab ini dengan penuh perhatian dan saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mengambil tindakan sewajarnya untuk menaik taraf dari segi kemudahan asas kem tentera yang ada di kawasan bandar Lahad Datu sebab kita tidak mahu kejadian yang mana berlaku beberapa tahun yang lepas iaitu penculikan dan kita nampak kita punya pihak keselamatannya terutama pihak tentera macam seolah-olah mereka ini tidak yakin dengan kemudahan yang ada di kawasan tempat mereka bekerja. Jadi saya berharap supaya profesion ketenteraan ini menjadi suatu bidang profesion yang diminati oleh rakyat di negara ini.

■1850

Kita pun berasa yakin, rasa selamat dan selesa kalau kita melihat anggota tentera kita itu dapat dibekalkan dengan kemudahan asas yang terbaik. Walaupun mungkin kita tidak bolehlah menyaingi negara yang lebih maju daripada kita tetapi sekurang-kurangnya kita berusaha untuk membekalkan yang terbaik kepada anggota tentera kita supaya mereka mempunyai rasa keyakinan tinggi yang cukup tinggi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, menjawab yang termasuk butiran Yang Berhormat. Umpamanya pembelian peluru ini tidak termasuklah pagar untuk stok peluru itu, tidak termasuk rasanya. Terima kasih Yang Berhormat.

6.51 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan isu-isu yang ada berkaitan dengan Kementerian Pertahanan di peringkat Jawatankuasa ini. Sebagaimana yang telah termaktub dalam Maksud B.60 adalah merupakan khusus terutamanya berkaitan dengan pembelian *ration* peluru dan Astros dan juga berkaitan dengan insentif berkaitan dengan anggota tentera TLDM yang jalankan Operasi Fajar di Teluk Aden, Somalia. Apa yang saya ingin menyentuh pertamanya isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian berkaitan dengan jenis roket Astros yang mana beliau ingin mengetahui berkaitan dengan perkara ini.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa Astros adalah sistem pelancar roket berganda ataupun *Multiple Launch Rocket System* untuk kegunaan *regimen artillery* untuk pertahanan ruang udara *surface to surface*. Ianya dibeli pada tahun 2000 oleh Kementerian Kewangan. Bagi peruntukan tambahan di bawah Maksud 60 ini adalah merupakan pembelian tambahan kepada pembelian yang pertama yang dibuat pada tahun 2000 yang mana di sini adalah untuk kegunaan *regimen artillery* ATM juga. Di bawah sistem ini adalah merangkum kenderaan, pelancar roket dan roket Astros yang pada masa ini ada digunakan semasa buat latihan-latihan berkaitan dengan penggunaan peralatan ini.

Sehubungan dengan bayaran insentif persinggahan pelabuhan luar negara dalam Operasi Fajar di Teluk Aden pada anggota TLDM. Ini adalah merupakan peruntukan tambahan bayaran insentif yang dimohon disebabkan operasi ini di luar jangkaan yang berkaitan dengan penahanan Kapal MISC selepas kejadian. Semenjak adanya penegasan Kapal TLDM di perairan tersebut, tiada lagi insiden rampasan ke atas kapal-kapal milik syarikat Malaysia yang dilaporkan. Tuan Pengerusi berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Labuan. Beliau ingin mengetahui berkaitan dengan pembayaran semua kos Operasi Fajar oleh Syarikat MISC.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan ini sekiranya MISC membuat pembayaran semula sebahagian kos operasi ini, mereka boleh berbuat demikian dengan menghubungi pihak kementerian atau Jabatan Akauntan Negara dan ianya menjadi hasil kerajaan. Walau bagaimanapun, buat masa ini tiada apa-apa bayaran yang dibuat dan segala kos buat masa ini adalah ditanggung oleh kerajaan. Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah iaitu isu Kem Depoh Peluru di Kem Sungai Layar, Sungai Petani. Menurut kajian yang dilakukan oleh pihak ATM jarak di antara depoh simpanan peluru dengan tanah dan kawasan perumahan selamat dan mematuhi peraturan.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu yang dibangkit oleh Kota Melaka. Isu ini adalah terkeluar daripada butiran di bawah Maksud 60. Bagaimanapun saya akan meminta supaya jabatan yang berkaitan di bawah Kementerian Pertahanan untuk menghantar jawapan secara

bertulis. Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Machang. Saya rasa ini tiada dalam butiran yang di bawah Maksud 60 Tuan Pengerusi. Saya tidak ingin menjawab berkaitan dengan isu ini.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Akan tetapi boleh saya minta penjelasan sedikit ya? Tuan Pengerusi, butiran ini dia berkaitan dengan pembayaran emolumen kepada pegawai dan kakitangan di luar negara. Pasukan Task Force 2010 ini ada anggota yang bertugas di empat wilayah di selatan Thai. Sudah tentu ada kaitan saya fikir dengan butiran ini. Itu maksud saya. Kalau untuk kita anggap sebagai tidak ada kena mengena kenapa anggota pasukan ini dihantar bertugas di selatan Thai. Bukankah selatan Thai itu adalah kawasan luar negara? Jadi saya mohon untuk Yang Berhormat Menteri dapat membantu kita dalam memahami perkara ini.

Saya mulanya tidak terlintas apa-apa tetapi apabila saya baca edisi khas Utusan Melayu dua tiga hari lepas, saya tengok *general* itu uniform. Kalau uniform dia mesti *army*, dia tidak boleh jadi *civilian*. Jadi kalau dia bertugas di luar negara mesti ada pembiayaan daripada kerajaan. Kalau ianya uniform, *military* tentulah di bawah Kementerian Pertahanan, itu maksudnya. Tidak mungkin untuk Timbalan Menteri tidak tahu kedudukan ini. Saya mohon juga penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Pengerusi berkaitan dengan bayaran gaji ataupun elaun, berkaitan *task force* ini, ianya tidak ada kena mengena dengan peruntukan tambahan Tuan Pengerusi. Ianya adalah pembayaran yang dibuat seperti biasa yang dibayar kepada anggota ATM yang tiada berkaitan dengan isu berkaitan permohonan untuk kelulusan di bawah Maksud B.60 ini Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi berkaitan dengan...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, boleh saya dapat sedikit lagi penjelasan? Baik, katakanlah kita boleh menerima penjelasan itu namun masih ada persoalan yang perlukan penjelasan saya fikir ya. Kalau mereka merupakan sebahagian daripada anggota Bahagian Staf Perisikan Pertahanan di bawah General Bersara Dato' Wan Abu Bakar. Kekuatan di ibu pejabat di Kuala Lumpur dan sebahagian yang bertugas di sana. Di bawah butiran apa sebenarnya mereka ini kalau bukan biaya di bawah emolumen luar negara yang sedang kita bincangkan pada peringkat Jawatankuasa sekarang.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Pengerusi, berkaitan dengan bayaran gaji emolumen ini adalah berkaitan dengan butiran untuk kita mendapatkan kelulusan tambahan Tuan Pengerusi. Jadi ianya tiada kaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Machang, tidak berkaitan dengan isu yang pihak kementerian memohon kelulusan Tuan Pengerusi.

■1900

Bermakna kalau ada isu yang beliau ingin mengetahui, beliau bolehlah mengemukakan di forum yang lain.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat. Tuan Pengerusi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri seharusnya mengambil peluang ini untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli dalam Dewan ini, boleh kata ini tak ada kaitan dengan butiran, tapi Yang Berhormat sepatutnya mengambil peluang untuk menjawab bagi menghapuskan segala sangkaan-sangkaan yang lain atau menghentikan perbuatan yang telah melanggar apa-apa peraturan oleh kementerian ini.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang memang penting, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka amat penting, kalau lain hari mungkin Menteri kata tak ada masa, saya akan jawab bertulis atau saya minta masa tapi sekarang kalau ada masa lagi, mengapa terhad kepada butiran sahaja bagi sedikit kelonggaran, Menteri ambil peluang, saya rasa itu sikap yang betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu Gajah, saya bersependapat dengan Yang Berhormat Menteri bahawa Yang Berhormat Menteri, kementerian tak payah menjawab kerana kalau kita ikut Peraturan Mesyuarat, perkara-perkara yang hanya dalam butiran pada peringkat jawatankuasa ini yang perlu dijawab oleh Menteri dan sepatutnya pada awal pun kita menahan.

Sebab itu saya bertanya dengan Machang, bagaimana dia nak *relate* kan perkara yang dibawahnya dengan butiran, maknanya saya sendiri pun melihat bahawa ianya tidak berkaitan dan telah disahkan benar, disahkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa perkara itu tidak berkaitan. Jadi saya tidak ada sebarang arahan mengenai perkara ini, tetapi apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, adalah mengikut peraturan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu yang berkaitan oleh Silam di mana beliau ingin mengetahui ataupun mencadangkan supaya ada penambahbaikan berkaitan dengan Kem di..

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Dekat Tungku, Dengan Tungku.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Di mana?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Dekat Dengan Tungku, Parlimen Silam. Kampung Dengan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Di Lahad Datu?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Kem Lahad Datu.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Kawasan Lahad Datu? Sehubungan dengan perkara ini pihak kementerian akan mengambil perhatian yang mana ianya ada peruntukan di bawah RMK9 untuk dilaksanakan berkaitan dengan perkara ini. Berkaitan dengan isu elaun yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Labuan, yang mana anggota tentera yang bertugas di pulau-pulau pesisiran di Sabah, yang mendapat hanya sebanyak RM8 sehari.

Di sini selain daripada elaun operasi ini, bahawa mereka juga mendapat elaun *East Timor*, iaitu semasa mereka berkhidmat di...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ini di bawah butiran apa itu? pasal elaun *East Timor* dan sebagainya. Kalau boleh bantu kita mengikuti perbahasan ini, elaun *East Timor* di bawah butiran berapa?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Duduklah dulu.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Teluk Aden, Somalia, Bangsa-bangsa Bersatu. Saya ingat tak boleh ada *double standard* di sini, saya fikir.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Duduklah dulu.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya duduk? Okey, saya dengar.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Di mana selain daripada elaun operasi sebanyak RM8, bahawa mereka juga mendapat elaun perkhidmatan di *East Timor* dan elaun-elaun ini telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan, Tuan Pengerusi. Jadi selagi ianya tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan, maka kita tidak boleh melaksanakan, menaikkan seperti mana yang dinikmati oleh jabatan-jabatan lain.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, saya mohon bantuan sedikit menjelaskan kekeliruan. Yang Berhormat Menteri memilih untuk tidak menjawab dan saya terima bahagian itu, bila saya baca balik mungkin saya silap sebab emolumen yang dibentangkan oleh peringkat kita yang memerlukan jawapan Menteri sekarang, ialah berkaitan dengan pelbagai misi di bawah naungan PBB.

Disebut di sini insentif persinggahan luar negara, anggota TLDM, Operasi Fajar Somalia. Tiba-tiba tadi saya mendengar jawapan Menteri tentang Timor Leste yang saya tak fikir pun ada dalam butiran ini. Jadi saya mohon supaya..., kesungguhan itu juga ada walaupun terkeluar sedikit, tapi ini peluang untuk Yang Berhormat Menteri jelaskan, itu saja.

Sebab kita tak boleh nak dapat di mana lagi, autoriti yang paling baik ada pada Kementerian Pertahanan untuk memberikan penjelasan, itu saja yang saya mohon tapi bila Yang Berhormat Menteri terang-terang memilih untuk menjawab, tak apalah pengetahuan buat kita. Akan tetapi tidak memberi respons kepada kita hanya kerana Yang Berhormat Menteri memilih untuk tidak menjawab, itu malang saya kira, saya mohon sikit penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Pengerusi, sehubungan dengan *task force* ini, *task force* ini adalah merupakan satu unit yang diwujudkan di Selatan Thai. Tidak pernah berkhidmat secara tetap, ia bukannya merupakan unit yang tetap. Jadi mereka dihantar ke wilayah yang bergolak, sekiranya terdapat keperluan sahaja iaitu dipohon oleh pihak *task force* dari Thailand. Jadi ia bukanlah merupakan satu unit yang tetap, yang bertugas di ATM, jadi apabila keperluan atas kerjasama dua-dua belah pihak, ini fungsi unit *task force* Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Mohon penjelasan sikit Yang Berhormat Menteri. Ia membangkitkan pula pada persoalan baru. Apakah mereka ini anggota yang masih dalam perkhidmatan tentera ataupun tidak? Sebab ketua itu pakai *military uniform*, apakah boleh yang dah bersara pakai *military uniform*? Itu maksudnya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Mereka bukan bertugas secara tetap, mereka bertugas secara sementara dan apabila mereka bertugas maka ia dibenarkan menggunakan uniform.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Walaupun mereka telah bersara daripada perkhidmatan? Saya nak jelaskan yang itu saja.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ya.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Mereka telah pun habis tempoh perkhidmatan dengan tentera dan saya kalau saya faham dari Yang Berhormat Menteri tadi ialah kalau untuk berkhidmat sementara dalam misi tertentu, atas permintaan negara jiran dihantar ke wilayah bergolak, maknanya boleh pakailah? Saya nak dapat yang itu dulu penjelasan, *confused* sikit saya bab tu.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Itu ada hubung kait dengan tawaran yang dibuat oleh kerajaan apabila mereka diperlukan untuk melaksanakan tugas, jadi mereka dibenarkan menggunakan uniform. Tuan Pengerusi saya rasa itu sahaja yang dapat saya dapat jelaskan dalam isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah menimbulkan isu-isu untuk Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM757,681,400 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM757,681,400 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

■ 1910

Maksud B.62 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Rasah.

7.10 mlm.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan B.62 ini dan merujuk kepada kod 020100 - Pengurusan Polis dan Emolumen dan jumlah sebanyak RM143,420,000 untuk membiayai perbelanjaan emolumen Polis Diraja Malaysia dan pewujudan Balai Polis dan Pondok Polis Komuniti. Pada 11 Mac yang lepas, saya telah mengemukakan satu soalan lisan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk menyatakan jumlah anggota baru PDRM yang telah ditambah sepanjang tahun 2008 mengikut jabatan di setiap negeri.

Jawapan yang saya terima daripada pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, sepanjang tahun 2008 terdapat penambahan seramai 4,363 orang pegawai dan anggota PDRM. Daripada jumlah tersebut seramai 3,952 orang atau 90% ditempatkan untuk bertugas di Jabatan Pengurusan, 218 orang atau 5% di Jabatan Logistik, 69 orang atau 1.5% di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, 52 orang atau 1.2% di Cawangan Khas, 25 orang atau 0.5% di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, 13 orang atau 0.3% di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan 34 orang atau 0.7% di Jabatan Siasatan Jenayah.

Apa yang saya hendak timbulkan di sini ialah daripada jawapan ini iaitu rekrut-rekrut baru kita seramai 4,363 orang, 90% ditempatkan di Jabatan Pengurusan atau untuk *management*. Saya tidak faham mengapa kita memerlukan begitu ramai anggota baru untuk pengurusan dan bukannya anggota-anggota baru yang ditambah untuk melawan jenayah di jalan. Jadi saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini. Mengapa 90% daripada rekrut-rekrut baru polis kita ditempatkan di Jabatan Pengurusan dan bukannya di jalan, di Bahagian CID dan sebagainya untuk melawan jenayah.

Daripada jumlah ini, kurang daripada 150 orang yang aktif untuk melawan jenayah. Over 90% yang ditempatkan di Jabatan Pengurusan. Saya juga hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setakat ini berapa ramai jumlah anggota PDRM kita pada hari ini dan saya hendak tahu peratusan. Berapa peratus di bawah pengurusan, berapa peratus di logistik, berapa peratus di CID dan berapa peratus di Cawangan Khas supaya satu senarai yang tepat dan terperinci dapat dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Saya juga hendak tahu berapa yang aktif kerana saya rasa selama ini kita dimaklumkan bahawa kita menghadapi masalah tidak cukup anggota. Namun pada hemat saya, bukan kita tidak cukup anggota tetapi masalahnya kita tidak ada masa *deployment*. Kita tidak ada *deployment* yang sistematik yang patut *dideployed* untuk melawan jenayah.

Saya berharap pihak kementerian dapat *dideployed* anggota-anggota ini supaya lebih ramai anggota polis kita yang berada di atas jalan, berada di *field* atau di atas padang untuk melawan jenayah. Walaupun nisbah yang telah diberikan oleh pihak kementerian iaitu kita mempunyai seorang anggota polis kepada 270 orang anggota. Walaupun nisbah ini mungkin tepat, tetapi apa yang saya maksudkan di sini mungkin bukan setiap anggota polis itu di bahagian untuk melawan jenayah. Itu yang menimbulkan masalah. Saya harap satu makluman yang lebih jelas dan terperinci dapat diberikan kepada Dewan yang mulia ini dan saya harap pihak kementerian dapat mengambil cadangan ini supaya mengambil langkah untuk *dideployed* anggota-anggota kita supaya lebih ramai anggota kita dapat aktif melawan jenayah. Sekian, terima kasih.

7.14 mlm.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua isu di sini. Ringkas saja iaitu tentang Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Program Pencegahan

Jenayah. Sini disebut diperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi mewujudkan Balai Polis dan Pondok Polis Komuniti. Namun pada peruntukan yang RM143 juta pun disebut juga pewujudan balai polis serta pondok polis. Jadi mana satu yang duduk di bawah itu. Itu satu soalan.

Yang kedua ialah, sejauh manakah keberkesanan pihak kementerian memantau wujudnya Pondok Polis Komuniti ini dan adakah mereka betul-betul berfungsi di dalam Program Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan ini dari segi contohnya, adakah Pondok Polis Komuniti itu cukup tenaganya. Adakah polis jaga di situ dan sebagainya. Yang akhir sekali ialah tentang perisian, peruntukan lebih kurang RM39 juta iaitu Perluasan Pelaksanaan dan Penyediaan Perkakasan Perisian ICT. Saya memang bersetuju kerana pihak keselamatan khususnya polis perlu ditingkatkan dengan teknologi ICT. Cuma saya punya pemerhatian supaya diambil catatan ialah, sejauh mana kementerian mengawas dari segi kerahsiaan sistem itu supaya tidak bocor, dan bagaimana kontraktor itu sendiri dikawal supaya perisian itu tidak bocor lalu digunakan oleh pihak-pihak yang berniat jahat kepada sistem ini. Jadi saya rasa itu sahaja saya punya pandangan, minta penjelasan Dewan ini. Terima kasih.

7.16 mlm.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan membahaskan Maksud B.62, menjurus ke butiran ii. - membiayai perbelanjaan emolumen Polis Diraja Malaysia dan pewujudkan Balai Polis serta Pondok Polis Komuniti di bawah Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Program Pencegahan Jenayah.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu dari segi perbelanjaan emolumen ini dan jumlah kakitangan yang akan memperoleh terutamanya di negeri Sabah dan secara spesifiknya di kawasan saya di Parlimen Silam. Apa yang saya minta di sini ialah di samping perbelanjaan emolumen ini juga, saya berharap supaya pihak kementerian dapat mengambil perhatian dengan bersungguh-sungguh untuk menambah jumlah anggota keselamatan kita terutamanya di kawasan Daerah Lahad Datu, yang kalau dari segi nisbah penduduknya memang tidak bersesuaian dengan jumlah anggota polis kita yang bertugas di Daerah Lahad Datu yang hanya berjumlah 180 orang dengan jumlah penduduk Bandar Lahad Datu sekarang ini 280,000. Jadi, saya berharap supaya pihak kementerian dapat mengambil perhatian dalam perkara ini terutamanya untuk menambah Pondok Polis Komuniti.

Terima kasih sebab baru-baru ini saya nampak di kawasan Bandar Perdana berhampiran dengan rumah saya ada Pondok Polis Komuniti yang baru. Saya juga ingin mencadangkan supaya dapat ditambah Pondok Polis Komuniti ini terutamanya di kawasan DUN yang terpencil dalam kawasan saya di Tungkuk, iaitu di kawasan Balai Polis Tambisan sebab kita tahu dari segi jaraknya yang terlalu jauh daripada kawasan bandar dan daripada kawasan pentadbiran polis daerah. Maka saya mohon supaya pihak kementerian dapat mengambil perhatian untuk mengambil berat dalam pewujudan pondok polis ini memandangkan Tambisan ini dekat dengan sempadan negara jiran kita.

Selain daripada itu juga, saya memohon supaya pihak kementerian dapat menyegerakan pewujudan balai polis baru untuk Daerah Kunak di kawasan saya, sebab sejak akhir-akhir ini dari segi masalah sosial terutamanya pengedaran dadah yang semakin berleluasa dan disebabkan kemudahan anggota kita yang bertugas di kawasan Daerah Kunak juga tidak begitu memuaskan dan saya berharap di peringkat awal ini supaya dapat menambah juga jumlah kakitangan anggota keselamatan polis di kawasan Daerah Kunak. Selain daripada itu juga saya memohon supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengambil tindakan.

■1920

Sebagai contohnya di Lahad Datu, walau pun ada Ketua Polis Daerah tetapi kita tidak ada Timbalan Ketua Polis Daerah. Jadi, memandangkan daerah tersebut telah bertambah besar, merupakan daerah keempat yang terbesar di negeri Sabah, maka saya mohon supaya pihak kementerian dapat mengambil perhatian dari segi penstrukturan jawatan yang diwujudkan ini untuk memperkemaskinikan lagi dari segi penguatkuasaan dan dapat menampung untuk sekurang-kurangnya kita dapat meminimumkan masalah jenayah yang semakin meluas sekarang ini.

Butiran seterusnya iaitu RM1 juta bagi perwujudan balai polis. Saya ingat sama dengan (ii) tadi. Jadi, saya berharap supaya pihak kementerian dapat mengambil perhatian. Butiran terakhir yang saya ingin sentuh ialah sebanyak RM2 juta adalah untuk menampung perbelanjaan pentadbiran pertahanan awam. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang dimaksudkan dengan perbelanjaan pentadbiran pertahanan awam ini apa yang ditekankan. Saya berharap supaya dari segi pelaksanaan ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh terutamanya di kawasan luar bandar. Kita lihat, kalau diambil sepintas lalu kita anggap masalah mungkin dari segi *ratio* atau pun aktiviti jenayah itu tidak begitu tinggi. Akan tetapi kita tidak mahu menunggu benda ini atau masalah ini wujud baru kita tergesa-gesa untuk mengambil atau pun mengatasi masalah.

Jadi, saya mencadangkan kepada pihak kementerian iaitu peruntukan RM2 juta untuk menampung perbelanjaan pentadbiran pertahanan awam ini supaya mewujudkan kenderaan bergerak untuk setiap kawasan-kawasan yang diambil kira atau pun dikenal pasti sebagai tempat yang berisiko yang selalu melibatkan banyak jenayah yang berlaku. Saya berharap supaya pihak kementerian dapat memberi keutamaan terutamanya kawasan-kawasan yang sangat terdedah dengan aktiviti jenayah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

7.23 mlm.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perbahasan peringkat Jawatankuasa B.62 – Kementerian Dalam Negeri, saya mohon merujuk kepada Butiran 5 iaitu berkaitan dengan Kemudahan Perkhidmatan Talian Rangkaian Komunikasi. Saya pohon penjelasan ialah sefaham saya pasukan Polis Diraja Malaysia adalah merupakan *end user* kepada satu projek yang lebih besar iaitu *integrated radio network* yang

melibatkan enam agensi penguat kuasa yang lain yang menelan belanja cukup besar iaitu RM1.8 bilion kos asal. Di samping *maintenance cost* untuk tempoh konsesi 20 tahun mencecah sehingga jumlahnya menjadi RM7 bilion iaitu kepada Sapura Research.

Jadi, di sini yang kita bincangkan ialah RM3.9 juta ini merupakan perbelanjaan pembekalan bagi pertambahan jawatan dan juga perluasan pelaksanaan penyediaan perkakasan perisian ICT dan juga perkhidmatan talian rangkaian telekomunikasi. Persoalannya ialah berapa jenis sistem komunikasi yang ada dalam sistem pasukan polis ini, yang pertama.

Kedua apabila polis juga merupakan *end user* kepada projek *integrated radio network* ini, yang sebenarnya 70% daripada *end user* ini adalah pasukan polis. Manakala lain-lain itu *military*, JPJ, kastam dan sebagainya, 70% adalah penyertaan polis. Di sini kita bincang pula soal satu lagi peruntukan. Jadi, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri nantinya boleh membantu kita memahami di mana kedudukan, soal berapa jenis sistem rangkaian telekomunikasi dalam pasukan polis.

Saya timbulkan ini sebab saya difahamkan reaksi pasukan polis terhadap *integrated radio network* ini Tuan Pengerusi melalui surat Ketua Polis Negara kepada pihak perbendaharaan ialah pasukan polis ada *reservation* terhadap penyertaan di bawah *integrated radio network* dengan 14 muka surat. Surat yang ditulis oleh Ketua Polis Negara itu. Akan tetapi, apabila ianya diteruskan juga melalui keputusan Kabinet pada 6 Disember tahun 2006 yang kemudiannya ditandatangani pada Januari 2007, pasukan polis tetap terus mengambil bahagian. Jadi, apakah kemudahan perkhidmatan talian rangkaian komunikasi polis ini adalah sebahagian daripada sistem itu? Mana sistem yang lebih *supreme*?

Kalau tadinya *integrated* dengan agensi penguat kuasa yang lain, apakah talian rangkaian komunikasi luas di bawah Butiran 5 ini adalah satu rangkaian telekomunikasi yang terpisah daripada *integrated ratio network*. Ini kerana dari segi saiz perbelanjaan *integrated radio network* itu adalah jauh lebih besar dengan tempoh konsesi yang jauh lebih lama. Jadi, saya mohon ianya diberikan penjelasan kerana ianya melibatkan kefahaman kita terhadap berapa jenis rangkaian komunikasi atau sistem telekomunikasi dalam pasukan polis ini sebagai barisan yang paling ke depan dalam memastikan keselamatan rakyat dan negara ini dapat dijaga.

Tuan Pengerusi, perkara terakhir yang saya hendak sentuh di bawah Maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri ini ialah soal perbelanjaan emolumen dan juga kewujudan balai polis dan pondok polis komuniti di bawah Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Program Pencegahan Jenayah. Kita sedar dalam kempen pasukan polis, dia sangat memerlukan penyertaan masyarakat turut serta terbabit di dalam program pencegahan jenayah. Maknanya polis sahaja tidak akan selesai masalah. Ia perlu melibatkan masyarakat. Pengalaman saya Tuan Pengerusi, setahun mewakili Machang ialah saya sudah lima kali menulis surat secara rasmi kepada pihak polis daerah untuk bertemu, berbincang berkenaan dengan pelbagai isu

keselamatan dalam kawasan Parlimen. Lima surat tetapi tidak menerima jawapan yang baik. Sudah setahun berlalu, tidak ada juga *respond*.

Akan tetapi, apabila pihak polis daerah Machang minta untuk saya hadir dalam majlis-majlis keramaian mereka sempena sambutan Hari Polis, atau hari kebesaran agama yang mereka adakan, bulan puasa dan sebagainya, saya hadir. Jadi, dia tidak ada seragam sedikit ya Yang Berhormat Timbalan Menteri sahabat saya dari Alor Setar, Kedah. Orang kampung saya juga. Jadi, timbal balas itu tidak berlaku. Saya harap ini kes terpencil, saya akan cuba lagi tahun ini. Saya sudah cuba dengan lima surat tetapi tidak dapat hasilnya. Saya akan cuba lagi tetapi tolong perhatikan sedikitlah. Barangkali kalau ada sedikit pandangan, permintaan dari atas, sampaikan salam dari Yang Berhormat Parlimen Machang sudah cuba lima kali tetapi tidak dapat reaksi.

Kita cuba hendak bincangkan banyak kawasan yang kita menghadapi masalah gejala penyalahgunaan dadah, kawasan Paloh Rawa misalnya itu serius. Di Kampung Kampung Pek itu serius. Kemudian beberapa kampung lagi, Kampung Gosong. Jadi, kita hendak sampai ke mana sebenarnya. Tentulah hendak berjumpa dengan pasukan polis. Apa caranya? Menulis surat. Apa lagi? Telefon. Semua sudah dibuat tetapi tidak dapat reaksi. Apa lagi kerana Yang Berhormat Machang ini Tuan Pengerusi, jajahan Machang itu kalau mengikut Jabatan Perangkaan, statistik terakhir penduduknya adalah 88,000. Pengundi saya 54,000 tetapi apabila saya pergi ke Mahkamah Machang dalam kes-kes yang sempat saya ikuti, mereka maklumkan bahawa di bahagian narkotik, bahagian dadah ini anggotanya tidak ramai, dalam empat, lima orang. Dua bahagian penguat kuasa, dua bahagian pendakwaan.

Jadi, kalau kita tengok nisbah pegawai dengan penduduk itu jauh sekali sebenarnya. Kalau kita hendak harapkan dari segi kecekapan ideal nisbah polis dan juga penduduk dalam aspek mengawal penyalahgunaan dadah sedangkan kawasan *black sport* itu cukup banyak. Saya sebut itu sebahagian sahaja. Jadi, saya mengharapkan jika sekiranya dapat kerjasama ini. Kerjasama di pihak saya dan juga pemimpin masyarakat yang lain, kita cuba tunjukkan. Dalil ada, surat, telefon. Reaksi tidak dapat, kita masih bersangka baik.

■1930

Saya akan cuba lagi dalam masa-masa ke depan ini sebab saya nampak antara syor yang saya cuba angkat sesuai dengan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Program Pencegahan Jenayah ini ialah langkah pencegahan. Institusi masjid sesuai dengan Machang yang 95% penduduknya adalah orang Islam dan ada 57 buah masjid tentu saja platform khutbah Jumaat *sure crowd*, orang mesti datang. Jadi kita nak gunakan itu untuk khutbah 15 minit ini menyarankan agar kerjasama itu dapat diberikan. Itu satu contoh, ataupun siri-siri dialog dengan komuniti. Saya tahu ianya dibuat. Dulu waktu ketua polis yang lama yang sekarang jadi Ketua Polis Perak, Datuk Zul pernah tangkap saya pun beberapa kali tapi tidak apalah yang itu cerita lain.

Cuma hubungan itu cukup cantik. Hubungan saya dengan Ketua CID Kelantan, saudara Mazlan juga cukup cantik tapi bila turun di peringkat daerah itu kita ada sedikit masalah. Saya tak tahu apa puncanya, tolong perhati sedikit ketika kita bersungguh hendak mendapat penyertaan masyarakat, kita tidak dapat respons yang positif daripada pasukan polis. Banyak perkara saya nak sampaikan tetapi biar saya hentikan dalam dua perkara itu dulu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa cukuplah perbahasan hari ini. Saya cuma berhasrat memanggil Yang Berhormat Batu Gajah selepas itu saya minta Menteri menjawab.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat Kota Melaka]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tak nak? Baik, *last* saya cuma panggil Yang Berhormat dulu lepas itu Menteri menjawablah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tak nak. Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah tak nak, dia minta Yang Berhormat Kota Melaka untuk dipanggil.

7.32 mlm.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Batu Gajah. Saya ingin juga bahas dalam B.62 – Kementerian Dalam Negeri. Difahamkan bahawa sebanyak RM143,420,000 dipohonkan untuk membiayai perbelanjaan emolumen Polis Diraja Malaysia dan perwujudan balai polis serta pondok polis komuniti di bawah Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Program Pencegahan Jenayah.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa tugas atau tanggungjawab polis di negara kita ini amat penting dan selain daripada beberapa tugas yang dijalankan, salah satu ialah untuk mengawal lalu lintas atau memberikan arahan yang betul untuk kenderaan dan amat penting sebab saya memang setuju kalau kita tambahkan lebih anggota ini di bahagian pengawalan lalu lintas sebab kesesakan lalu lintas semakin teruk bukan hanya di bandar raya Kuala Lumpur tetapi juga di Melaka.

Saya ingin bangkit satu perkara untuk kementerian iaitu Timbalan Menteri untuk memberikan keterangan atau jawapan. Pada 28 Februari, 70 buah motosikal yang ber cc besar diketuai oleh Ketua Polis Negeri Selangor bersama dengan 80 motosikal ber cc besar diketuai oleh Ketua Polis Negeri Melaka bersama-sama buat satu *one day trip* di Negeri Melaka melibatkan tiga daerah. Jasin, Asahan sampai Bandar raya Melaka dan mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang paling teruk. 150 buah motosikal yang ber cc besar ini dan dengan anggota yang beruniform buat *round* di Bandar raya Melaka dan berhenti di tapak sejarah atau tapak warisan di Melaka untuk mereka atau isteri mereka yang ikut untuk ambil gambar.

Saya tidak tahu apakah program ini atau hari itu apakah satu program yang diaturkan tetapi saya tidak faham 150 anggota polis yang kalau saya tak salah ini menjaga lalu lintas boleh senang untuk berkonvoi bersama pada satu hari dan di Melaka. Sungguhpun saya datang dari Melaka, saya mengalu-alukan anggota polis bersama dengan orang lain melawat Melaka. Saya pun setuju mereka perlu juga rehat, takkan kerja tiap-tiap hari tetapi 150 buah motosikal yang ber cc besar dengan anggota mereka diketuai oleh dua ketua polis negeri melawat Melaka untuk *one day trip*. Saya amat susah hendak terima. Adakah ini satu program ini menakutkan mat rempit bahawa kita punya motosikal lebih besar atau kah ini satu program menunjukkan hari polis kah apa? Saya pun tak pasti. Saya nak minta kalau dapat Timbalan Menteri memberikan sedikit penjelasan atas program ini.

Adakah program ini akan menjadi program tahunan? Akan melibatkan lain-lain negeri juga? Saya ingat ini amat tidak sesuai pada pandangan saya dan ini sahaja saya ingin minta penjelasan daripada Timbalan Menteri. Terima kasih.

7.37 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam Perbahasan Perbekalan Tambahan di bawah B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri di peringkat jawatankuasa. Yang pertama Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab pertanyaan ataupun hujah-hujah dari Yang Berhormat Rasah.

Yang pertama sekali ialah walaupun nampaknya kita sering nampak dan dengar bahawa anggota polis yang bertanggungjawab dengan siasatan jenayah adalah begitu kurang sekali tetapi saya ingin memberitahu Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa ini adalah satu persepsi yang tidak begitu tepat sebab semua anggota polis tak kira di mana bahagian mereka ini bertugas, pada akhirnya dia akan menjurus kepada siasatan jenayah ataupun tugas-tugas mencegah jenayah ataupun menangkap penjenayah-penjenayah yang telah pun berlaku jenayah di negara ini.

Saya bagi satu misalan kepada Yang Berhormat Rasah, pada keseluruhannya daripada segi *percentage*, siasatan jenayah kemungkinan agak kecil tetapi kalau kita campur dengan bahagian-bahagian yang lain misalnya anggota polis yang terlibat dalam Siasatan Jenayah, katalah 8.6%. Nampak daripada semua keanggotaan memang kecil peratusannya. Betul tak? Akan tetapi kalau kita campur dengan Ketenteraman Awam yang mempunyai 32.3%, kalau kita campur dengan Cawangan Khas – 5.1%, Narkotik – 3.6%, Jenayah Komersial – 1.3%, ia melebihi 50% anggota polis di seluruh negara yang terlibat dengan siasatan dan penangkapan penjenayah-penjenayah.

Buat masa ini kita mempunyai 106552 perjawatan yang sedia ada dengan Polis Diraja Malaysia tetapi daripada segi pengisian hanya 10840. Oleh kerana kerajaan begitu sedar bahawa keperluan anggota-anggota polis untuk menjaga keamanan negara ini termasuk juga

siasat dan menangkap penjenayah, maka program sentiasa diadakan untuk merekrut anggota-anggota polis yang baru.

■1940

Saya pernah jawab dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam lima tahun tempoh ini kita harap dapat merekrut lagi 60,000 anggota polis yang baru. Pada yang lepas kita telah ambil 4,000 lebih seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat juga tadi.

Yang Berhormat juga bertanya kenapa hampir 90% anggota rekrut baru ini diserapkan masuk bahagian pengurusan. Sebenarnya bukan macam itu, sebab itulah saya hendak menerangkan sedikit. Bagi anggota yang lama, yang telah mendapat latihan dan pengalaman yang mencukupi, mereka ini akan tukar jawatan dan tukar tempat. Rekrut masuk yang baru, oleh kerana mereka ini kurang kemahiran dan pengalaman, maka mereka ini diserapkan masuk bahagian pengurusan, macam-macam dan yang ada dalam pengurusan sekian lama, yang mempunyai latihan, yang betul-betul sudah mahir, mereka ini keluar dan ambil tempat mereka.

Dalam perkataan lain memang satu persepsi yang salah kalau kita sebut hanya pengurusan banyak dan siasatan jenayah yang tidak mencukupi. Yang Berhormat Parit Buntar tadi ada bertanya mengenai peruntukan sebanyak RM10 juta untuk balai polis dan balai polis komuniti. Sebenarnya ini adalah jauh...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya kurang bersetuju dengan jawapan yang diberikan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bertanya peratusan dari segi terperinci tetapi Yang Berhormat hanya memberikan kata walaupun campur pelbagai bahagian, pelbagai jabatan, hanya 50% sahaja. Adakah itu bermaksud 50% lagi terlibat dalam jabatan pengurusan?

Saya amat tidak bersetuju bahawa jabatan-jabatan seperti Cawangan Khas terlibat dalam siasatan dan juga penangkapan jenayah. Ini kerana kita semua tahu, kita semua ahli politik di sini semua tahu, apa kerja Cawangan Khas. Mereka sentiasa mengekori dan juga mengambil laporan daripada aktiviti-aktiviti politik dan bukannya terlibat secara langsung dalam kegiatan menangkap dan juga menyiasat kadar jenayah.

Jadi, saya harap itu boleh diberikan penerangan. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah dia persepsi yang sentiasa salah oleh pihak-pihak yang tidak begitu tahu tentang tugas Polis Diraja Malaysia. Kalau kita sebut anggota Cawangan Khas hanya terlibat dengan hendak mengambil risikan, dapat berita dari kegiatan ahli-ahli politik, ini memang tidak benar sama sekali. Cawangan Khas tu *Special Branch*. Ia terlibat dengan selain daripada apa Yang Berhormat kata mereka juga terlibat dengan kerja-kerja menangkap penjenayah dalam begitu banyak sekali. *So many types of crime* dengan izin, dan mereka ini terlibat juga.

Selain daripada 50% sekurang-kurangnya yang terlibat secara khusus untuk menangkap dan siasat kes-kes jenayah. Jangan lupa pendekatan baru yang diamalkan oleh Polis Diraja

Malaysia hari ini ialah semua anggota tidak kira sama ada mereka ini terlibat dalam penugasan apa pun adalah *crime fighter*, dengan izin. Ini adalah pendekatan yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia hari ini. Oleh yang demikian, walaupun saya setuju dengan Yang Berhormat iaitu kadar jenayah, pecah rumah, mahupun culik, mahupun rompakan masih dianggap tinggi di kalangan wakil-wakil rakyat. Akan tetapi saya ingin memberitahu bahawa oleh kerana pendekatan yang baru termasuk juga pengambilan anggota yang baru. Maka pada tahun ini kita dapat melihat, kita harapkan, ia akan terus menjadi satu *trend*.

Kita dapat melihat kadar penjenayah telah pun berkurangan sedikit. Ini bukan satu perkara yang harus kita rasa bangga. Ini adalah sebab banyak lagi yang kita harus buat dan kita hendak melihat satu kadar jenayah di negara ini terus turun di dalam peringkat yang kita boleh kawal. Kedua dengan pengambilan anggota yang baru, kita juga harap supaya setiap anggota polis akan berkhidmat untuk 250 orang di Malaysia ini, tetapi ini akan dicapai mengikut peringkat-peringkat.

Yang Berhormat dari Parit Buntar, mengenai RM10 juta ini saya ingin memberitahu bahawa dalam perbekalan tambahan ini adalah untuk mengurus, bukan untuk membina balai polis ataupun membina balai polis komuniti. Sebanyak RM10 juta ini digunakan untuk pengubahsuaian bangunan-bangunan yang disewa, termasuk juga sewa kelengkapan dibayar untuk balai-balai polis dan pondok-pondok polis komuniti ini. Memang saya rasa oleh kerana kita sudah mula memperkenalkan *Community Police* di negara kita ini. Kita sudah ada melebihi 60 balai polis komuniti tidak campur lagi balai-balai polis yang biasa, maka kemesraan di antara rakyat dan pihak polis telah pun meningkat. Ini telah pun banyak membantu kadar jenayah ini dikurangkan lagi.

Dari segi pelaksanaan mengenai ICT berjumlah RM3 juta ini dengan pengawasan kerahsiaan agar tidak bocor dan tidak disalahgunakan. Maka saya ingin memberitahu bahawa kerahsiaan maklumat melalui sistem ICT sentiasa menjadi keutamaan. Oleh itu, untuk memastikan maklumat tidak bocor dan dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh arahan dari MKN iaitu arahan keselamatan supaya semua dapat diselenggarakan dengan baik. Yang Berhormat dari Silam bertanya mengenai emolumen. Sebenarnya emolumen itu sudah dibayar, ini cuma permintaan pertambahan.

Dari segi pertambahan anggota diagihkan di Sarawak dan khususnya di Silam. Beliau juga minta balai polis komuniti diwujudkan di situ. Ingin saya memberitahu bahawa kita akan mengkaji balik. Sebuah balai polis komuniti telah pun wujud di situ, mungkin banyak lagi akan ditambah. Akan tetapi kita kena ingat bagaimana kita dapat mengagihkan seperti saya jawab dalam Dewan yang mulia ini semalam iaitu semua daerah. Semua kawasan ingin meminta supaya kerajaan mengadakan balai polis dan balai polis komuniti. Ini akan berdasarkan kepada keperluan, saya memahami buah fikir rakyat dari negeri Sarawak ini sentiasa meminta supaya Kerajaan Pusat khususnya Polis Diraja Malaysia mengagihkan lebih ramai anggota, mengadakan

lebih banyak balai polis untuk memerangi jenayah-jenayah di negeri Sarawak. Ini adalah satu perkara yang kita harus ambil kira dan saya percaya pegawai-pegawai saya dari KDN akan catat ini.

Dari segi Balai Polis Kunak pun sama juga, sepatutnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita kena buat di Kunak. Akan tetapi oleh kerana sesuatu yang tidak dapat dielakkan ditolak pula ke Rancangan Malaysia Kesepuluh. Dari segi JPA3 adalah sebuah organisasi sukarelawan yang banyak membantu rakyat di negara ini. Buat masa ini terdapat 60,458 orang yang telah pun menyertai Jabatan Pertahanan Awam atau pun JPA3. Kita mempunyai 24 pejabat di seluruh negara.

■1950

Walaupun kita mempunyai 14 negeri tetapi di 24 daerah kita mempunyai pejabat dan fungsi utama JPA3 ialah melatih rakyat mempunyai pengetahuan dalam aspek keselamatan dan pertahanan awam selaras dengan Akta Pertahanan Awam 1951. Di bawah akta itu juga tugas-tugas sukarelawan di bawah JPA3 ataupun Pertahanan Awam ialah melakukan kerja-kerja bantuan bencana ataupun memberi perlindungan bagi menjamin keselamatan nyawa orang atau harta benda sekiranya bencana alam berlaku.

Setakat ini saya ingin bari tahu Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan berasa amat bangga terhadap prestasi yang dicapai oleh JPA3. Permintaan permohonan untuk peruntukan tambahan yang kita minta hari ini adalah untuk khususnya bekalan makanan-makanan kering khususnya *ration* yang telah pun diberikan kepada anggota-anggota JPA3 yang membantu dalam banjir-banjir yang berlaku pada tahun lepas. Selain daripada itu juga ada sedikit peratusan jumlah yang dipohon adalah untuk memperbaiki peralatan-peralatan di pejabat dan juga peralatan termasuk membaiki bot-bot yang digunakan.

Yang Berhormat Silam pohon supaya mengadakan Balai Polis Kunak, saya sudah cakap tadi. Saya sudah bagi tahu . Saya kata ia akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Yang Berhormat Machang telah pun membangkitkan beberapa perkara. Saya ingin menjawab soalan yang pertama dulu iaitu mengenai tidak ada tindak balas atau pun tidak ada reaksi dari balai polis berkenaan khususnya di Machang walaupun beberapa kali ianya telah pun diminta oleh Yang Berhormat sendiri. Dari segi ini saya akan semak balik dan saya akan tanya juga kepada pegawai yang berkenaan sebab ada maklum balas, tidak ada reaksi.

Saya harap tahun inilah bila Yang Berhormat mempunyai program-program ataupun mempunyai cadangan-cadangan yang bernas untuk mencegah jenayah ataupun menangkap penagih-penagih dadah dalam kawasan Machang, Yang Berhormat akan mendapat tindak balas dengan secepat mungkin. Saya setuju Bahagian Narkotik adalah cukup penting dan saya kurang pasti dari segi pengagihan anggota yang bertugas dalam Jabatan Narkotik di Machang. Akan tetapi Machang ini bukan satu kawasan yang besar seperti di Kuala Lumpur ataupun di kita-kota

besar. Maka tidak begitu ramai anggota yang bertugas dalam Bahagian Anti Narkotik ini, bertugas di situ.

Biar bagi saya balik untuk melihat semula supaya sama ada wajar atau tidak dari segi pertambahan anggota untuk mencegah penagih-penagih dadah di Machang. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Machang kerana telah pun dengan sedaya upaya mengadakan hubungan mesra dengan pihak polis di Machang. Kita haraplah dengan adanya hubungan mesra ini kita dapat bersama-sama membantu kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan Machang. Yang Berhormat ada tanya tentang Butiran 5, sebanyak RM3.9 juta, sebenarnya RM3.9 juta ini adalah untuk penjara.

Ini tidak berkaitan dengan perolehan *integrated radio network* itu, tidak sangkut langsung. Di Polis Diraja Malaysia kita mempunyai tiga sistem utama *radio network* yang diguna pakai. Satu, VHF bersepadu untuk komunikasi radio. Kedua, ini kepunyaan kerajaan iaitu *integrated radio network* untuk *disaster* dan *crisis management*, dengan izin. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat sendiri iaitu *integrated radio network* dikongsi pakai dengan begitu banyak agensi kerajaan. Satu lagi adalah *two way communication system* di mana komunikasi yang berteknologi berdigital sahaja digunakan dan sistem ini adalah *supreme* berbanding dengan yang lain yang diminta oleh Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta laluan sikit. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Saya agak puas hati dengan penjelasan yang diberikan. Cuma saya juga tadi menyinggung secara khusus berkenaan dengan apabila idea *integrated radio network* ini dikemukakan, dengan polis menjadi 70% *end user* kepada program ini dan Yang Berhormat tadi menyebut tentang fungsi sebenar *integrated radio network* ini.

Apa yang saya timbulkan secara khusus tadi ialah berkenaan dengan reaksi awal pasukan polis seperti yang ditunjukkan oleh surat Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Haji Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Polis tidak bersetuju untuk dilibatkan di dalam *integrated radio network* ini atas alasan keselamatan dan sebagainya. Akan tetapi apabila pihak kerajaan meneruskan juga melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada Disember 2006, maknanya pihak polis terpaksa menerima.

Jadi antara keputusan Jemaah Menteri dengan pandangan Ketua Polis Negara yang sudah tentu mempunyai autoriti yang lebih baik berbanding Jemaah Menteri dalam aspek keselamatan. Apa sebenarnya pendirian pasukan polis dalam kes ini? Walaupun pada mulanya tidak bersetuju tapi apabila Jemaah menteri membuat keputusan menjadi bersetuju. Jadi dari segi aspek keselamatan ini kedudukan terbarunya macam mana? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Machang. Seperti saya katakan tadi, walaupun kita mempunyai tiga sistem yang diguna pakai oleh pihak polis, walaupun pada awalnya pihak polis rasa *integrated radio network* ini tidak begitu selamat digunakan dan juga berkongsi dengan begitu banyak agensi kerajaan. Walau bagaimanapun bila Kabinet sudah

bersetuju, Kerajaan Pusat sudah bersetuju supaya ianya harus diadakan sebab ianya boleh membantu agensi-agensi yang lain, maka pihak polis pun setuju supaya ianya dapat digunakan untuk *disaster* dan *crisis management* sahaja.

Ini tidak melibatkan begitu banyak isu keselamatan. Isu keselamatan kita ada dua sistem yang lain lagi. Rasanya dari segi membantu ataupun respons kepada *disaster* dan *crisis management* dengan izin, kita hanya menggunakan *integrated radio network*. Lain Agensi boleh pakai yang sama dengan ini. Yang Berhormat Kota Melaka, saya kurang pasti di mana Yang Berhormat sebut tentang pasukan polis yang bermotosikal berarak di Melaka...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Di Bandaraya Melaka.

Dato' Chor Chee Heung: Itulah, saya kurang pasti. Saya akan tanya balik sebab apa pada hari itu, apa tarikhnya Yang Berhormat tahu tidak?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Pada 28 Februari.

Dato' Chor Chee Heung: Pada 28 Februari, tahun ini kah?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tahun ini, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *[Menyampuk]*

Dato' Chor Chee Heung: Okey. Pada lazimnya Yang Berhormat begitu banyak motosikal yang ditunggang oleh anggota polis. Saya percaya bukan bersiar-siar ataupun makan angin di Melakalah. Mesti ada program ataupun ada urusan rasmi. Saya tidak dapat jawab sekarang ini sebab saya tidak tahu dan masa agak suntuk untuk mendapatkan maklumat tambahan. Akan tetapi saya akan tanya mereka dan saya beritahu Yang Berhormat.

■2000

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sedikit penjelasan. Dilaporkan dalam surat khabar ini sebagai *one day trip* untuk melawat Melaka. Oleh sebab itulah saya bangkitkan perkara ini. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Ya lah. Walau bagaimanapun, bagi saya sedikit masa untuk *check* balik sama ada, apakah *one day trip* ini akan memberi manfaat kepada pasukan polis ataupun tidak.

Baiklah, Tuan Pengerusi. Saya percaya saya sudah jawab hampir semua. Jika saya tidak dapat jawab, saya akan mengambil maklum dan tindakan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM399,272,100 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM399,272,100 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.26 [Jadual] -
Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.26 dan Kepala P.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,781,000 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,781,000 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2008.

Maksud B.31 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.31 di bawah Kementerian Pelancongan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM33,762,130 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM33,762,130 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2008 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion tiga ratus empat puluh satu juta enam ratus tujuh puluh tujuh ribu empat ratus ringgit (RM2,341,677,400) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2008, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2008 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2009 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion tiga ratus empat puluh satu juta enam ratus tujuh puluh tujuh ribu empat ratus ringgit (RM2,341,677,400) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2008, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2008 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2009 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 23 Mac 2009.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.10 malam.